

**PELAKSANAAN KUTIPAN ZAKAT PELANGGAN
DALAM AKAUN SIMPANAN *MUDHARABAH*
DI BANK MUAMALAT INDONESIA (BMI)**

MIRZAN MARWAZY

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**PELAKSANAAN KUTIPAN ZAKAT PELANGGAN
DALAM AKAUN SIMPANAN *MUDHARABAH*
DI BANK MUAMALAT INDONESIA (BMI)**

MIRZAN MARWAZY

**DISERTASI INI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

University of Malaya

**PELAKSANAAN KUTIPAN ZAKAT PELANGGAN
DALAM AKAUN SIMPANAN *MUDHARABAH*
DI BANK MUAMALAT INDONESIA (BMI)**

ABSTRAK

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang diwajibkan ke atas harta setiap Muslim. Harta yang wajib dizakatkan adalah harta yang berpotensi untuk berkembang. Berkembang di sini membawa maksud sifat harta tersebut memberikan keuntungan kepada pemiliknya. *Mudārabah* merupakan salah satu akad dalam Syariat Islam yang bermatlamatkan pembahagian keuntungan. Jadi, harta *mudārabah* adalah harta yang tertakluk kepada zakat. Berdasarkan hal ini, Bank Muamalat Indonesia (BMI) telah menawarkan satu keistimewaan kepada pelanggan akaun simpanan *mudārabah* berbentuk pembayaran zakat secara automatik bagi pelanggan yang membenarkannya. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji keabsahan atau ketepatan mekanisme yang dijalankan oleh pihak BMI dalam pembayaran zakat pelanggan ke atas akaun simpanan *mudārabah* menurut konsep zakat dalam Syariat Islam. Pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan dengan cara temu bual, dokumentasi dan data pustaka yang kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah induktif dan deduktif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *mudārabah* di BMI dari sudut pengukuran kepatuhan kepada zakat perniagaan terdapat beberapa isu yang perlu dibuat penambahbaikan agar selari dengan landasan yang telah digariskan oleh ulama fiqh klasik dan semasa.

**PELAKSANAAN KUTIPAN ZAKAT PELANGGAN
DALAM AKAUN SIMPANAN *MUDHARABAH*
DI BANK MUAMALAT INDONESIA (BMI)**

ABSTRACT

Zakat is one of the pillars of Islam imposed on Muslims' wealth. Wealth which is subjected to zakat is the wealth that has the potential to grow. The growth here means that the nature of wealth provides the profit for the owner. *Mudārabah* is one of the contracts in Shari'a which aims to distribute profit. Then, *mudārabah* wealth is property that is subjected to zakat. Based on this, Bank Muamalat Indonesia (BMI) has offered a privilege to customers of *mudārabah* savings account to pay zakat automatically. This study examined whether the mechanisms undertaken by BMI in the payment of customer's zakat on *mudārabah* savings account is consistent with the concept of zakat in Islamic Shari'a. This research utilized data collection methods through interviews and library archive. The data was then analyzed using inductive and deductive methods. Results showed that there were issues that require improvement regarding the implementation of zakat collection in *mudārabah* savings account by BMI, so that it is consistent based on the principles of zakat on business outlined by classical and contemporary fiqh scholars.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Al-Hamdulillah, segala puji bagi Allah Tuhan pentadbir seluruh alam. Selawat dan salam diucapkan buat junjungan Nabi Muhammad SAW, para sahabat, kaum kerabat baginda Nabi serta pejuang-pejuang Islam yang berjihad pada jalan Allah. Kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi di atas segala limpah rahmat dan izinNya, penulis telah berjaya menyiapkan kajian bertajuk “Kajian pelaksanaan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia”.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tak terhingga dirakamkan kepada penyelia saya Dr. Mohammad Taqiuddin Mohamad yang dengan sabar berkenan melapangkan masa dalam memberikan bimbingan, nasihat, dan doa kepada saya. Segala pengorbanan masa yang beliau peruntukkan dalam penyeliaan tesis ini, serta pelbagai ilmu yang dicurahkan dalam proses pembelajaran amatlah saya hargai. Terima kasih saya ucapkan kepada semua pensyarah dan kakitangan di Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang telah membantu penyelesaian pengajian saya.

Teristimewa ucapan terima kasih yang tak terhingga kepada ayahanda dan bonda tersayang, iaitu Tuan Marwazy dan Puan Ratna Ibrahim yang dengan ikhlas sentiasa memberi semangat, doa, nasihat, kasih sayang dan sokongan baik moral mahupun material. Seterusnya, ucapan terima kasih kepada abang dan adik-adik penulis, iaitu Fadhlhan, Putra Syawal, Muhammad Ridha Rizki serta seluruh ahli keluarga yang banyak memberikan sokongan untuk penulis dalam menamatkan pengajian ini.

Ungkapan penghargaan yang paling khusus untuk isteri yang tercinta Liza Noviani yang penuh kesabaran, kesetian dan keikhlasan telah memberi inspirasi serta

galakan sepanjang pengajian ini. Seterusnya kepada *qurrah al-a'yun*, iaitu Ahmad Faiq Alkharizmi dan Khawlah Afifah sebagai penyuntik semangat dalam perjuangan suci ini.

Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada sahabat-sahabat yang banyak membantu untuk mendapatkan rujukan-rujukan yang menyokong demi untuk menyelesaikan disertasi ini. Demikian juga, tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pemberdayaan Sumber Daya Manusia Aceh (LPSDM) yang telah memberikan tajaan untuk saya menyiapkan pengajian ini.

Akhirnya, kepada Allah SWT yang Maha Kuasa dan Bijaksana penulis meminta keampunan dan perlindungan. Semoga kajian ini menjadi amal kebaikan bagi penulis sampai hari kiamat nanti, *Āmīn yā rabb al-‘ālamīn*.

Mirzan Marwazy

Jabatan Syariah dan Ekonomi

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Email: slash_zans@yahoo.com

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL DAN RAJAH	ix
PANDUAN TRANSLITERASI	x
SENARAI KEPENDEKAN	xii
BAB I: PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Skop Kajian	7
1.7 Kajian Lepas	8
1.8 Metodologi Kajian	18
1.8.1 Pengumpulan Data	18
1.8.2 Analisis Data	21
1.9 Susunan Penulisan	22
BAB II: ZAKAT HARTA <i>MUDĀRABAH</i>	
2.1 Pendahuluan	24
2.2 Konsep Zakat	24
2.2.1 Pengertian Zakat	24
2.2.2 Dalil Kewajipan Zakat	26
2.2.3 Pembahagian Zakat Harta	27

2.2.4	Zakat Perniagaan	34
2.2.5	Definisi Zakat Perniagaan	35
2.2.6	Dalil-Dalil Kewajipan Zakat Perniagaan	37
2.2.7	Syarat-syarat Wajib Zakat Perniagaan	41
2.2.8	Mengeluarkan Zakat Perniagaan	47
2.3	Zakat Harta <i>Muḍārabah</i>	48
2.4	Penutup	53

**BAB III: PELAKSANAAN AKAD *MUḌĀRABAH* DI BANK MUAMALAT
INDONESIA (BMI)**

3.1	Pendahuluan	54
3.2	Sistem Perbankan Islam di Indonesia	54
3.3	Bank Muamalat Indonesia	56
3.3.1	Profil Bank Muamalat Indonesia	56
3.3.2	Sejarah Penubuhan BMI	57
3.3.3	Visi dan Misi BMI	59
3.3.4	Komposisi Pemilikan Saham BMI	60
3.3.5	Entiti Anak Syarikat	60
3.3.6	Produk-produk Perbankan Islam di BMI	63
3.4	Pelaksanaan Akad <i>Muḍārabah</i> dalam Akaun Simpanan <i>Muḍārabah</i> di BMI	67
3.4.1	Akad <i>Muḍārabah</i> dalam Fiqh Muamalat	67
3.4.2	Praktik Akad <i>Muḍārabah</i> dalam Akaun Simpanan di BMI	73
3.5	Penutup	79

**BAB IV: ANALISIS PELAKSANAAN KUTIPAN ZAKAT PELANGGAN
DALAM AKAUN SIMPANAN *MUḌĀRABAH* DI BANK MAUAMALAT
INDONESIA (BMI)**

4.1	Pendahuluan	80
-----	-------------	----

4.2	Pelaksanaan Kutipan Zakat Pelanggan dalam Akaun Simpanan <i>Muḍārabah</i> di Bank Muamalat Indonesia (BMI)	80
4.2.1	<i>Muḍārabah</i> adalah sebagai salah satu akad perniagaan	80
4.2.2	Akaun simpanan <i>mudārabah</i> merupakan harta zakat perniagaan	82
4.2.3	Pembayaran Zakat Pelanggan dalam Akaun Simpanan <i>Muḍārabah</i>	84
4.2.4	Kefahaman Pelanggan Terhadap Kutipan Zakat akaun simpanan <i>Muḍārabah</i> di Bank Muamalat Indonesia	86
4.3	Analisis Pelaksanaan Kutipan Zakat Pelanggan Dalam Akaun Simpanan <i>Muḍārabah</i> Di Bank Muamalat Indonesia (BMI)	87
4.3.1	Asas Pengiraan Zakat Perniagaan	88
4.3.2	Analisis Kutipan Zakat Pelanggan Akaun Simpanan <i>Muḍārabah</i> di BMI	92
4.4	Penutup	96

BAB V: PENUTUP

5.1	Pengenalan	97
5.2	Rumusan	97
5.3	Cadangan	102

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL DAN RAJAH

Jadual III.1: Komposisi Pemilikan Saham BMI

Jadual III.2: Produk-produk Berasaskan Akad *Muḍārabah*

Jadual III.3: Contoh Akaun Simpanan

Jadual IV.1: Kefahaman Pelanggan Terhadap Kutipan Zakat Akaun Simpanan

Muḍārabah di Bank Muamalat Indonesia

Rajah IV.I: Bagaimana wang boleh disebut sebagai modal dan menjadi perniagaan

University of Malaya

PANDUAN TRANSLITERASI

1. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Latin	Huruf Arab	Huruf Latin
ء	'	ض	d
ا	A	ط	t
ب	B	ظ	z
ت	T	ع	'
ث	Th	غ	gh
ج	J	ف	f
ح	H	ق	q
خ	Kh	ك	k
د	D	ل	l
ذ	Dh	م	m
ر	R	ن	n
ز	Z	و	w
س	S	هـ	h
ش	Sy	ي	y
ص	S	ة	h

2. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـَ (Fathah)	a	قَنَاتَ	<i>qanata</i>
ـِ (Kasrah)	i	سَلِمَ	<i>salima</i>
ـُ (Dammah)	u	جُعِلَ	<i>ju'ila</i>

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا / ي	ā	كُبْرَى / بَابٌ	<i>bāb / kubrā</i>
ي	ī	وَكَيْلٌ	<i>wakīl</i>
و	ū	سُورَةٌ	<i>sūrah</i>

3. Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَو	aw	قَوْلٌ	<i>qawl</i>
اَي	ay	خَيْرٌ	<i>khayr</i>
اُو	uww	قُوَّةٌ	<i>quwwah</i>
اَي	iy/ī	عَرَبِيٌّ	<i>'arabiy/ī</i>

SENARAI KEPENDEKAN

ALIF	: Al-Ijarah Indonesia Finance
ATM	: Automatic Teller Machine
BIMB	: Bank Islam Malaysia Berhad
BMI	: Bank Muamalat Indonesia
BMM	: Baitul Mal Muamalat
BPR	: Bank Penkreditan Rakyat
BPRS	: Bank Pembiayaan Rakyat Syariah
BSN	: Bank Simpanan Nasional
BUK	: Bank Umum Konvensional
BUS	: Bank Umum Syariah
Cet	: Cetakan
DPS	: Dewan Pengawas Syariah
DSN	: Dewan Syariah Nasional
Ed.	: Editor / Edisi
et.al	: et alii/ alia (dan yang lain-lain yang melebihi dua)
IB	: Islamic Bank
<i>Ibid</i>	: Ibidem
ICMI	: Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia
JKPZ	: Jawatankuasa Pengurusan Zakat

KPR	: Kredit Pemilikan Rumah
LPPBS	: Lembaga Pendidikan dan Pengembangan Perbankan Syariah
MAIN	: Majlis Agama Islam Negeri
MEPS	: Malaysia Electronic Payment
MI	: Muamalat Institut
MUI	: Majlis Ulama Indonesia
OJK	: Otoritas Jasa Keuangan
PETRONAS	: Petroliam Nasional Berhad
PPZ	: Pusat Pungutan Zakat
PT	: Perseroan Terbatas (Syarikat Berhad)
SAW	: <i>Ṣalla Allāh ‘alaih wa sallam</i>
SWT	: <i>Subhanahu wa Ta‘ala</i>
SME	: Small Medium Enterprise
UU	: Undang-Undang
UUD	: Undang-Undang Dasar
UUS	: Unit Usaha Syariah
t.t	: Tanpa Tahun Penerbitan
Vol.	: <i>Volume</i>
ZIS	: Zakat Infaq dan Sadaqah

BAB I: PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang kajian

Anjuran Allah membenarkan aktiviti jual beli dan melarang riba merupakan dasar falsafah ajaran Islam bagi kegiatan-kegiatan ekonomi Islam yang merangkumi perniagaan dan pelaburan. Falsafah ini menerangkan bahawa Allah telah menentukan hadnya untuk perniagaan muslim berasaskan prinsip keadilan, dan tidak harus wujud pihak yang berlaku zalim mahupun yang ditindas. Oleh itu, prinsip keadilan ini memberi kesan yang sangat besar dalam bidang ekonomi, termasuk dalam sistem kewangan.

Secara langsung, sistem kewangan merupakan bahagian daripada sistem ekonomi yang berperanan dalam mengurus aktiviti-aktiviti ekonomi yang berkaitan dengan kewangan, khususnya dalam menemukan unit lebihan dan unit kurangan.¹ Salah satu komponen daripada sistem kewangan iaitu institusi perbankan. Bank adalah institusi yang menjadi penghubung atau pengantara kewangan (*intermediary financial*) bagi pihak-pihak lebihan dana dengan pihak-pihak kurangan. Pihak lebihan mengamanahkan dananya kepada bank agar disimpan atau disalurkan dengan baik. Sebagai institusi pengantara, bank harus melakukan mekanisme pengumpulan dana mahupun penyaluran dana secara seimbang sesuai dengan amanah dengan tetap mengutamakan prinsip keadilan.²

Implementasi perbankan yang mengutamakan keadilan dan kesejahteraan wujud dalam mekanisme bank-bank Islam. Kerana bank-bank Islam telah menukar seluruh hubungan pinjam-meminjam menurut bank konvensional yang sedia ada kepada pelbagai

¹ Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor, "Struktur Sistem Kewangan Islam (SKI) di Malaysia," dalam *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*, ed. Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor (Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2006), 2.

² Arif Pujiyono, "Posisi dan Prospek Bank Syariah dalam Dunia Usaha Perbankan," *Jurnal Dinamika Pembangunan* vol. 1, no. 1 (Juli 2004), 46

konsep yang diiktiraf Islam seperti hubungan perkongsian.³ Salah satu bentuk penggunaan hubungan perkongsian oleh bank-bank Islam dicapai dengan akad *mudārabah* dalam produk simpanan yang mendasarkan keuntungannya berupa perkongsian untung rugi (loss and profit sharing).

Bank Islam atau di Indonesia disebut bank Syariah.⁴ Bank Muamalat Indonesia (BMI) merupakan bank pertama murni Syariah di Indonesia, ditubuhkan pada tahun 1992.⁵ Bank Muamalat Indonesia (BMI) telahpun mengamalkan prinsip Syariah dalam pelbagai aktiviti perbankan, hal ini merangkumi penawaran produk penghimpunan dan penyaluran dana.

Dalam penghimpunan dana, Bank Muamalat Indonesia memperkenalkan perkhidmatan dan produk kewangan berasaskan kepada konsep perkongsian dengan pelanggan, bukan sebagai penghutang dengan pemiutang. Ini termasuklah melalui penawaran produk akaun simpanan yang menggunakan akad *mudārabah*. Dalam mengaplikasikan prinsip *mudārabah*, pelanggan berperanan sebagai *ṣāhib al-māl* (pemilik modal) dan bank sebagai *mudārib* (pengelola).⁶ Selanjutnya, modal pelanggan akan diurusniagakan oleh bank dalam bidang pelaburan dan perniagaan yang menguntungkan, dan keuntungan yang dijana akan dibahagikan antara pelanggan dan bank mengikut kadar atau nisbah yang telah dipersetujui di peringkat awal.

Pencapaian bagi hasil yang diterima oleh pelanggan akan berbeza setiap bulannya bergantung atau mengikut kepada keuntungan yang dijana oleh bank pada bulan yang berkenaan. Oleh itu, setiap agihan keuntungan yang diterima pelanggan merupakan pendapatan bagi pelanggan, sehingga Bank Muamalat Indonesia memberi kemudahan dengan membayarkan zakat bagi hasil pelanggan setiap bulannya. Namun pembayaran

³ Zaharuddin Abd Rahman, *Wang, Anda dan Islam: halal dan haram kewangan dalam perbankan*, ed. ke-2 (Malaysia: True Wealth Sdn Bhd, 2009), 68.

⁴ Ascarya, *Akad dan Produk Bank Syariah*, ed. ke-1 (Jakarta: Rajawali Pers, 2011), 30.

⁵ Adiwarman A. Karim, *Bank Islam: Analisis Fiqih dan Keuangan*, ed. Ke-3 (Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, 2007), 25.

⁶ *Ibid.*, 108.

tersebut diadakan berdasarkan kebenaran pelanggan semasa mengisi borang pembukaan akaun.

Konsep perbankan Islam memerlukan bank Islam melaksanakan perkhidmatan sosial, seperti zakat.⁷ Hal ini dilihat dari elemen-elemen asas penyata kewangan bagi bank Islam, antaranya pernyataan sumber dan penggunaan dana zakat serta dana sosial.⁸ Ini bererti bahawa bank Islam dikehendaki menjadi pengelola zakat dalam erti wajib membayar zakat, menghimpun, mentadbirkan, dan mengagihkannya.

1.2 Permasalahan Kajian

Pada asasnya, zakat merupakan kewajipan bagi seorang Muslim untuk membayarkan sebahagian harta dan pendapatan (keuntungan) yang berkembang apabila mencapai nisab tertentu. Menurut Al-Qaradāwī, harta yang wajib dizakatkan adalah harta yang dikembangkan dengan sengaja atau berpotensi untuk berkembang.⁹

Pengertian berkembang dalam istilah semasa merupakan sifat harta yang memberikan keuntungan, faedah atau penghasilan, keuntungan pelaburan bagi pemiliknya.¹⁰ Jumhur ulama bersepakat bahawa alasan zakat adalah wajib bagi harta seperti binatang ternakan dan barang-barang dagangan adalah berkembangnya harta itu apabila diusahakan.¹¹

Sama halnya seperti binatang ternakan dan barang-barang dagangan, wang juga dianggap sebagai harta yang berpotensi untuk berkembang. Ini kerana ia merupakan simbol barangan, alat perantara urus niaga, dan alat untuk menentukan nilai sesuatu barang. Maka, jika wang dilaburkan dalam aktiviti perindustrian, perniagaan dan

⁷ Muhammad Syafi'i Antonio, *Bank Syariah dari Teori Ke Praktik*, (Jakarta: Gema Insani, 2001), 200.

⁸ *Ibid.*, 206.

⁹ Yūsuf Al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah Liahkāmihā wa Falsafatihā Fī Daw'i al-Qurān wa al-Sunnah*, (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1973), 1:139.

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ *Ibid.*, 141.

seumpamanya, ia dijangka menjana hasil pendapatan dan mengumpulkan keuntungan.¹² Di sini jelas bahawa untung merupakan satu kategori dalam konsep berkembang yang berhubung secara langsung dengan aktiviti perniagaan atau dengan perkataan yang lain bahawa ia berkait rapat dengan perkembangan dan kemajuan barang-barang perniagaan.¹³ Kesimpulannya, keuntungan adalah bahagian dari konsep *al-namā'* (berkembang atau subur) yang merupakan salah satu syarat dalam harta zakat.

Akad *muḍārabah* adalah merupakan salah satu bentuk akad dalam Syariat Islam yang bermatlamatkan pembahagian keuntungan.¹⁴ Ini bermakna bahawa harta *muḍārabah* ialah harta yang diberi oleh seseorang kepada seorang yang lain, supaya ia menjalankan perniagaan daripada modal yang diberikan itu dan untungnya dibahagikan antara mereka berdasarkan persetujuan yang dinyatakan dalam akad *muḍārabah*, maka harta ini dikira sebagai harta perniagaan.¹⁵ Oleh itu, harta *muḍārabah* adalah harta yang tertakluk kepada zakat.

Berdasarkan hal inilah, Bank Muamalat Indonesia (BMI) telah menawarkan salah satu keistimewaan kepada pelanggan akaun simpanan *muḍārabah* berbentuk pemotongan zakat secara automatik bagi pelanggan yang membenarkannya. Namun begitu, timbul pelbagai persoalan dalam amalan pemotongan zakat ini tentang kutipan BMI dan konsep pengiraannya dalam mengurus wang simpanan pelanggan.

Dalam kes ini, masih terdapat isu yang ditimbulkan. Di antaranya, adakah penaksiran zakat yang dikeluarkan oleh pihak BMI secara bersama atau penaksiran secara berasingan?. Bagaimanapun persoalan yang timbul juga adalah bagaimana pelanggan

¹² *Ibid.*, 142.

¹³ Hadenan Towpek dan Joni Tamkin Borhan, *Untung dalam Sistem Perbankan Islam* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 29.

¹⁴ *Al-muḍārabah* dari segi istilah ialah satu jenis kontrak perkongsian untung yang mana modal (ra's al-māl) datang dari satu pihak dan usaha (al-a'māl) daripada pihak yang lain. Jelaslah bahawa definisi ini menggambarkan maksud kepada pembentukan syarikah al-muḍārabah ialah penghasilan keuntungan. Sila rujuk *Ibid.*, 31.

¹⁵ Mohd. Saleh Ahmad, "Penentuan Hukum Syarak dalam Taksiran Zakat Perniagaan," dalam *Zakat: Pensyariatannya, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 161.

masih perlu mengeluarkan zakat wang simpanan mereka?. Hal ini kerana pihak BMI juga turut mengeluarkan zakat perniagaan.¹⁶ Maka perlu diperhatikan apakah pihak BMI telah pun mengeluarkan zakat simpanan bagi pihak pelanggan bersama dengan zakat perniagaan yang dilaksanakan oleh mereka?. Hal ini kerana boleh berlakunya pengulangan dalam mengeluarkan zakat atas wang yang sama sebanyak dua kali dalam satu *hawl*.

Dari perspektif fiqh klasik, adalah dipersetujui bahawa dalam kes *muḍārabah* pembekal modal bertanggungjawab untuk membayar zakat ke atas modal usaha. Namun ulama berbeza mengenai siapa yang akan bertanggungjawab untuk membayar zakat kepada keuntungan terkumpul.¹⁷ Namun perbahasan yang diungkapkan oleh para ulama dalam fiqh klasik berkenaan zakat *māl muḍārabah* masih terfokus pada hukumnya sahaja, sama ada dibayarkan oleh *rabb al-māl* atau *muḍārib*, sesuai dengan model fiqh yang diguna pakai oleh mereka. Para ulama fiqh pun belum memberikan penjelasan yang menyeluruh berkenaan dengan pelaksanaannya dari aspek pembayaran zakat ke atas akaun wang simpanan pelanggan.

Oleh itu, berdasarkan isu dan permasalahan yang dinyatakan di atas, maka kajian ini adalah untuk melihat keabsahan, ketepatan, serta kesesuaian mekanisme yang dijalankan oleh pihak Bank Muamalat Indonesia dalam menawarkan perkhidmatan dan kemudahan pembayaran zakat pelanggan ke atas akaun simpanan *muḍārabah* menurut konsep zakat dan fiqh dalam Syariat Islam.

¹⁶ Atoen, "Bank Muamalat Salurkan Zakat Lewat Baznas Rp. 1,1 M", laman sesawang *Jobs Media Online*, dicapai 7 Mac 2015, <http://jobsmediaonline.com/bank-muamalat-salurkan-zakat-lewat-baznas-rp-11-m/>

¹⁷ Wizārah al-Awqāf Wa al-Shu'ūn al-Islamiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*, ed. ke-2 (Kuwait: Dār al-Salāsīl, 1427 H) 23:277.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan huraian kepada isu dan masalah yang telah disebut di atas, maka kajian ini akan mengemukakan persoalan-persoalan berikut:

1. Bagaimana konsep zakat harta *muḍārabah* dalam Syariat Islam?
2. Bagaimana pelaksanaan akad *muḍārabah* dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia?
3. Bagaimana pelaksanaan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah*?
4. Adakah wujud kesesuaian antara pelaksanaan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* oleh Bank Muamalat Indonesia dengan konsep zakat dalam Islam?

1.4 Objektif Kajian

Merujuk kepada latar belakang kajian, permasalahan kajian dan persoalan kajian di atas, maka objektif utama dalam kajian ini, iaitu untuk:

1. Menjelaskan konsep zakat harta *muḍārabah* dalam Syariat Islam.
2. Menghuraikan pelaksanaan akad *muḍārabah* dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia.
3. Mengkaji pelaksanaan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia.
4. Menganalisis kesesuaian antara pelaksanaan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* oleh Bank Muamalat Indonesia dengan konsep zakat dalam Islam.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini sangatlah penting dijalankan kerana zakat wang simpanan merupakan antara jenis zakat yang wajib ditunaikan oleh individu Muslim apabila telah cukup syarat-syarat yang telah ditetapkan. Hal ini disebabkan sebilangan besar masyarakat Islam di Indonesia pada zaman sekarang ini, menyimpan wang di Institusi kewangan khususnya bank merupakan suatu yang menjadi lumrah. Oleh kerana itu, hasil kajian ini boleh dilaksanakan bagi pihak pentadbir bank-bank Syariah lainnya.

Kemudahan pengeluaran zakat ke atas akaun simpanan *muḍārabah* merupakan salah satu perkhidmatan yang ditawarkan sebagai kemudahan kepada pelanggan. Hal ini menjadi penting didedahkan kepada masyarakat akan kelebihan menyimpan wang di Bank Muamalat Indonesia dan secara tidak langsung dapat menyumbang kepada perkembangan sosio-ekonomi terutama kemajuan dan perkembangan institusi-institusi kewangan Islam. Oleh kerana itu, kajian ini dibuat untuk menjelaskan dengan lebih mendalam dan meluas tentang pengurusan zakat dan konsep pengiraan ke atas akaun simpanan *muḍārabah* yang dijalankan Bank Muamalat Indonesia cawangan.

1.6 Skop Kajian

Di dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji menumpukan penyelidikan kepada pengurusan zakat akaun simpanan *muḍārabah* bagi pelanggan yang membenarkan pembayaran zakat dari akaun mereka di Bank Muamalat Indonesia, seperti kaedah pengiraan dan konsep zakat perniagaan yang diguna pakai oleh pihak Bank Muamalat Indonesia, seterusnya menyentuh rumusan dan kesimpulan yang diperolehi.

Lokasi kajian yang dipilih iaitu Bank Muamalat Indonesia, kerana Bank Muamalat Indonesia adalah bank Islam yang pertama ada di Indonesia yang mana ditubuhkan pada 1 Mei 1992.

1.7 Kajian Lepas

Penulisan kajian ini berhubung kait dengan pelaksanaan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia. Oleh itu, pengkaji pada peringkat awal telah mencari dan mengenalpasti pelbagai kajian terdahulu yang berkaitan. Kajian terdahulu boleh dijadikan sebagai rujukan bagi mendapatkan gambaran dan kerangka berfikir yang lebih jelas tentang pengurusan zakat. Kajian terdahulu juga penting untuk memahami topik perbincangan suatu kajian, mengetahui apa yang telah dikaji dan yang belum dikaji bagi memastikan kajian yang dijalankan oleh pengkaji tidak sama atau berbeza dari segi materi yang dikaji, lokasi kajian, dan masa kajian.

Justeru itu, sorotan kajian lepas bagi kajian ini akan membentangkan beberapa kajian terdahulu yang mempunyai kaitan dengan kajian ini sepertimana berikut:

1. Kajian Teori Dan Konsep Berkaitan Zakat Perniagaan

Pengkajian awal mengenai zakat kebanyakannya dikembang dan diperbahaskan di dalam bentuk-bentuk penulisan hukum-hukum dan berasaskan peninjauan kepada pandangan mazhab yang tertakluk kepada contoh dan isu yang diperlukan oleh masyarakat di zaman tersebut. Antara penulisan awal mengenai zakat adalah seperti yang terdapat dalam karya-karya fiqh klasik. Umpamanya kitab *al-Mughnī* yang ditulis oleh Muwaffaq al-Dīn Abū Muḥammad ‘Abd Allāh ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn Qudāmah al-Maqdisī yang lebih dikenali sebagai Ibn Qudāmah.

Kitab *al-Mughnī* merupakan satu di antara karya besar dalam bidang perbincangan fiqh Islam. Penulis menggunakan metod fiqh perbandingan (*muqarran*) antara mazhab dengan menjadikan mazhab Imam Aḥmad ibn Ḥanbal sebagai keutamaan. Ibn Qudāmah mengemukakan perbincangan fiqh antara mazhab beserta dalilnya, dan kemudian menjelaskan kesimpulan yang paling tepat berasaskan ijtihad beliau. Sebagaimana kitab-kitab fiqh lainnya, perbincangan zakat perniagaan juga didedahkan lebih terperinci, sehingga menjadi satu rujukan dalam membentuk teori dalam kajian ini.

Mengikuti metode fiqh perbandingan (*muqaran*) juga, kitab al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab karya al-Nawawī merupakan sebahagian kekayaan fiqh klasik dan satu rujukan terbesar yang penuh dengan pendapat-pendapat fiqh keempat imam mazhab dan lain-lainnya, sekalipun fokus utama pembahasannya adalah mengenai fiqh al-Syafi‘ī.¹⁸

Abū ‘Ubayd di dalam kitab karangannya iaitu *al-Amwāl*¹⁹ juga mendedahkan perbincangan berkaitan dengan zakat perniagaan. Walaupun pendedahannya ringkas kitab ini banyak berisi riwayat hadis Nabi SAW, *āthar* para sahabat, pendapat sahabat dan ulama salaf juga pendapat Abū ‘Ubayd sendiri terhadap isu yang diperbincangkan. Kitab ensiklopedia klasik ini sangat penting untuk dijadikan rujukan dan panduan dalam membahaskan isu zakat.

Manakala penulisan zakat juga disentuh di dalam kitab-kitab fiqh terkini. Di antara kitab-kitab fiqh yang membahaskan perkara zakat secara umum dan menyentuh mengenai teori zakat perniagaan adalah *al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba‘ah* yang di tulis oleh ‘Abd al-Raḥmān al-Jazīrī,²⁰ *Fiqh al-Sunnah* karangan Sayyid Sābiq, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*²¹ karangan Wahbah al-Zuḥaylī dan selainnya.

Perbahasan zakat perniagaan dalam kitab-kitab fiqh seperti ini memberikan tumpuan kepada pandangan imam mazhab fiqh yang menyentuh konsep, dalil-dalil syarak, dan syarat-syarat yang perlu ditunaikan terlebih dahulu sebelum mengeluarkan zakat perniagaan mengikut pandangan-pandangan daripada mazhab-mazhab tersebut.

Yūsuf al-Qaraḍāwī²² yang menghuraikan permasalahan zakat secara luas mengenai ketentuan-ketentuan zakat. Aspek hukum, ekonomi, kemasyarakatan dan falsafah zakat sebagai satu penyelesaian masalah ummah dibentangkan berdasarkan

¹⁸ Abu Zakariyā Yahyā Ibn Sharaf al-Nawawī, *Al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*, (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.).

¹⁹ Abu ‘Ubayd al-Qāsim Ibn Salām, *Kitāb al-Amwāl*, (Beirut: Dār al-Shurūq, 1989).

²⁰ ‘Abd al-Raḥmān Ibn Muḥammad ‘Awaḍ al-Jazīrī, *Al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba‘ah*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003).

²¹ Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* (Beirut: Dār al-Fikr, 1977).

²² Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah Liaḥkāmihā wa Falsafatihā Fī Daw’i al-Qurān wa al-Sunnah*, (Beirut: Mu’assasah al-Risalah, 1973).

masalah umum. Beliau turut menyatakan pelbagai pendapat ulama yang sangat berbeza-beza bagi harta yang wajib zakat dengan setiap hujjah mereka masing-masing. Dalam menyetengahkan pandangan-pandangan semasa mengenai kutipan dan agihan zakat, beliau tidak tertambat pada pendapat satu-satu mazhab.

Berasaskan kepada buku ini, pengkaji dapat memahami bagaimana para ulama membahaskan kewajipan zakat wang simpanan. Zakat ini dianalogikan sebagai zakat emas dan perak. Beliau juga memaparkan dalil, hikmat, kadar, kaedah penentuan nisab, zakat wang kertas dan syarat-syarat wajib wang kertas.

Selain itu, pengkaji dapat juga mengetahui konsep dasar dan isu-isu yang berhubung kait dengan zakat perniagaan, seperti bahawa terdapat mazhab yang tidak bersependapat dengan kewajipan zakat ke atas barang perniagaan. Mereka adalah mazhab Zahiri dan mazhab Shiah Imamah. Mereka mengatakan bahawa zakat perniagaan tidak diwajibkan dengan alasan bahawa harta kekayaan orang Muslim adalah suci dan bebas daripada kewajipan dalam menunaikannya. Mereka juga berpendapat bahawa pada zaman Nabi SAW tidak terdapat satu hadis pun yang menyatakan bahawa zakat perniagaan itu diwajibkan. Selanjutnya, Yūsuf al-Qarāḍāwī juga meletakkan perbahasan ahli sunni bagi menentang segala yang dibahaskan oleh mazhab Zahiri dan Shiah Imamah. Justeru itu, buku ini menjadi rujukan utama para cendekiawan agama pada hari ini dalam memperihalkan hukum-hakam semasa.

Selanjutnya, Mahmood Zuhdi²³ telah menghasilkan buku untuk menjadi bahan ilmiah bagi kumpulan terpelajar, para pegawai dan pentadbir zakat dan sebagainya. Namun buku ini memfokuskan kepada nas-nas al-Quran dan al-Sunnah dan pentafsiran semasa kepada nas-nas berkenaan setakat yang dibenarkan oleh metodologi hukum Islam, atau Usul al-Fiqh.

²³ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003).

Selari dengan perkembangan ekonomi pada masa kini, sumber zakat pun mengalami perkembangan berdasarkan dalil umum dan *qiyās*. Didin Hafidhuddin²⁴ telah memasukkan komoditi dan perkhidmatan yang terus meluas dari semasa ke semasa sebagai sumber dan objek zakat. Beliau telah membahaskan sumber-sumber zakat dalam perekonomian moden seperti zakat profesi, zakat perusahaan, zakat saham, zakat bon, zakat perniagaan mata wang, zakat binatang-binatang ternak yang diniagakan, zakat madu, zakat pelaburan hartanah, zakat insurans Syariah, dan zakat sektor rumah tangga moden. Pembahasan ini mencakupi yang berkaitan dengan *niṣāb*, kadar bayaran, waktu pembayarannya (*hawl*), dan hal-hal lain yang berkaitan dengannya.

Salah satu makna zakat yaitu *al-namā'* (berkembang), wujud dalam harta yang diperniagakan. Mohd. Saleh Ahmad²⁵ telah membuat kajian tentang penentuan hukum syarak dalam taksiran zakat perniagaan. Beliau telah menyatakan beberapa dapatan boleh diterbitkan. Di antaranya yang pengkaji anggap penting ialah: *pertama*, harta perniagaan yang diwajibkan zakat ialah aset semasa bersama dengan keuntungan. Harta semasa merangkumi stok barang niaga pada akhir tahun, barang niaga yang telah dibayar, tetapi masih dalam perjalanan seperti dalam perjalanan kapal laut dan lain-lain kendaraan, surat niaga yang diniatkan sebagai barang niaga, hutang dagangan yang boleh dibayar oleh yang berhutang, wang tunai dalam tangan atau bank dan modal berbayar, akaun premium, rezab hasil keuntungan atau kerugian terkumpul adalah sebahagian daripada sumber modal, dan diambil kira dalam taksiran yang dikenakan zakat, dan semua jenis harta yang diistilahkan sebagai aset semasa. *Kedua*, harta zakat perniagaan diwajibkan zakat sama ada untung atau rugi kerana yang pentingnya cukup nisab pada akhir tahun qamariyyah. *Ketiga*, zakat perniagaan diwajibkan ke atas mereka yang menjalankan aktiviti perniagaan sama ada secara perseorangan atau perkongsian.

²⁴ Didin Hafidhuddin, *Zakat Dalam Perekonomian Modern*, (Jakarta: Gema Insani, 2002).

²⁵ Mohd. Saleh Ahmad, "Penentuan Hukum Syarak dalam Taksiran Zakat Perniagaan," dalam *Zakat Pensyariatannya, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006).

Menurut Ismail Yusuf dan Wan Nasyarudin Wan Abdullah²⁶ zakat perniagaan sangat luas jika dibandingkan dengan tanaman, emas dan perak. Hal ini disebabkan pelbagai jenis perniagaan baru yang muncul pada zaman moden ini dan tidak dibincangkan dalam perbahasan terdahulu. Oleh itu, menurut beliau penyusunan sistem penyelarasan dan pungutan secara sistematik akan dapat membantu zakat dipungut dengan cekap khususnya zakat perniagaan.

Selain pelbagai tulisan di atas, terdapat tulisan yang tertumpu terhadap topik spesifik tentang perakaunan zakat perniagaan. Zahri Hamat²⁷ memfokuskan penelitian terhadap punca berlakunya kepelbagaian dalam kaedah perakaunan zakat perniagaan yang diamalkan oleh negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Metodologi penulisan tersebut menggunakan prosedur kajian lapangan. Bagi maksud tersebut, para responden telah dipilih melalui pensampelan bertujuan.

Penulisan ini mendapati tiga kaedah perakaunan zakat perniagaan yang diamalkan di negeri-negeri Semenanjung Malaysia, iaitu kaedah aset semasa, kaedah modal kerja dan kaedah modal kerja yang diselaraskan. Kepelbagaian kaedah ini berlaku kerana wujudnya perbezaan tafsiran antara cendekiawan Islam terhadap perkataan *'uruḍ al-tijārah*.

2. Kajian Zakat Perbankan Dan Institusi Kewangan Islam Tertentu

Islam menetapkan bahawa harta perniagaan adalah diwajibkan zakat sama ada diperniagakan dalam bentuk persendirian, perkongsian, dan syarikat. Oleh itu, Mamat Said²⁸ cuba mendedahkan kedudukan zakat perniagaan yang dijalankan oleh Tabung Haji dalam membuat pelaburan, pengeluar zakat dan sebagai pengagihnya. Tumpuan kajian ini hanya dalam pelbagai aktiviti ekonomi disekitar tahun 1992 sehingga 1997 sebelum

²⁶ Ismail Yusuf dan Wan Nasyarudin Wan Abdullah, "Zakat Perniagaan yang Diikhtilafkan oleh Fuqaha dan Kesannya Apabila Dilaksanakan," dalam *Zakat Pensyariat, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006).

²⁷ Zahri Hamat, *Perakaunan Zakat Perniagaan di Malaysia*, (Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014).

²⁸ Mamat Said, "*Zakat Perniagaan: Satu Kajian Di Lembaga Urusan Dan Tabung Haji (LUTH)*" (Disertasi Sarjana Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001).

dan selepas pindaan Akta 535, Akta Tabung Haji 1995. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan. Adalah didapati Tabung Haji sebagai sebuah institusi kewangan Islam di Malaysia mempunyai hak untuk memperniagakan simpanan pen depositnya dan mengeluarkan zakat ke atas simpanan pen depositnya dari keuntungan perniagaannya berasaskan prinsip syarikat melalui jumlah satuan. Kebenaran ini didapati daripada pemilik modal melalui sistem ‘aqad tertulis semasa pembukaan akaun.

Kajian yang hampir serupa, Mazlia Aini²⁹ telah membuat satu kajian kes ke atas pelaksanaan kutipan zakat perniagaan di Negeri Selangor. Beliau bertujuan menyelidik dari sudut mana bidang perniagaan memberi sumbangan yang besar dalam kutipan zakat berbanding zakat harta yang lain. Matlamat ini dicapai dengan meneliti sejauhmanakah berkesannya proses kutipan zakat secara korporat sebagaimana yang dilaksanakan oleh pihak pentadbir zakat. Adapun data-data berkenaan didapati dengan metode dokumentasi dan temu bual dan kemudian dianalisis secara induktif, deduktif dan komparatif. Hasil kajian mendapati bahawa perolehan zakat perniagaan belum mencapai kejayaan sepenuhnya di mana jumlah kutipan zakat belum mampu melepasi jumlah bilangan syarikat Muslim yang berdaftar. Oleh itu, beliau menyarankan agar undang-undang terhadap zakat dikuatkuasakan supaya setiap pesalah menyedari bahawa zakat perniagaan merupakan suatu tanggungjawab yang wajib dipatuhi.

Beigtu juga, Norazah³⁰ telah menyelidik dan mengenal pasti hukum dan bentuk-bentuk zakat petroleum yang dikenakan ke atas Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) sebagai pemilik kesemuanya sumber petroleum negara di Malaysia. Data-data kualitatif dan kuantitatif yang berkenaan telah diperolehi dengan metode

²⁹ Mazlia Aini Binti Mat Taib, “Keberkesanan Pelaksanaan Kutipan Zakat Korporat Perniagaan Di Selangor” (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008).

³⁰ Norazah Binti Kosim, “Zakat Petroleum Di Malaysia: Kajian Kes Di Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)” (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).

dokumentasi, soal-selidik, observasi dan temu bual, selanjutnya dianalisis secara induktif, deduktif dan komparatif bagi menjumpai satu kesimpulan berkenaan dengan hukum zakat tersebut. Kajian ini mendapati, segala sumber harta yang dimiliki oleh PETRONAS wajib dibayarkan zakat galian atau juga zakat perniagaan.

Selain itu, dalam kajian tentang zakat dalam institusi perbankan Islam (IBIs), Muhammad Hafiz, Alias Azhar, dan Che Thalbi Md Ismail³¹ memberi tumpuan penyelidikan tentang teori dan amalan zakat di Bank Simpanan Nasional (BSN). Penulisan ini mendapati bahawa pentaksiran zakat BSN dijalankan berdasarkan kaedah *'urfyyah* dan disemak secara bersama melalui Jawatankuasa Pengurusan Zakat (JKPZ) BSN dan Pusat Pengurusan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ). Pembayaran zakat juga dibuat dengan menyerahkan keseluruhan zakat perbankan kepada semua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

Berdasarkan tinjauan Nor 'Azzah Kamri, Nor Aini Ali, dan Azizi Che Seman bahawa kewajipan menunaikan zakat perniagaan kepada semua jenis perniagaan telah pun disambut baik oleh institusi Perbankan Islam. Penyelidikan ini telah melibatkan dua buah institusi perbankan Islam yang telah dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini didapati telah menjalankan temu bual dengan sembilan orang pegawai yang terlibat secara langsung dalam pengiraan dan agihan zakat perniagaan di institusi terbabit. Hasil kajian didapati bahawa kedua-dua bank memakai kaedah yang berbeza dalam pengiraan, pembayaran dan pengagihan zakat perniagaan.³²

³¹ Muhammad Hafiz, Alias Azhar, dan Che Thalbi Md Ismail, "Sorotan Teori dan Amalan Zakat Perbankan di Bank Simpanan Nasional Berhad," dalam *Isu Kontemporari Pengurusan dan Pembayaran Zakat di Malaysia*, ed. Nor Aini Ali, Azizi Che Seman dan Mohammad Taquiuddin Mohamad (Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, t.t.), 135-148.

³² Nor 'Azzah Kamri, Nor Aini Ali, dan Azizi Che Seman, "Kaedah Pengiraan dan Agihan Zakat Perniagaan Institusi Perbankan Islam Terpilih," dalam *Isu Kontemporari Pengurusan dan Pembayaran Zakat di Malaysia*, ed. Nor Aini Ali, Azizi Che Seman dan Mohammad Taquiuddin Mohamad (Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, t.t.), 159-168.

Seterusnya pula, kajian yang sangat terperinci yang dilakukan oleh Muhammad Ikhlas bin Rosele³³ dalam perbincangan pembayaran zakat institusi kewangan Islam di Malaysia dan menghuraikan isu-isu fiqh yang timbul. Beliau telah melibatkan tiga institusi kewangan Islam yang berbeza sebagai subjek kajian. Tiga institusi tersebut iaitu Tabung Haji (TH), Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), dan MAA Takaful dianalisis untuk melihat amalan dan menilai keabsahan pembayaran zakat yang dilakukan. Penulisan ini didapati telah memilih tujuh isu yang timbul kesan daripada pembayaran zakat institusi kewangan Islam untuk dianalisis.

Secara umumnya, isu-isu yang dibangkitkan oleh beliau tersebut menjadi rujukan kepada pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Di antara isu yang sangat penting dan menjadi kerangka berfikir dalam menjalankan kajian pelaksanaan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* di BMI iaitu hubungan institusi dengan pendeposit (peserta) dalam pembayaran zakat dan isu niat pembayaran zakat.

3. Kajian Zakat Harta *Muḍārabah*.

Hasil penulisan mengenai zakat harta *muḍārabah* amat berharga bagi kajian “Pelaksanaan Kutipan Zakat Pelanggan Dalam Akaun Simpan *Muḍārabah* Di Bank Muamalat Indonesia (BMI)”. Namun begitu, kajian dan penyelidikan yang berhubung kait dengan zakat harta *muḍārabah* masih sukar ditemui.

Terdapat beberapa perbincangan berkaitan zakat harta *muḍārabah* yang berorientasikan mazhab. Antara contohnya kitab *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* karangan Wahbah al-Zuhaylī,³⁴ *al-Mabsuṭ* oleh al-Sarakhsī,³⁵ *Tuhfah al-Fuqahā’* oleh al-Samarqandī, *al-Umm* oleh al-Shafi‘ī,³⁶ *Mawāhib al-Jalīl fi Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl* oleh

³³ Muhammad Ikhlas bin Rosele, “*Isu Pembayaran Zakat Institusi Kewangan Islam di Malaysia*” (tesis doktor falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016).

³⁴ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* (Damshiq: Dār al-Fikr, t.t.), 3:234-235.

³⁵ Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Sahl al-Sarakhsī, *Al-Mabsuṭ* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1993), 2:204.

³⁶ ‘Alā’ al-Dīn al-Samarqandī, *Tuhfah al-Fuqahā’* (Berut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994) 1:315-316

al-Haṭṭāb al-Ru‘yanī al-Mālikī,³⁷ dan *Kashāf al-Qinā ‘an Matan al-Iqnā’* oleh al-Bahūtī.³⁸

Perbincangan mengenai zakat harta *muḍārabah* di dalam kitab-kitab fiqh seperti ini lebih cenderung kepada perbandingan pendapat mazhab-mazhab fiqh atau mengikut sesuai dengan model mazhab yang diikuti oleh penulis. Namun begitu, perbincangan para ulama-ulama fiqh tersebut menjadi teori utama dalam kajian ini bagi mengenal pasti hukum pembayaran zakat harta *muḍārabah*.

Muḍārabah iaitu akad berdasarkan *shīrkah* (perkongasian) di mana harta dari satu pihak dan kerja di satu pihak yang lain, supaya ia menjalankan perniagaan dan keuntungan dibahagikan antara mereka.³⁹ Justeru itu, bagi mengenalpasti konsep zakat harta *muḍārabah* dalam kajian ini, pengkaji mencuba pula melihat penulisan yang berhubung kait dengan zakat *shīrkah* (perkongasian).

Menurut Zulkifli Hasan,⁴⁰ secara umumnya konsep perkongsian dalam bentuk *muṣhārah* atau *muḍārabah* telah didapati sejak awal Islam, walaupun perbincangan mengenai konsep berkaitan perbadanan masih kurang ditemui. Namun begitu, penulis berpendapat bahawa para fuqaha Islam telah menerima konsep perbadanan yang dikenali sebagai *Shakhṣiyyah I’tibāriyyah*. Malah, kewujudan *bait al-māl* pada masa Rasul SAW membayangkan pengiktirafan konsep perbadanan. Oleh itu, kedudukan ini menunjukkan kewajipan institusi kewangan Islam untuk membayar zakat.

Namun penulisan tersebut dijalankan hanya untuk menyerlahkan kedudukan undang-undang Islam mengenai konsep perbadanan dan hubungannya dengan kewajipan

³⁷ Al-Haṭṭāb al-Ru‘yanī al-Mālikī, *Mawāhib al-Jalīl fī Sharh Mukhtaṣar Khalīl* (Beirut: Dār al-Fikr, 1992), 2:325.

³⁸ Maṣṣūr bin Yūnūs al-Bahūtī, *Kashāf al-Qinā ‘an Matan al-Iqnā’* (Beirut: Dār al-kutub ‘Ilmiyyah, t.t.), 2:171.

³⁹ Abd al-‘Aziz ‘Azat al-Khayyāt, *Al-Sharikāt fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah wa al-Qanūn al-Waḍ‘ī*, (Beirut: Muassah al-Risālah, 1983), 2:50.

⁴⁰ Zulkifli Hasan, “Does Islamic Financial Institutions Need to Pay Zakat?,” *The Malaysian Reserve*, 29 Julai 2013.

zakat bagi IFIs. Penjelasan artikel tersebut ringkas dan tidak mendedahkan hukum zakat bagi instrumen-instrumen kewangan yang sedia ada dalam IFIs.

Sayed Sikandar Shah Haneef dan Mek Wok Mahmud dalam penulisan mereka menganalisis beberapa isu-isu kontemporari mengenai perkara zakat. Di antaranya iaitu isu berkaitan zakat pada akaun pelanggan. Perbincangan tersebut menghasilkan bahawa pelanggan akaun simpanan dan akaun semasa wajib membayar zakat mengikut aturan zakat wang. Namun begitu, penulisan bersifat ringkas dan tidak merangkumi semua aspek khasnya hujah mewajibkan zakat.⁴¹

Sanep Ahmad,⁴² memandangkan perbezaan pendapat berkaitan mencampuri atau memisahkan harta, salah satu daripadanya boleh diikuti dengan syarat tidak terdapat helah untuk mengelakkan pembayaran zakat. Dalam daripada itu, mengenai penaksiran pembayaran zakat perkongsian, walaupun syarikat tidak membayar zakat atas nama syarikat, maka pemegang saham wajib mengeluarkan zakat mengikut pemegangan ekuiti masing-masing dan taksiran zakat hanya dibuat ke atas pemilikan Muslim sahaja. Walau bagaimanapun teori yang didedahkan dalam artikel ini bersifat umum dan tidak terfokus kepada institusi-institusi tertentu.

Berdasarkan tinjauan terhadap kajian-kajian terdahulu, tajuk yang mahu dikaji berkaitan pelaksanaan kutipan pembayaran zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia belum dilakukan oleh mana-mana pihak. Namun hasil dari tinjauan ini, secara tidak langsung dapat membantu pengkaji dalam menjalankan kajian berdasarkan topik yang telah dipilih.

⁴¹ Sayed Sikandar Shah Haneef dan Mek Wok Mahmud, *Issues In Contemporary Zakah: A juristic Analytical Evaluation*, (Malaysia: IIUM press, 2011), 106.

⁴² Sanep Ahmad, "Zakat Perkongsian: Ke atas Entiti Syarikat atau Individu," dalam *Zakat Penseyariatan, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006).

1.8 Metodologi Kajian

Bentuk kajian ini adalah kajian lapangan (*field research*). Melaksanakan kajian ini, pengkaji menahapkan rangka kerja kepada dua peringkat, iaitu peringkat pengumpulan data dan peringkat analisis data.

1.8.1 Pengumpulan Data

Kaedah ini digunakan untuk mengumpulkan dan mencari data-data yang diperlukan dalam penyelidikan. Kaedah pengumpulan data ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu data primer dan data sekunder.

1. Data Primer

Data-data primer didapati secara langsung ke atas tajuk yang dipilih untuk dibuat kajian. Bagi mendapatkan data-data juga maklumat, kunjungan dilakukan ke institusi yang berkaitan khususnya Bank Muamalat Indonesia. Selain itu, maklumat dan informasi didapati daripada laman-laman web, pamflet-pamflet yang berkenaan dan sumber-sumber lain.

Dalam kajian ini, dua metode telah diguna pakai untuk memperoleh data primer yang dikira sesuai untuk mengkaji dan mengupas data-data yang diperlukan di dalam penyelidikan ini, metode ini ialah:

a. Metod Dokumentasi

Metode dokumentasi ini lebih tertumpu kepada data yang ada di lapangan, terutamanya data-data yang diterbitkan mahupun tidak diterbitkan yang terdapat dalam objek yang dikaji. Bentuk pengumpulan data seperti ini sangat diperlukan untuk memenuhi tujuan kajian ini. Bagi mendapatkan data-data juga maklumat, pengkaji memeriksa laporan tahunan (*annual report*) yang diterbitkan oleh pihak Bank Muamalat Indonesia, dan kontrak yang ditawarkan pihak Bank Muamalat Indonesia kepada pelanggan. Selain itu,

maklumat dan informasi didapati daripada laman-laman web resmi Bank Muamalat Indonesia, pamflet-pamflet yang berkenaan dan sumber-sumber lain sama ada dari buku panduan pelanggan dan dokumentasi yang berhubung kait dengan tajuk kajian. Metod dokumentasi yang diperolehi digunakan secara berkesan dalam bab III dan bab IV.

b. Metod Temu Bual (*Interview*)

Kajian ini turut menggunakan metod temu bual untuk memperolehi data. Metod temu bual ini adalah metod alternatif yang berkesan selain daripada metod dokumentasi kerana ia mampu mendatangkan manfaat dan informasi terkini di dalam memberikan kefahaman yang jelas tentang pelaksanaan kutipan zakat pelanggan pada akaun simpanan *mudārabah* di Bank Muamalat Indonesia. Temu bual yang dimaksudkan ialah temutanya individu-individu yang berautoriti di dalam satu-satu bidang dalam penelitian ini, temu bual dilakukan dengan pegawai pengurusan akaun simpanan di Bank Muamalat Indonesia.

Bagi mendapatkan data-data ini, perihal pertama yang telah dilakukan oleh pengkaji ialah melakukan kunjungan ke institusi yang berkaitan khasnya Bank Muamalat Indonesia. Kunjungan ini dilakukan untuk menjalankan temu bual (*interview*). Adapun pihak yang telah ditemui iaitu:

Pertama, jawatan Customer Service (Perkhidmatan Pelanggan), iaitu puan Lia Amalia. Temu bual ini merupakan awal perolehan maklumat berkenaan akaun simpanan *mudārabah* yang ditawarkan oleh Bank Muamalat Indonesia (BMI). Namun begitu, kandungan daripada temu bual tersebut terhad pada pengenalan akaun simpanan *mudārabah* yang merangkumi prosedur pembukaan akaun simpanan *mudārabah* dan faedah berlangganan akaun tersebut.

Kedua, jawatan Domestic Operation Division iaitu Encik Raifky Bayu Aji. Dalam hal ini, pengkaji melakukan penelitian ke Ibu Pejabat BMI di Jakarta. Temu Bual ini diperlukan untuk memberikan penjelasan lebih detil mengenai praktik akad *mudārabah* dalam akaun simpanan di BMI. Hasil temu bual ini, pengkaji memperolehi data jenis-

jenis akaun simpanan yang berasaskan akad *muḍārabah* dan formula perhitungan keuntungan yang diagihkan kepada pelanggan akaun simpanan *muḍārabah*.

Ketiga, temu bual yang sangat penting bagi kajian ini bersama jawatan Shariah Compliance (jawatan kepatuhan syariah), iaitu Rudy Rinaldi Pratama. Temu bual ini diperlukan bagi pendedahan mengenai pelaksanaan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia (BMI).

Keempat, lima orang pelanggan akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia (BMI). Temua bual ini diperlukan bagi keperluan data-data yang lengkap untuk kajian dan juga untuk mengetahui kefahaman para pelanggan terhadap kutipan zakat dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia (BMI). Temua bual ini dijalankan kepada 2 responden jantina perempuan dan 3 responden jantina laki-laki.

2. Data Sekunder

Bagi mendapatkan data-data ini, perihal pertama yang telah dilakukan oleh penulis ialah melihat kepada kitab-kitab muktabar yang membahaskan isu ini iaitu dari al-Quran, hadis, kitab fikah dan pandangan serta pendapat ulama' untuk melihat penerangan berkaitan zakat perniagaan, zakat harta *muḍārabah* dan konsep *muḍārabah* terutama berkaitan definisi, rukun, jenis dan lain-lain yang berkaitan dengannya.

Penahapan selanjutnya, Pengkaji juga telah mengunjungi beberapa perpustakaan untuk mengkaji bahan-bahan dan sumber-sumber yang ada kaitannya dengan kajian ini. Sumber-sumber data yang telah diperoleh dari bahan bacaan seperti jurnal, majalah, buku-buku ilmiah yang berkaitan, tesis, disertasi, kertas seminar dan persidangan serta lain-lain bahan.

1.8.2 Analisis Data

Metode ini digunakan di dalam penguraian masalah kajian yang dibuat. Metode analisis data ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu induktif dan deduktif.

1. Metode Induktif

Metod Induktif bererti satu pola berfikir untuk membuktikan hal-hal yang bersifat khusus kepada hal-hal yang bersifat umum. Melalui metod ini, pengkaji mengumpulkan dalil-dalil dan data-data daripada pandangan *fuqahā'* mengenai zakat harta perniagaan dan zakat harta *muḍārabah* dalam Islam. Selanjutnya, dalil-dalil dan pandangan *fuqahā'* yang bersifat khusus dianalisis kepada suatu kesimpulan-kesimpulan yang bersifat umum. Sehingga pengkaji dapat menjelaskan pelaksanaan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia. Metod ini digunapakai pada bab II dan bab IV.

2. Metode Deduktif

Manakala metode deduktif menghuraikan permasalahan yang didapati dengan cara melibatkan prinsip umum yang dapat dikutip dan diterjemahkan ke dalam hipotesis dan diuji dengan empirik untuk cadangan yang tepat dan khusus. Metode ini digunakan untuk mengenal pasti prinsip akad *muḍārabah* dalam muamalah Islam yang diamalkan dalam akaun simpanan *muḍārabah* oleh Bank Muamalat Indonesia (BMI). Secara khasnya, pengkaji mengumpulkan data-data bersifat umum yang diperoleh sama ada melalui konsep *muḍārabah* dalam Islam yang bersifat umum dan laporan tahunan, dokumentasi, temu bual serta sumber lain yang berhubungkait dengan kajian. Selanjutnya, data-data yang bersifat umum tersebut dianalisis kepada satu kesimpulan-kesimpulan yang bersifat khusus. Metode ini diguna pakai pada bab III.

1.9 Susunan Penulisan

Penyelidikan ini akan dibahaskan dalam lima bab yang akan menghuraikan perkara-perkara berkaitan. Bab pertama merupakan pengenalan yang terdiri daripada latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian, kajian lepas dan susunan penulisan.

Bab kedua, bagi memperjelaskan objektif pertama kajian iaitu memahami konsep zakat harta *muḍārabah* dalam Syariat Islam. Oleh itu, bab kedua lebih kepada bentuk teoretikal, iaitu menjelaskan tentang pandangan ulama Mazhab berkaitan zakat harta *muḍārabah*. Perbincangan ini akan dimulakan dengan konsep zakat perniagaan yang merangkumi definisi zakat itu sendiri, dalil kewajipan zakat perniagaan, syarat-syarat wajib zakat perniagaan, kadar nisab zakat perniagaan, haul zakat perniagaan, dan kaedah mengeluarkan zakat perniagaan. Selanjutnya, dalam bab dua pula akan mendedahkan pendapat ulama mazhab mengenai zakat harta *muḍārabah*. Pada akhirnya menjelaskan kesimpulan tentang zakat harta *muḍārabah* dalam perspektif Islam. untuk menyokong persoalan-persoalan yang wujud dalam kajian ini.

Bab ketiga, pengkaji lebih tertumpu kepada pelaksanaan akad *muḍārabah* pada akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia (BMI) bagi menjawab objektif kajian kedua. Perkara yang dimuatkan dalam bab ini iaitu sistem perbankan Islam di Indonesia, profil BMI sebagai lokasi kajian, ini merangkumi visi dan misi BMI, komposisi pemilikan saham BMI, entiti anak Syarikat dan produk-produk Bank tersebut. Selanjutnya, Pelaksanaan akad *muḍārabah* dalam akaun simpanan *muḍārabah* di BMI, ini merangkumi akad *muḍārabah* dalam fiqh muamalat dan praktik akad *muḍārabah* dalam akaun simpanan *muḍārabah* di BMI.

Bab keempat merupakan bab yang akan menganalisis pelaksanaan kutipan zakat pelanggan pada akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia. Bab ini akan bermula dengan pemaparan dapatan kajian mengenai pelaksanaan kutipan zakat

pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* di BMI, kemudian diikuti dengan analisis konsep pelaksanaan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia (BMI) dan pada akhirnya memberikan kesimpulan adakah pelaksanaan kutipan zakat pelanggan berkenaan bersesuaian dengan konsep zakat dalam Islam.

Bab kelima pula merupakan bab terakhir yang meliputi aspek rumusan dan cadangan dari pengkaji. Dapatan kajian objektif-objektif akan diambil kira bagi membuat rumusan dan kesimpulan. Seterunya, cadangan yang diutarakan akan mengambil kira isu, masalah dan cara penyelesaian. Diharapkan cadangan yang dikemukakan dalam bab tersebut mampu memberi input berguna kepada pembaca kajian dan dapat diimplementasikan jika bersesuaian dengan masa dan keperluan.

BAB II: ZAKAT HARTA *MUḌĀRABAH*

2.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini, pengkaji membincangkan tentang konsep zakat harta *muḌārabah*. Perbincangan ini akan merangkumi pengertian zakat, dalil pensyariatkan zakat, bentuk-bentuk pembagian zakat harta, dan akan memberikan tumpuan kepada huraian zakat perniagaan. Kemudian pengkaji akan mendedahkan pendapat ulama mazhab mengenai zakat harta *muḌārabah*.

2.2 Konsep Zakat

2.2.1 Pengertian Zakat

Perkataan zakat dari sudut bahasa berasal daripada kata bahasa arab *zakā* yang bererti bertambah dan berkembang.¹ Zakat boleh bererti *al-barakah* (berkat), *al-namā'* (tumbuh), *al-ṭahārah* (suci), *al-ṣalāḥ* (damai), dan *ṣafwah al-shay'* (perkara pilihan).² Sesuatu itu *zakā* bererti tumbuh dan berkembang dan seseorang itu *zakā* bererti orang itu baik.³

Perkataan zakat juga merupakan salah satu perkataan daripada kumpulan *al-asmā'* *al-musytarakah* (kata nama yang mempunyai dua makna atau lebih). Ianya boleh membawa di antara dua makna iaitu *al-mukhraj* (sesuatu yang dikeluarkan) dan *al-fi'il* (perbuatan), maka ia digunakan ke atas *al-'ayn* (benda) bermaksud kumpulan harta yang dizakatkan dan digunakan ke atas perbuatan bermaksud *al-tazkiyah* iaitu perbuatan

¹ Yūsuf Al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah Liahkāmihā wa Falsafatihā Fī Daw'i al-Qurān wa al-Sunnah* (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1973), 1:37

² Ibrāhīm Muṣṭafā et al., *Mu'jam al-Wasīf* (Kaherah: Dār al-Da'wah, t.t.), 1:396.

³ Yūsuf Al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:37.

membersihkan.⁴ Dalam al-Quran dan hadis, kadangkala zakat disebut dengan lafaz infak, sadaqah dan hak.

Walaupun, sama ada dalam bahasa Arab atau bahasa Melayu, sadaqah tidak lagi digunakan bagi mengertikan zakat. Ia biasanya digunakan bagi mengertikan pemberian secara sukarela kepada mana-mana pihak sahaja dengan tujuan untuk mendapat pahala dari Allah. Dengan kata lain, zakat bermaksud pemberian wajib, sementara sadaqah dan infak bermaksud pemberian sunat.⁵

Zakat menurut syarak pula mempunyai pengertian yang agak luas disebabkan keluasan permasalahan yang berkait dengan pelbagai bidang harta. Oleh itu, zakat harta secara umumnya takrif yang dikemukakan oleh kebanyakan fuqaha adalah berdasarkan kepada empat unsur utama iaitu kadar harta tertentu dari jenis harta tertentu, untuk golongan tertentu, dan dengan syarat-syarat tertentu.⁶

Mengambil kira pengertian zakat secara bahasa dan syarak, hubungan makna di antara keduanya sangatlah rapat, kerana kadar harta tertentu yang dikeluarkan sebagai zakat akan menjadi tumbuh, berkembang dan bertambah.⁷ Hal ini juga sebagaimana firman Allah SWT:

وَمَا آتَيْتُمْ مِّن زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُضْعِفُونَ ﴿٣٩﴾

Al-Rūm 30:39

Terjemahan: Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda.

⁴ Jamāl al-Dīn Muḥammad Ibn Mukarram Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, ed. Ke-3 (Beirut: Dār Ṣādir, 1414 H), 14:358

⁵ Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2003), 4

⁶ Zamzuri zakaria, “Zakat Galian: Sumber Yang Diittifaq dan Diikhtilaf,” dalam *Zakat Pencyariatan Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 67

⁷ Abū Zakariyā Yahyā bin Syaraf al-Nawawī, *Al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhab* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 5:325.

2.2.2 Dalil Kewajipan Zakat

Zakat merupakan satu instrumen yang penting dalam Islam, yakni kewajipan zakat serta kedudukannya yang besar dalam Islam menjadikannya satu rukun Islam yang lima.

Banyak dalil daripada al-Quran, hadith serta ijmak ulama menunjukkan kewajipan zakat.

Dalam hal ini, di antaranya Allah SWT berfirman:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Al-Baqarah 2:43

Terjemahan: Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang Yang rukuk.

Dalam hal zakat, hadith wujud untuk memperkuat ketentuan bahawa zakat itu wajib. Di antaranya, Daripada Ibn ‘Umar RA berkata: Rasulullah SAW bersabda:

بني الإسلام على خمس : شهادة أن لا إله إلا الله، وأن محمدًا رسول الله، وإقام الصلاة، وإيتاء الزكاة، وحج البيت، وصوم رمضان

Terjemahan: Didirikan Islam itu atas lima perkara: mengucap bahawa tidak ada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah Rasul Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menunaikan haji dan berpuasa Ramadhan.⁸

Kewajipan zakat juga diperoleh melalui ijmak para ulama Islam. Tidak ada seorang pun di kalangan mereka yang membantah atau tidak bersetuju dengan hukum kewajipan zakat.⁹ Para ulama menetapkan kafir bagi orang yang mengingkari dan tidak mengakui bahawa zakat itu sesuatu kewajipan. Imam Nawāwī menyatakan dan dikuatkan oleh Ibn Qudāmah serta ahli fikih Islam lainnya bahawa bagi mereka yang mengingkari kewajipan zakat atas dasar belum mengetahuinya, maka mereka tidak ditetapkan kafir tetapi diterangkan kewajipannya, kemudian dikutip zakat daripadanya. Maka jika tetap ingkar, barulah dihukum kafir. Adapun bagi mereka yang mengingkari zakat, sekalipun

⁸ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Īmān, Bab Qawl al-Nabī SAW (Buniya al-Islām ‘alā Khams), no. Hadits 8. Lihat Muḥammad bin Ismā‘īl Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (Dār Ṭūq al-Najāh, 1422 H) 1:11.

⁹ Shofian Ahmad dan Amir Husin Mohd. Nor, *Zakat: Membangun Ummah* (Kuala Lumpur, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2002), 20.

mereka tahu hukumnya adalah fardu, maka mereka dihukum kafir dan dianggap sebagai orang murtad yang perlu dibunuh.¹⁰

2.2.3 Pembahagian Zakat Harta

Al-Quran telah menyebut kewajipan membayar zakat bersama-sama dengan kewajipan mendirikan sembahyang sebanyak 82 kali dan ini menunjukkan hubungan atau kaitan antara keduanya sangat rapat.¹¹ Namun demikian, ada dua bentuk keterangan ayat-ayat tentang kewajipan zakat. Yang pertamanya berbentuk umum dan yang keduanya berbentuk terperinci. Oleh itu, kedua-dua bentuk keterangan ini perlu dilihat dengan cermat terutama dalam memahami konsep zakat.

Secara umumnya subjek kepada pelaksanaan hukum zakat ataupun sumber zakat ialah harta kekayaan (*al-amwāl*) yang dimiliki seseorang Muslim. Merujuk kepada al-Quran, Allah SWT telah menggunakan satu lafaz umum iaitu *al-amwāl* kepada sumber yang wajib dikeluarkan zakat. Firman Allah SWT:

حُذِّ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلَّى عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٣﴾

Al-Tawbah 9:103

Terjemahan: Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sadaqah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ ﴿١٩﴾

Al-Dhāriyāt 51:19

¹⁰ Yūsuf al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:85

¹¹ Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damshiq: Dār al-Fikr, 1985), 2:733.

Terjemahan: Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).

Dalam dua ayat di atas, al-Quran menyebutkan bahawa harta-harta orang Islam yang diistilahkan sebagai *amwāl* itu mesti dikeluarkan baik sama ada kerana ia adalah hak orang miskin ataupun untuk tujuan pembersihan diri dan harta itu sendiri.¹² Tegasnya, kedua-dua ayat di atas menamakan harta secara umum sebagai sumber zakat.

Selain dari metode berbentuk umum tersebut, al-Quran menyatakan juga beberapa bentuk ayat lain yang menyebut tentang sumber zakat. Ayat-ayat tersebut ialah firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا ينفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ
بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾

Al-Tawbah 9:34

Terjemahan: Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah SWT, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

Maksud perkataan *al-kanz* dalam ayat di atas, menurut Imam Malik daripada ‘Abd Allāh ibn Dīnār daripada Ibn ‘Umar adalah harta yang tidak ditunaikan zakatnya.¹³ Ibn Qudāmah ketika memberi keterangan ayat ini berkata bahawa tidak akan menjanjikan keseksaan ke atas mereka yang tidak membayar zakat emas dan perak kecuali zakat itu wajib.¹⁴

Firman Allah SWT:

كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَعَآثُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ
الْمُسْرِفِينَ ﴿١٤١﴾

Al-An‘ām 6:141

Terjemahan: Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau

¹² Ahmad Hidayat Buang, “Harta-harta Yang Dikenakan Zakat: Satu Analisis Hukum,” *Jurnal Syariah* 6, (1998), 24-25.

¹³ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1419 H), 4:122

¹⁴ Muwaffaq al-Dīn Abī Muḥammad ‘Abd Allāh bin Ahmād bin Muḥammad bin Qudāmah, *Al-Mughnī* (Riyad: Dār ‘Ālam al-Kutub, 1998), 4:208.

belanjakan); sesungguhnya Allah SWT tidak suka kepada orang-orang yang melampau.

Menurut Ibn al-‘Arabī, ayat di atas menunjukkan kewajipan zakat pada hasil-hasil tanaman yang disebutkan oleh Allah di dalamnya.¹⁵ Selain itu, ungkapan *wa ātū haqqahu yawma ḥaṣādih* dalam ayat ini, ‘Ali Ibn Abi Ṭalḥah mengatakan daripada Ibn ‘Abbās bahawa zakat yang diwajibkan, di hari disukat hasilnya dan selepas diketahui kadar sukatan tersebut.¹⁶

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ
الْأَرْضِ

Al-Baqarah 2:267

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu.

Harta yang menjadi sumber zakat secara terperinci dalam tiga ayat yang telah disebutkan di atas iaitu emas dan perak sebagaimana yang terkandung dalam ayat pertama, hasil tanaman dan buah-buahan seperti yang tersebut dalam keterangan ayat kedua, hasil perniagaan dan usaha serta hasil-hasil galian sebagaimana yang diterangkan dalam ayat ketiga.

Meskipun jenis-jenis harta tertentu di atas telah disebut sebagai sumber zakat, namun tidak bererti membatasi (*takhṣiṣ*) bagi pengertian umum yang terdapat dalam ayat-ayat 19 surah al-Dzāriyāt dan 103 surah al-Tawbah. Secara lebih jelas, ketiga-tiga ayat tersebut hanya menerangkan kewajipan zakat pada harta-harta berkenaan. Dengan itu, pengertian umum bahwa harta sebagai hakikat sumber zakat tetap terpakai adalah suatu kenyataan yang tidak boleh dipertikaikan setakat berasaskan al-Quran.¹⁷

¹⁵ Ibn al-‘Arabī, *Aḥkam al-Quran* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 2:282.

¹⁶ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*, 3:312.

¹⁷ Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat*, 77.

Penegasan perkataan *amwāl* dalam metode yang umum sebagai sumber zakat terdapat juga dalam al-Sunnah. Di antaranya sebuah hadis yang menceritakan Rasulullah SAW ketika mengutus Muaz bin Jabal ke negeri Yaman. Sabda Baginda SAW selepas menyuruh beliau mengajar masyarakat Yaman berkenaan ketuhanan dan sembahyang:

فإن هم أطاعوا لذلك فأعلمهم أن الله افترض عليهم صدقة في أموالهم تؤخذ من أغنيائهم فترد على فقرائهم

Terjemahan: “Sekiranya mereka mentaati engkau berhubung perkara tersebut (sembahyang), maka ajarlah mereka bahawa Allah SWT memfardukan ke atas mereka sadaqah pada harta-harta mereka, diambil daripada orang kaya mereka dan dikembalikan kepada orang miskin mereka”¹⁸

Mengikut hadis ini boleh disimpulkan bahawa harta zakat tidak boleh diberikan kepada orang kafir mahupun orang kaya, kerana harta zakat adalah hak orang-orang fakir miskin.¹⁹ Jika dipandang secara menyeluruh, tugas zakat ialah untuk mengawasi agar perkembangan pendapatan setiap individu tidak melebihi pertimbangan keadilan di antara setiap individu.²⁰

من أتاه الله مالا فلم يؤد زكاته، مثل له شجاعا أقرع، له زبيتان، يطوقه يوم القيامة ثم يأخذ بلهزمزمتيه يعني شدقيه، ثم يقول: أنا مالك أنا كنز

Terjemahan: sesiapa yang diberi Allah SWT harta kepadanya dan dia tidak menunaikan zakatnya dijadikan Allah SWT pada hari akhirat seekor ular yang botak (sangat berbisa) dan mempunyai dua tompak hitam di atas matanya (sangat jahat), ular itu membelit lehernya dan kemudian membeli dagunya pula sambil berkata: akulah hartamu, akulah yang kamu simpan dahulu.²¹

Makna daripada hadis ini, iaitu harta orang yang tidak menunaikan zakat dijadikan untuknya dalam bentuk ular di hari akhirat. Manakala yang dimaksud dengan harta adalah harta yang berkembang. Menurut al-Bayḍāwī, penggunaan perkataan bagian

¹⁸ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Īmān, Bab al-Amr bi al-Īmān bi Allah wa Rasūlih, no. Hadith 19. Lihat Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth, al-‘Arabī, t.t.), 1:36.

¹⁹ Abū Zakariyā Yahyā bin Syaraf al-Nawawī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1392 H), 1:197.

²⁰ Muṣṭafā al-Khīn et al., *Al-Fiqh al-Manḥajī* (Damshiq: Dār al-Qalam, 1992), 2:10.

²¹ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Zakāh, Bab Ism Māni’ al-Zakāh, no. Hadith 1403. Lihat Muḥammad bin Ismā‘īl Abu Abd Allāh al-Ja‘fī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Ṭūq al-Najāh, 1422 H), 2:106.

badan dalam hadis ini secara terperinci kerana mereka yang enggan menunaikan zakat telah mengumpulkan hartanya dan tidak mempergunakan dengan sepatutnya.²²

Dua hadith tersebut, selain hadith-hadith lain yang sama jelas menegaskan bahawa zakat dikenakan atas harta secara umum. Secara umumnya, menunjukkan bahawa zakat dikenakan kepada apa sahaja yang diterima dan dikategorikan sebagai harta tanpa menentukan bentuknya secara khusus.

Manakala Rasulullah SAW juga menyebut secara jelas dan khusus di antara bentuk-bentuk harta yang dikenakan zakat sama ada dengan memperkukuhkan keterangan yang telah dinyatakan oleh al-Quran atau sesuatu yang tidak terdapat keterangan yang jelas di dalam al-Quran. Antara jenis harta yang disebut oleh hadith sebagai sumber zakat secara khusus seperti berikut:

1. Binatang ternakan, dalam pelbagai hadis dikemukakan bahawa binatang ternakan yang wajib dikeluarkan zakatnya setelah memenuhi syarat tertentu ada tiga jenis, iaitu unta, lembu, dan kambing. Di antaranya:

عن أبي ذر رضي الله عنه قال : انتهيت إلى النبي صلى الله عليه وسلم قال : والذي نفسي بيده أو والذي لا إله غيره أو كما حلف ما من رجل له إبل أو بقر أو غنم لا يؤدي حقها إلا أتى بها يوم القيامة أعظم ما تكون و أسمنه تطؤه بأخفافها و تنطحه بقرونها كلما جازت أхраها ردت عليه أولها حتى يقضى بين الناس.

Terjemahan: Daripada Abu Dzar RA katanya: aku datang kepada Nabi SAW lalu beliau bersabda: Demi Allah yang jiwaku di tanganNya, ataupun beliau berucap, demi yang tiada Tuhan melainkan Dia sebagaimana biasanya beliau bersumpah, tiada seorang yang punya ternakan unta, atau lembu, ataupun kambing, yang tiada ditunaikan haknya, yakni zakatnya, melainkan dia akan datang di hari kiamat dengan binatang itu dalam keadaan yang paling besar dan paling gemuk, lalu dia akan diinjak-injak dengan tumit kakinya, dan ditanduk dengan tanduknya, setiap kali selesai berlalu ke buntutnya diulangi lagi dari kepalanya sehinggalah dia dihukumkan di antara manusia.²³

²² Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1379 H), 3:270.

²³ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Zakāh, Bab Zakāh al-Baqar, no. Hadith 1460. Lihat Muḥammad bin Ismā‘īl Abu Abd Allāh al-Ja‘fi, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Ṭūq al-Najāh, 1422 H), 2:119.

2. Emas dan perak merupakan satu jenis harta yang disebut secara khusus oleh hadis-hadis Rasulullah SAW. Antara hadith-hadith berkenaan ialah sabda Rasulullah SAW

ما من صاحب ذهب و لا فضة لا يؤدي منها حقها إلا إذا كان يوم القيامة صفحت له صفائح من نار فأحمي عليها في نار جهنم فيكوى بها جنبه و جبينه و ظهره
Terjemahan: mana-mana pemilik emas dan perak yang tidak menunaikan zakatnya pada hari kiamat nanti emas dan perak itu akan dijadikan sebagai keping-keping api yang dipanaskan dalam api neraka lalu dibakar lambang, dahi dan belakangnya.²⁴

Di samping hadis ini, terdapat juga hadis-hadis tentang emas dan perak yang dijadikan mata wang, antaranya ialah sabda Rasulullah SAW:

ليس في أقل من عشرين مثقالا من الذهب و لا في أقل من مائتي درهم صدقة
Terjemahan: Tidak wajib zakat pada emas yang kurang dari dua puluh mithqal dan perak yang kurang dari dua ratus dirham.²⁵

3. Hasil tanaman. Baginda Rasulullah SAW telah menyebutkan secara khusus beberapa jenis tanaman dan buah-buahan yang dikenakan zakat ialah:

عن عمرو بن شعيب عن جده قال : إنما سن رسول الله ﷺ الزكاة في هذه الخمسة :
في الحنطة والشعير والتمر والزبيب والذرة .
Terjemahan: Dari ‘Amru Ibn Syu‘aib, dari bapanya dari datuknya, beliau berkata: Sesungguhnya Rasulullah SAW menetapkan zakat pada lima ini: gandum, barli, tamar, zabib dan jagung.²⁶

4. Barang-barang perniagaan juga merupakan harta yang dikenakan zakat yang disebut secara khusus oleh al-Sunnah. Antaranya ialah hadis yang diriwayatkan oleh Samrah ibn Jundub katanya:

كان رسول الله ﷺ يأمرنا أن نخرج الصدقة مما نعد للبيع

²⁴ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Kusuf, Bab Ism Māni‘ al-Zakāh, no. Hadith 987. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth, al-‘Arabī, t.t.), 2:680.

²⁵ Abu Muḥammad ‘Alī bin Ahmad bin Sa‘īd bin Hazm, *Al-Muhalla bi al-Āthār* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 4:176.

²⁶ Hadith riwayat al-Dāruqṭnī, Kitab al-Zakāh, Bab Mā Yajib fihi al-Zakāh min al-Habb, no. 1905. Lihat Abū al-Hasan ‘Alī bin ‘Umar bin Aḥmad bin Maḥdī bin Mas‘ūd bin al-Nu‘mān bin Dīnār al-Baghdadi al-Dāruqṭnī, *Sunan al-Dāruqṭnī* (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2004), 2:475.

Terjemahan: Rasulullah S.A.W. menyuruh kita mengeluarkan zakat dari barang-barang yang kita sediakan untuk jualan.²⁷

5. Bahan-bahan galian juga dinyatakan secara khusus sebagai sumber zakat.

Rasulullah SAW bersabda:

وفي الركاز الخمس

Terjemahan: Pada yang tertanam di perut bumi itu (dikenakan zakat) satu per lima.²⁸

Terdapat banyak lagi hadith-hadith yang menerangkan secara khusus tentang bentuk-bentuk harta yang dikenakan zakat seperti di atas. Walau bagaimanapun bukan semua nas yang lebih terperinci itu bertujuan untuk membatasi mana-mana pengertian nas yang umum. Ini adalah kerana ada sesetengahnya hanya bertujuan untuk memberi contoh atau keterangan lanjut semata-mata.²⁹ Dalam konteks ini, mengikut metodologi *Usūl al-Fiqh*, segala nas yang umum akan terus terpakai dalam pengertiannya yang umum selagi tidak dibatasi pengertiannya oleh mana-mana nas yang lain yang lebih khusus.³⁰ Oleh itu, dapat ditegaskan bahawa al-Quran dan hadith memberi kefahaman terbuka dalam masalah sumber zakat dan menunjukkan bahawa zakat dikenakan kepada apa sahaja yang diterima dan dikategorikan sebagai harta.

Berpandukan kepada nas-nas yang telah disebutkan dan lain-lain yang tidak disebutkan disini, para fuqaha telah mengembangkan dan menyusun asas pemikiran dan pandangan mereka tentang harta yang wajib dikeluarkan zakat (*al-amwāl al-zakawiyah*). Namun demikian, para fuqaha banyak berbeza pendapat tentang *al-amwāl al-zakawiyah* oleh sebab-sebab yang banyak. Di antara sesetengah fuqaha ada yang meluaskan pendapatnya, sehingga semua harta yang memenuhi nisab merupakan ke dalam objek

²⁷ Muḥammad al-Amīn bin Muḥammad al-Mukhtār bin ‘Abd al-Qādir al-Jaknī al-Shanqīfī, *Aḍwā’ al-Bayān fī Iḍāḥ al-Qur’ān bi al-Qur’ān* (Beirut: Dār al-Fikr, 1995), 2:137.

²⁸ *Ibid.*, 144.

²⁹ Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat*, 88.

³⁰ ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh* (Kaherah: Maktabah al-Da‘wah al-Islāmiyyah Shabāb al-Azhar, 1968), 181.

atau sumber zakat, tetapi ada pula yang menyempitkan pendapatnya, sehingga *al-amwāl al-zakawīyyah* bersifat tetap sesuai dengan zahir nas al-Quran dan hadith Nabi SAW.³¹

Meskipun para fuqaha berbeza pendapat pada *al-amwāl al-zakawīyyah*, namun mereka³² boleh disifatkan bersependapat dalam pengkategorian harta-harta yang dikenakan zakat sebagai berikut:³³

1. Emas dan perak, termasuk mata wang.
2. Hasil tanaman dan pertanian.
3. Hasil galian dan harta karun.
4. Hasil ternakan.
5. Barang-barang perniagaan dan perusahaan.

2.2.4 Zakat Perniagaan

Islam mengiktiraf fitrah manusia yang berkehendakkan mengumpul harta. Perniagaan merupakan salah satu usaha yang digalakkan oleh Islam bagi memenuhi fitrah manusia tersebut dan ianya dianggap ibadah yang sekiranya dilakukan bersesuaian dengan kehendak syarak. Hal ini kerana perniagaan adalah suatu sumber ekonomi yang utama hingga Rasulullah SAW pernah bersabda:

أطيب الكسب عمل الرجل بيده ، و كل بيع مبرور

Terjemahan: Sebaik-baik pekerjaan adalah pekerjaan seorang yang dilakukan dengan tangan sendiri (kerja sendiri), dan setiap jual beli (perniagaan) yang baik.³⁴

Memandangkan kepada luasnya peranan yang boleh dimainkan oleh bidang perniagaan, maka seharusnya masyarakat Islam khususnya golongan fakir miskin boleh mendapat manfaat daripadanya sebagaimana mereka mendapat manfaat daripada sumber

³¹ Didin Hafidhuddin, *Zakat Dalam Perekonomian Modern* (Jakarta:Gema Insani, 2002), 3

³² Mahmood Zuhdi Abd Majid, "Sumber-sumber Zakat : Huraian Berasaskan Realiti Semasa di Malaysia," *Jurnal Syariah*, Jld. 3, Januari 1995, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50.

³³ Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2:758.

³⁴ Muḥammad Hasan Abū Yahyā, *Iqtisādunā fi Daw' al-Qurān wa al-Sunnah* (Urdun: Dār 'Ammār li al-Nashr, 1989), 179.

ekonomi Islam yang lain. Oleh itu, tidak menjadi suatu keanehan apabila Islam mewajibkan zakat ke atas harta yang diusahakan dalam bentuk perniagaan.

2.2.5 Definisi Zakat Perniagaan

Perkataan perniagaan dalam bahasa arab disebut dengan *al-tijārah*. Secara bahasa *al-tijārah* ialah *masdar* (kata nama terbitan) yang berasal dari kata nama *tajara yatjuru tijāratān* bermakna menjual dan membeli.³⁵ Secara umumnya, ia bermakna pertukaran harta melalui cara jual dan beli untuk mendapatkan keuntungan.³⁶ Dalam al-Quran perkataan *tijārah* boleh didapati sebanyak lapan kali dan *tijāratuhum* ada satu kali.³⁷ Di antaranya, Allah SWT menyatakan di dalam firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ
تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا



Al-Nisā' 4:29

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.

Secara istilah terdapat beberapa definisi perniagaan (*al-tijārah*) mengikut pandangan ulama-ulama Islam. Menurut Al-Rāghib Al-Aṣḥānī, perniagaan adalah pengurusan modal untuk mencari keuntungan.³⁸ Al-Jurjānī memberikan definisi suatu perumpamaan membeli sesuatu untuk menjualnya demi memperoleh keuntungan.³⁹

³⁵ Jamāl al-Dīn Muhammad Ibn Mukarram Ibn Manẓur, *Lisān al-‘Arab*, ed. Ke-3 (Beirut: Dār Ṣādir, 1414 H), 4:89

³⁶ Wizārah al-Awqāf Wa al-Shu‘ūn al-Islamiyyah, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*, ed. ke-2 (Kuwait: Dār al-Salāsīl, 1427 H), 10:151.

³⁷ Adilah Mahmud, “Konsep At-Tijarah dalam Tafsir Al-Misbah Karya M. Quraish Shihab,” *Jurnal al-Asas*, Vol. III, no. 2 (Oktober 2015), 151.

³⁸ Abu al-Qāsim Al-Husayn bin Muḥammad al-aṣḥānī, *Al-Mufradāt fī Gharīb al-Qurān* (Beirut: Dār al-Qalam, 1412H), 164.

³⁹ ‘Alī bin Muḥammad al-Jurjānī, *Al-Ta‘rīfāt* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1983), 53.

Imam Al-Alūsī mendefinisikan dengan tindakan pengelolaan modal untuk tujuan keuntungan.⁴⁰

Ibn Khaldūn juga turut mendefinisikan perniagaan sebagai usaha dalam mengembangkan harta melalui cara membeli barangan dengan harga murah dan menjualnya dengan lebih harga, kadar lebih itu dinamakan dengan keuntungan.⁴¹ Ibn ‘Abidīn mengutarakan perniagaan sebagai usaha memperoleh harta dengan menggunakan harta melalui akad berjual beli, *ijārah* atau pinjaman.⁴²

Wahbah al-Zuhaylī memberikan takrif barang perniagaan sebagai barang dalam dunia selain emas dan perak sama ada ianya barang perhiasan, harta tidak alih, binatang, tanaman, pakaian dan sebagainya yang disediakan untuk perniagaan.⁴³

Perbezaan ulama-ulama terdahulu dalam mentakrifkan perniagaan dan aset perniagaan memberi kesan kepada perbezaan pemberian takrif zakat perniagaan itu sendiri. Perbezaan ini berlaku kebanyakannya kerana mereka lebih tertumpu dan bersesuaian dengan aset perniagaan yang wujud pada zaman mereka.⁴⁴

Walaupun ungkapan para ulama mengenai definisi perniagaan berlainan, namun kesemuanya adalah membawa kepada maksud yang sama iaitu adanya niat untuk mendapatkan keuntungan mengikut ketentuan syarak. Oleh itu, hal ini menjadi penentu suatu kontrak sama ada ianya merupakan kegiatan perniagaan atau bukan. Namun perbezaan yang berlaku dalam mengutarakan definisi perniagaan itu terjadi dalam memperincikan definisi sahaja.

Selanjutnya, para pakar fiqh menyebut harta perniagaan dengan sebutan ‘*ūrūd al-tijārah*. Perkataan ‘*ūrūd* (barang-barang) adalah jama’ kepada ‘*ardun*, bermakna apa-apa

⁴⁰ Shihāb al-Dīn Maḥmūd bin ‘Abd Allāh al-Husaynī al-Alūsī, *Ruḥ al-Ma‘ānī fi Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm wa al-Sab‘ al-Mathānī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1415H), 1:164.

⁴¹ Ibn Khaldūn, *Al-Muqaddimah* (Kaherah: Dār Ibn Khaldun Iskandariyyah, t.t.), 277.

⁴² Ibn ‘Abidīn, *Radd al-Mukhtār ‘alā al-Dūr al-Mukhtār* (Beirut: Dār al-Fikr, 1992), 2:272-273.

⁴³ Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 2: 787.

⁴⁴ Sanep Ahmad dan Ahmad Othman, “Penilaian Semula Taksiran Zakat Perniagaan Korporat Bagi Menghasilkan Satu Nilai Taksiran yang Seragam di Malaysia,” *Jurnal Syariah*, Vol. 18, no. 3 (2010), 566.

selain daripada emas dan perak yang berupa barangan dan perlengkapan dalam dunia.⁴⁵

Ia ditakrifkan sebagai segala sesuatu yang dimaksudkan untuk dijual dan dibeli dengan tujuan mendapatkan keuntungan walaupun berupa perkhidmatan seperti *ijārah*.⁴⁶

Berdasarkan takrif ini, dapatlah difahami bahawa semua jenis barangan berpotensi untuk dijadikan harta perniagaan yang selanjutnya tertakluk kepada zakat. Oleh itu, secara umumnya zakat perniagaan ialah zakat yang dikenakan ke atas aset perniagaan.

2.2.6 Dalil-Dalil Kewajipan Zakat Perniagaan

Zakat perniagaan adalah wajib berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Demikian juga *ijmā'* para ulama. Antara dalilnya dapat dihuraikan seperti berikut:

1. Dalil Al-Quran

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ
الْأَرْضِ وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِآخِذِيهِ إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا
فِيهِ ؕ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴿٢٦٧﴾

Al-Baqarah 2:267

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu nafkahkan daripadanya, padahal kamu sendiri tidak mahu mengambilnya melainkan dengan memicingkan mata terhadapnya. Dan ketahuilah, bahawa Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji.

Al-Ṭantāwī menafsirkan ayat di atas dengan maksud, wahai orang yang beriman keluarkan infak dari hartamu yang paling bagus yang kamu usahakannya secara

⁴⁵ Yūsuf Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:313.

⁴⁶ Muṣṭafā bin Sa‘ad bin ‘Abdah al-Rahībānī, *Maṭālib Ūlī al-Nuhā fi Sharḥ Ghayat al-Muntahā* Damaskus: Al-Maktab al-Islāmī, 1994), 2:96.

perniagaan.⁴⁷ ‘Ali bin Abi Ṭalib, ‘Abīdah Al-Salmānī, dan Ibn Sīrīn mengatakan bahawa ungkapan infak pada ayat ini bermakna zakat.⁴⁸

Menurut M.Quraish Shihab perintah mengeluarkan zakat pada ayat di atas merangkumi semua hasil usaha manusia yang pelbagai, bahkan daripada usaha-usaha baru yang muncul saban hari yang belum diketahui sebelumnya, seperti usaha di bidang perkhidmatan serta kepelbagaiannya.⁴⁹

Selain itu, kewajipan zakat perniagaan disokong oleh ayat-ayat lainnya yang berlaku umum tentang hukum wajib zakat atas semua jenis harta.⁵⁰ Antara ayat-ayat tersebut ialah firman Allah SWT:

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ ﴿١٩﴾

Al-Dhāriyyāt 51:19

Terjemahan: Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).

2. Dalil Hadith

Antara hadith-hadith Rasulullah SAW yang memberi erti wajib zakat barang-barang perniagaan ialah sebagaimana dinyatakan oleh Samurah Ibn Jundub katanya:

فإن رسول الله ﷺ كان يأمرنا أن نخرج الصدقة مما نعد للبيع

Terjemahan: Rasulullah SAW menyuruh kami mengeluarkan zakat dari harta benda yang sediakan untuk dijual.⁵¹

Ucapan perintah Rasulullah SAW pada hadith di atas memberi erti wajib dilaksanakan. Di samping itu, perkataan sadaqah yang juga disebut oleh Rasulullah SAW membawa erti zakat disebabkan wujudnya *alif lām* pada perkataan sadaqah.⁵² Oleh itu,

⁴⁷ Muḥammad Sayyid al-Ṭanṭāwī, *Al-Tafsīr al-Wasīṭ Li al-Qur’ān al-Karīm* (Kaherah: Dār Nahḍah Miṣr Li al-Ṭabā’ah Wa al-Nashr Wa al-Tawzī’, 1997), 1:615.

⁴⁸ Shams Al-Dīn Al-Qurṭubī, *al-Jāmi’ Li Ahkam al-Qur’ān* (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, t.t.), 3:320.

⁴⁹ M. Quraish Shihab, *Tafsir al-Misbah* (Jakarta: Lentera Hati, 2005), 577.

⁵⁰ Yūsuf Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:316.

⁵¹ Hadis riwayat Abū Dāwud, Kitāb al-Zakāh, Bāb al-‘Urūd idhā Kānat li al-Tijārah, no. Hadis 1562. Lihat Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud* (Beirut: Al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, t.t.), 2:95.

⁵² Yūsuf Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:317.

zakat yang disebutkan ini iaitu zakat perniagaan adalah wajib dilaksanakan sepertimana diperintahkan oleh Rasulullah SAW.

Manakala sebuah hadith lain, Imam al-Dār al-Quṭnī meriwayatkan hadith daripada abu dhar yang berkata:

سمعت رسول الله ﷺ يقول : في الإبل صدقتها وفي الغنم صدقتها وفي البقر صدقتها
وفي البز صدقته

Terjemahan: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: pada unta ada zakatnya, pada lembu ada zakatnya, pada kambing ada zakatnya dan pada tekstil dikenakan zakat.⁵³

Menurut Sayyid Sābiq, hadith ini merupakan salah satu hadith yang mewajibkan zakat perniagaan,⁵⁴ Hal ini dikeranakan perniagaan adalah kekayaan yang bersifat umum, oleh itu segala yang boleh dijual belikan seperti haiwan, biji-bijian, buah-buahan, tekstil dan lain-lain merupakan harta yang tergolong dalam nas umum yang mewajibkan zakat.⁵⁵

3. Ijmak

Terdapat berbagai riwayat daripada sahabat dan tabi‘in yang menunjukkan bahawa harta perniagaan wajib dikeluarkan zakat secara ijmak. Antara riwayat tersebut ialah:

قال ابن عمر ما كان من رقيق أو بز يراد به التجارة ففيه الزكاة

Terjemahan: Ibn ‘Umar berkata setiap hamba atau tekstil yang dimaksudkan untuk perniagaan, maka dikenakan zakat atasnya.⁵⁶

Dalam riwayat yang lain Ibrahim al-Nakh‘ī menyebutkan

عن إبراهيم قال يقوم الرجل متاعه إذا كان للتجارة، إذا حلت عليه الزكاة، فيزكيه مع
ماله

Terjemahan: Dari Ibrāhīm ia berkata, seseorang mesti menilai harta benda yang diniatkan untuk perniagaan apabila telah sampai haulnya, kemudian dizakatkan bersama dengan harta bendanya yang lain.⁵⁷

⁵³ Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī bin Muḥammad bin Aḥmad bin Hajar al-‘Asqalānī, *Ithāf al-Mahārah bi al-Fawāid al-Mubtakahar min Aṭrāf al-‘Asharah* (Madinah: Majma‘ al-Mulk, 1994), 14:181.

⁵⁴ Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 1:344.

⁵⁵ Yūsuf Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:318.

⁵⁶ Abī ‘Ubayd al-Qāsim bin Salām, *Kitāb al-Amwāl* (Beirut: Dār al-Shurūq, 1989), 527.

⁵⁷ *Ibid.*

Riwayat daripada Mujāhid menyebutkan

عن مجاهد قال ليس في الجواهر و اللؤلؤ و أشباه ذلك زكاة إلا أن يكون اشترى للتجارة

Terjemahan: Dari Mujāhid ia berkata, tidak ada kewajiban membayar zakat pada permata, mutiara, dan seumpamanya kecuali ia dibeli untuk tujuan perniagaan.⁵⁸

Riwayat-riwayat di atas dan berbagai riwayat lainnya yang tidak diketengahkan di sini menyimpulkan bahawa zakat wajib pada harta perniagaan secara ijmak sahabat, tabi'in, ulama salaf, dan jumhur ulama Islam. Oleh sebab tidak ada riwayat yang menyebut pendapat di atas disanggah, menunjukkan ijmak tentunya telah berlaku. Hal ini diriwayatkan pula oleh Ibn Mundhir yang menyatakan ahli ilmu (ulama) telah berijmak bahawa harta yang hendak diperniagakan dikenakan zakat sekiranya cukup *ḥawl*.⁵⁹

Walau bagaimanapun, kewajiban zakat perniagaan ini ditolak oleh beberapa fuqaha mazhab Zāhirī.⁶⁰ Antara dalil yang menjadi asas kepada pandangan ini ialah sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhī daripada 'Alī ibn Abī Ṭālib RA berkata:

قد عفوت عن صدقة الخيل والرقيق

Terjemahan: Aku maafkan kepada kamu zakat kuda perang dan hamba.⁶¹

Menurut al-Zuhaylī, maksud daripada hadis ini ialah zakat yang bergantung pada zat, maka tidak wajib zakat pada zat hamba dan kuda bukan dimaafkan zakat nilai.⁶² Ibn Qudamah pun berpendapat bahawa harta-harta seperti itu secara sendirinya tidak dikenakan zakat, tetapi harta tersebut diwajibkan zakat ke atas harganya apabila ia dijadikan barang perniagaan. Lagipun menurut Ibn Qudamah, hadis ini bersifat umum sedangkan hadis-hadis yang disebutkan dahulu berkenaan kewajiban zakat pada barang-

⁵⁸ *Ibid.*, 527-528

⁵⁹ Abū Bakr Muḥammad ibn Ibrāhīm ibn Mundhir al-Naysābūrī, *Al-Ijmā'* (Riyāḍ: Dār al-Muslim li Nashr wa al-Tawzī', 2004), 48.

⁶⁰ Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 1:345; Muwaffāq al-Dīn Abī Muḥammad 'Abd Allāh bin Ahmād bin Muḥammad bin Qudāmah, *Al-Mughnī*, 4:248.

⁶¹ Hadith riwayat al-Tirmidhī, Kitab al-Zakāh, Bab Ma Jā'a fi Zakāh al-Dhahab wa al-Waraq, no. Hadith 620. Lihat Abū 'Isā Muḥammad ibn 'Isā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, t.t.), 2:9.

⁶² Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī*, 2:793.

barang perniagaan adalah khusus. Oleh itu, hadis-hadis itu mesti didahulukan daripada hadis-hadis yang bersifat umum ini.⁶³

2.2.7 Syarat-syarat Wajib Zakat Perniagaan

Perniagaan tidak hanya bergantung semata-mata pada proses jual beli, kerana tidak semua proses jual beli bersifat perniagaan, seperti keadaan seseorang membeli untuk tujuan kegunaan sendiri. Dalam hal ini, tidak wujud unsur perniagaan kerana tidak ada maksud pembelian untuk mencari untung dengan menjualnya semula bagi memperoleh laba.⁶⁴

Kewajipan pembayar zakat perniagaan perlu mematuhi syarat-syarat yang telah dikemukakan oleh ulama-ulama Islam. Sebab syarat merupakan suatu keadaan yang menentukan suatu hukum.⁶⁵ Dalam penentuan syarat-syarat wajib zakat perniagaan terdapat perbezaan pandangan ulama. Di antara syarat ada yang disepakati oleh para fuqaha dan ada juga syarat yang diperselisihkan. Daripada syarat-syarat wajib zakat perniagaan tersebut, menurut pengkaji lima syarat penting yang wajib dipenuhi untuk setiap urusan perniagaan diwajibkan zakat. Adapun penjelasan daripada syarat-syarat tersebut sebagai berikut:

1. Islam

Ulama Islam sependapat bahawa zakat hanya diwajibkan ke atas orang muslim yang dewasa (*baligh*), waras (*āqil*), dan merdeka. Dengan syarat ini, ulama Islam juga sepakat bahawa zakat tidak diwajibkan kepada bukan Islam,⁶⁶ maka orang kafir tidak dituntut mengeluarkan zakat dan tidak dianggapkannya sebagai hutang atas zimmahnya yang perlu dijelaskan apabila ia memeluk Islam.⁶⁷ Ini bererti bahwa dalam perniagaan perkongsian

⁶³ Muwaffaq al-Dīn Abī Muḥammad ‘Abd Allāh bin Ahmād bin Muḥammad bin Qudāmah, *Al-Mughnī*, 4:248-249.

⁶⁴ Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat*, 214.

⁶⁵ Mamat bin Said, “Zakat Perniagaan: Satu Kajian di Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH)” (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, 2001), 30

⁶⁶ Yūsuf Al-Qarāḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:95.

⁶⁷ Abū Zakariyā Yahyā bin Syaraf al-Nawawī, *Al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhab* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 5:328

yang mempunyai pemilikan orang-orang Islam dan bukan Islam, zakat hanya dikenakan ke atas bahagian pemilikan orang Islam sahaja.

2. Milik Sempurna

Pemilikan seseorang terhadap sesuatu harta itu mestilah sempurna. Pemilikan sempurna suatu harta mempunyai pengertian bahawa memiliki zat suatu benda (fizikal) bersama dengan manfaatnya dan pemilik harta ini diberi kuasa dan kebebasan mengguna, menanam modal, memaju atau melabur dan mentadbir harta yang dimiliki sesuka hatinya.⁶⁸ Syarat ini menunjukkan bahawa wujudnya hubungan berasaskan hukum antara seseorang dengan sesuatu harta yang berakibat seseorang memperoleh hak secara mutlak dalam menggunakan harta berkenaan dan menghalangi orang lain menggunakannya.

Penentuan syarat ini, disebabkan zakat merupakan pemberian pemilikan daripada *muzakki* kepada *mustahik*. Oleh itu, tidak logis jika seseorang (*muzakki*) memindahkan dan memberikan pemilikan harta yang tidak dimilikinya kepada orang lain (*mustahik*).⁶⁹ Selain itu, Syarat ini juga dapat menzahirkan kesyukuran pemilik harta atas kurniaan Allah SWT kepadanya dengan sebab pemilikan harta tersebut.⁷⁰

Sehubungan ini juga, sekiranya syarat ini tidak dipenuhi, maka pemilikan itu dikira tidak sempurna dan dikecualikan daripada zakat. Oleh itu perkara-perkara yang menyebabkan kepada sempurna milik adalah seperti:⁷¹

- a. Penguasaan atas barang yang harus
- b. Kontrak yang berpindah milik
- c. Penggantian, hal ini terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, menggantikan seorang lain pada barang yang dia miliki, ini dinamakan perwarisan (pusaka).

⁶⁸ Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 4:58

⁶⁹ Yūsuf Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:131.

⁷⁰ Shofian Ahmad dan Amir Husin Mohd. Nur, *Zakat Membangun Ummah* (Kuala Lumpur: Utusan Pub., 2002), 58.

⁷¹ Munawar Badruddin dan Norhafizah binti Abdul Razak, "Reorientasi Tentang Zakat Perniagaan: Pengalaman di Malaysia," *Media Syariah*, Vol. XIII, no. 2 (Juli - Desember 2011), 232.

Kedua, menggantikan sesuatu dengan sesuatu yang lain. Ini dinamakan ganti rugi.⁷²

- d. Lahir daripada barang atau binatang yang dimiliki.

Mengikut pandangan 4 ulama mazhab, mazhab imam Maliki, Syafi'i, dan Hanbali mempunyai pandangan yang sama terhadap syarat harta milik sempurna iaitu milik tangan (*al-hiyāzah*) dan milik pengurusan (*milik al-taşarruf*). Manakala mazhab imam Hanafi meletakkan syarat pemilik asal (*asl al-milk*) dan milik tangan (*al-hiyāzah*).

3. Niat Untuk Berniaga

Zakat perniagaan dikenakan bagi sesuatu aset yang diniatkan untuk diniagakan. Terdapat dua unsur penting bagi menentukan sesebuah aset dikenakan zakat perniagaan atau tidak. Dua unsur tersebut iaitu niat dan tindakan, di mana kedua-dua unsur itu hendaklah wujud bersama.⁷³ Adapun niat adalah qasad atau keinginan ketika memiliki aset itu untuk perniagaan dan untuk mendapatkan keuntungan, manakala tindakan adalah melakukan jual beli.⁷⁴

Sebaliknya sesuatu aset yang dimiliki bukan bertujuan untuk diniagakan, maka ia tidak dimasukkan dalam pengiraan zakat perniagaan walaupun ianya diperolehi dengan cara jual beli. Hal ini seumpama orang membeli pakaian untuk kegunaan sendiri atau membeli kenderaan bagi kegunaan peribadi, maka aset ini dinamai '*uruđ qinyah*' iaitu harta kegunaan sendiri dan tidak dikenakan zakat. ini disebabkan ia hanya tindakan sahaja iaitu membeli tanpa niat mendapat keuntungan.⁷⁵

Sememangnya keuntungan merupakan satu sifat yang nyata dalam praktikal perniagaan itu sendiri. Walau bagaimanapun, al-Nawawi menyebutkan bahawa perniagaan bukanlah sembarangan proses pengambilan untung daripada aset yang

⁷² Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 5:510.

⁷³ Yūsuf Al-Qarađāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1: 327.

⁷⁴ Mohd. Saleh Ahmad, "Penentuan Hukum Syarak dalam Taksiran Zakat Perniagaan," dalam *Zakat Pensyariatan Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar dan Hailani Muji Tahir (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 151.

⁷⁵ *Ibid.*, 156-157.

dimiliki.⁷⁶ Menurut beliau, aset perniagaan mestilah dimiliki secara konsep berbayar seperti melalui pembelian, sewaan, sebagai bayaran mas kawin, sebagai bayar tebus talak atau sebagainya.⁷⁷

Sedangkan bagi Ibn Qudāmah konsep bayaran bukan piawaian khas bagi menjadikan sesuatu aset itu sebagai barang perniagaan. kerana beliau tidak membezakan sama ada sesuatu aset dimiliki secara bayaran ataupun tidak.⁷⁸

Oleh itu, Pandangan Ibn Qudāmah ini lebih menepati konsep perniagaan sebenar terutama dalam masyarakat sekarang ini.⁷⁹ Manakala mengikut pandangan Imam Nawāwī, zakat perniagaan hanya akan khusus kepada beberapa barangan tertentu sahaja seperti pakaian dan beberapa barangan lagi. Sedangkan banyak jenis-jenis perniagaan baru semasa seperti perusahaan, perniagaan mata wang, saham, dan lainnya yang merupakan sektor perniagaan penjana keuntungan terbanyak pada zaman ini tidak boleh dikategorikan dalam zakat perniagaan.

4. Cukup Nisab

Pada umumnya zakat dikenakan bagi harta apabila telah mencapai suatu ukuran tertentu yang disebut nisab. Nisab adalah paras minima yang menjadi penentuan sesuatu harta sama ada wajib atau tidak dikeluarkan zakat. Jumhur fuqaha bersependapat bahawa nisab merupakan syarat yang semestinya ada bagi mewajibkan zakat pada semua jenis harta. Selain itu, Nisab yang dikira adalah lebih daripada keperluan asas iaitu bersih dari hutang dan keperluan asas pemilik. Namun begitu, menurut pendapat imam Syafi'ī tidak ada syarat hutang dalam menentukan sama ada harta tersebut layak nisab atau tidak.⁸⁰

Adapun zakat perniagaan hendaklah cukup nisab emas atau nisab perak. Kebanyakan fuqaha menggunakan ukuran unit emas untuk kepentingan fakir miskin,

⁷⁶ Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat*, 216-217.

⁷⁷ Abū Zakariyā Yahyā bin Syaraf al-Nawawī, *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhab*, 6:48

⁷⁸ Muwaffaq al-Dīn Abī Muḥammad 'Abd Allāh bin Ahmād bin Muḥammad bin Qudāmah, *Al-Mughnī* (Riyad: Dār 'Ālam al-Kutub, 1998), 4:250.

⁷⁹ Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat*, 218.

⁸⁰ JAWHAR, *Manual Pengiraan Zakat Perbankan* (Putra Jaya: JAWHAR, 2010), 10.

kerana harga-harga emas di pasaran adalah lebih stabil berbanding dengan harga perak yang berlaku di pasaran.⁸¹ Oleh itu, nisab zakat perniagaan adalah bersamaan 85 gram emas nilai semasa yang berlaku di setiap daerah, sama ada modal perniagaan berbentuk wang tunai atau modal berupa barangan.⁸² Ketetapan ini berasaskan nilai mata wang yang bersandarkan emas.

5. Cukup Haul

Cukup haul bererti pemilikan harta yang berada di tangan si pemilik sudah berjalan dua belas bulan kamariah. Namun begitu, Mukhtamar Zakat Pertama yang diadakan di Kuwait membolehkan penggunaan perhitungan tahun *Shamsiyyah* dengan menukar kadar zakat sebanyak 2.5% kepada 2.575%, jikalau lembaran imbangan (kunci kira-kira) dibuat berasaskan bulan-bulan dalam tahun tersebut.⁸³

Secara umumnya, terdapat dua sifat harta yang dikenakan zakat iaitu harta yang bersifat modal dan harta yang bersifat pendapatan. Persyaratan cukup haul hanyalah terpakai pada harta-harta yang bersifat modal sahaja seperti binatang ternakan, wang dan barang perniagaan. Manakala harta-harta yang bersifat pendapatan, ianya tidak tertakluk pada syarat cukup haul, di antara harta yang bersifat pendapatan seperti hasil tanaman, hasil galian, harta karun dan sebagainya.⁸⁴

Khusus bagi zakat harta perniagaan pula, ulama berselisih pendapat pada penetapan haulnya. Di antara persoalan yang muncul iaitu bilakah syarat haul ia bermula. Perbezaan pendapat para ulama pada penetapan haul berhubung kait dengan bilakah penentuan nisab harta perniagaan itu. Oleh itu, pendapat di kalangan para fuqaha dalam masalah ini seperti berikut:

⁸¹ Muhammad Kamal 'Atiyah, *Perakaunan Zakat Teori dan Praktis*, terj. Mohd. Nor bin Ngah (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 15.

⁸² Yūsuf Al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:329.

⁸³ Suryani binti Masnan, "Kaedah Pembayaran Zakat Pendapatan Melalui Skim Potongan Gaji Oleh Lembaga Zakat Selangor" (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, 2012), 69-70.

⁸⁴ Yūsuf Al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:161

- a. Pendapat pertama mengatakan haul bermula bersama dengan bermulanya perniagaan berkenaan walaupun pada waktu itu nisab belum cukup. Ertinya soal cukup nisab atau tidak pada permulaan tidak penting dan nisab dihitung di akhir tahun sahaja. Hal ini disebabkan berlakunya kesukaran untuk melakukan penilaian barang berkenaan pada setiap masa. Pandangan ini dikemukakan oleh Imam Malik⁸⁵ dan Imam Syāfi‘ī.⁸⁶
- b. Pendapat kedua hampir serupa dengan pendapat pertama. Namun begitu, pandangan ini memberikan pilihan pada barang berkenaan cukup nisab pada awal atau akhir haul. Ertinya, jikalau harta perniagaan cukup nisab pada salah satu awal atau akhir haul, maka zakat wajib dikenakan. Adapun alasan yang dikemukakan serupa dengan alasan pendapat pertama. Pendapat ini dikemukakan oleh Abu Hanifah dan sahabat-sahabatnya.⁸⁷
- c. Pendapat yang ketiga mengatakan bahawa haul hanya bermula apabila harta zakat berkenaan sudah cukup nisab. Berasaskan pendapat ini, nisab harus diperiksa setiap waktu. Ertinya apabila berlakunya kemerosotan nilai barang di bawah paras nisab pada bila-bila masa sahaja sebelum haul berkenaan cukup maka haul terbatal. Ini merupakan pandangan al-Thauri, para fuqaha Iraq, Ishaq Ibn Rahaawayh, Abū Ubaid, Abū Thaur dan Ibn al-Mundhir.⁸⁸

Mengikut Al-Qaraḍāwī, pandangan pertama yang diketengahkan oleh Imam Malik dan Imam Syāfi‘ī sepatutnya diterima. Kerana hal ini bersesuaian dengan apa yang telah dijalankan pada zaman Nabi dan khalifah al-rāshidin dalam kes zakat ternak. Petugas kutipan zakat masa itu megumpulkan zakat daripada kekayaan yang sedia ada apabila sudah mencukupi paras nisab, tanpa bertanya kepada pemilik harta bila nisabnya

⁸⁵ Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī Li Ibn Qudāmah* (Kaherah: Maktabah al-Qāhirah, 1968), 3:59.

⁸⁶ Abū Zakariyā Yahyā bin Syaraf al-Nawawī, *Al-Majmu‘ Sharh al-Muhadhab*, 6:55

⁸⁷ Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī Li Ibn Qudāmah* (Kaherah: Maktabah al-Qāhirah, 1968), 3:59-60.

⁸⁸ *Ibid.*, 59 ; Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat*, 222.

cukup dan bila genap masa setahun. Menurut Al-Qaraḍāwī juga, syarat cukup nisab sebagai asas permulaan haul sebenarnya tidak berasaskan kepada mana-mana nas.⁸⁹

2.2.8 Mengeluarkan Zakat Perniagaan

Kadar mengeluarkan zakat ke atas harta perniagaan ialah sebanyak 2.5% atau 1/40 daripada jumlah harta yang cukup nisab dan haul. Walau bagaimanapun, terdapat masalah yang timbul di kalangan fuqaha iaitu cara mengeluarkan zakat perniagaan apakah ia dikeluarkan dalam bentuk barangan atau harganya dalam bentuk wang.

Dalam persoalan ini, terdapat beberapa pandangan fuqaha. Pandangan pertama, mengikut satu dari pandangan al-Syāfi'ī bahawa zakat perniagaan semestinya dikeluarkan dalam bentuk barangan dan tidak boleh dalam bentuk harta atau wang.⁹⁰ Pandangan kedua, pandangan mazhab Abū Hanīfah dan satu pandangan al-Syāfi'ī bahawa peniaga boleh memilih sama ada membayar zakat perniagaan dalam bentuk barangan atau dalam bentuk harga.⁹¹ Pendapat ketiga, zakat perniagaan wajib dibayarkan dalam bentuk harga dan tidak boleh dikeluarkan dalam bentuk barangan, kerana harta perniagaan tertakluk kepada zakat berasaskan harga.⁹² Pandangan ketiga ini adalah *qawl jadīd* dalam mazhab Syāfi'ī dan pandangan ini pula sama dengan pandangan dalam mazhab Aḥmad ibn Hanbal.⁹³

Atas asas yang sama pula, Al-Qaraḍāwī memilih pendapat yang mengatakan bahawa peniaga berkenaan wajib membayar wang dan tidak boleh membayar dalam bentuk barangan berkenaan, kerana nisab zakat perniagaan dihitung berasaskan harga. Ini

⁸⁹ Yūsuf Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:331.

⁹⁰ Abū Zakariyā Yahyā bin Syaraf al-Nawawī, *Rawḍah al-Ṭālibīn wa 'Umdah al-Muftīn* (Beirut: Al-Maktab al-Islāmī, 1991), 2:273.

⁹¹ Abū Ishāq Ibrahim ibn 'Alī ibn Yūsuf al-Shīrāzī, *Al-Muḥadhdhab fi Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 1:297 ; Muwaffāq al-Dīn Abī Muḥammad 'Abd Allāh bin Aḥmād bin Muḥammad bin Qudāmah, *Al-Mughnī*, 4:250.

⁹² Muwaffāq al-Dīn Abī Muḥammad 'Abd Allāh bin Aḥmād bin Muḥammad bin Qudāmah, *Al-Mughnī*, 4:254.

⁹³ Abū Zakariyā Yahyā bin Syaraf al-Nawawī, *Rawḍah al-Ṭālibīn*, 2:273; Muwaffāq al-Dīn Abī Muḥammad 'Abd Allāh bin Aḥmād bin Muḥammad bin Qudāmah, *Al-Mughnī*, 4:250.

disebabkan wang lebih berguna bagi fakir miskin sehingga mereka boleh membeli keperluan hidupnya.⁹⁴

2.3 Zakat Harta *Muḍārabah*

Perniagaan adalah satu aktiviti yang dijalankan sejak dahulu lagi dan satu bidang terpenting, terluas dalam ekonomi. Pada zaman ini, perniagaan dijalankan dalam pelbagai bentuk. Secara umumnya, bentuk-bentuk perniagaan antaranya adalah perniagaan persendirian dan perniagaan perkongsian.

Perniagaan perkongsian merupakan perniagaan yang dijalankan oleh dua orang atau lebih yang bergabung untuk tujuan mendapatkan keuntungan.⁹⁵ Perjanjian mengenai urusan niaga antara pihak ini disebut dengan kontrak ataupun akad. Maka, Di antara salah satu cara yang diberikan Islam untuk mengurus niaga dengan harta secara perkongsian iaitu menerusi akad *muḍārabah*.

Akad *muḍārabah* merupakan suatu cara mengurus perniagaan di mana salah satu pihak yang berkontrak memberikan bekalan modal kepada pihak yang mahir dalam hal urusan perniagaan, supaya dikelola dan dikembangkan, sehingga ianya boleh mendatangkan keuntungan yang akan diagihkan kepada kedua pihak yang berkontrak mengikut kesepakatan bersama.⁹⁶

Pembentukan akad *muḍārabah* melibatkan beberapa proses antara dua pihak, proses pertama ialah penyaluran bantuan kewangan daripada pemodal, proses kedua pula mewakili pihak-pihak tertentu bagi menjalankan perniagaan dan yang ketiga

⁹⁴ Yūsuf Al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:338.

⁹⁵ JAWHAR, *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat* (Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, 2009), 8.

⁹⁶ Taufiq Kurniawan, "Aplikasi Akad Muḍārabah dalam Produk Tabungan Haji dan Umrah (TAHAROH) di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah (BPRS HIK) Bekasi, Indonesia" (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, 2014), 39.

pembahagian keuntungan antara pihak-pihak yang terlibat dalam perkongsian sesuatu perniagaan yang telah dipersetujui secara bersama.⁹⁷

Berasaskan hal ini, harta *muḍārabah* ialah harta yang diberi oleh seseorang kepada seorang yang lain, supaya ia menjalankan perniagaan daripada modal yang diberikan itu dan untungnya dibahagikan antara mereka berdasarkan persetujuan yang dinyatakan dalam akad *muḍārabah*, maka harta ini dikira sebagai harta perniagaan.

Adapun para fuqaha telah memberikan pandangan yang berbeza mengenai kewajipan zakat yang dikenakan ke atas harta *muḍārabah*. Di antara pandangan ulama mazhab *mu'tabar* seperti berikut:

1. Menurut mazhab Hanafiyah berpandangan bahawa zakat harta *muḍārabah* dikenakan ke atas pemilik harta (pemodal) dan *muḍārib* (pekerja). Pemilik harta mengeluarkan zakat ke atas modal dan keuntungannya, manakala *muḍārib* ke atas bagian keuntungannya setelah ia peroleh di tangan apabila cukup nisab dan memenuhi syarat-syarat zakat.⁹⁸ Namun begitu, 'Alā' al-Dīn al-Samarqandī mengatakan bahawa Abu Hanifah telah membatalkan semula pandangannya bahawa zakat diambil daripada *muḍārib*, kemudian ia berpandangan sebaliknya bahawa zakat tidak dikutip daripada *muḍārib*. Pembatalan Abu Hanifah ini dibenarkan oleh Abu Yūsuf dan Muḥammad bin Ḥasan. Hal ini disebabkan *muḍārib* (pekerja) hanya bertugas menjaga dan menguruskan harta berkenaan.⁹⁹
2. Imam al-Syāfi'ī dalam kitabnya *al-Um* memiliki dua pandangan mengenai zakat harta *muḍārabah*. Pendapat pertama, seluruh harta *muḍārabah* wajib dikenakan zakat ke atas pemilik harta, kerana ianya merupakan milik penuh daripada pemilik harta (pemodal), sedangkan pekerja tidak berhak apapun dari harta berkenaan sehingga ia menyerahkan modal kepada pemodal dan pemodal memberikan

⁹⁷ Mohd Faiz Hakimi Mat Idris, Ishak Sulaiman, dan Kamaruzzaman Noordin, *Muḍārabah Perkongsian Modal dan Untung* (Pahang: Book Pro Publishing Services, 2008), 20.

⁹⁸ Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Sahl al-Sarakhsī, *Al-Mabsuṭ* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1993), 2:204

⁹⁹ 'Alā' al-Dīn al-Samarqandī, *Tuhfah al-Fuqahā'* (Berut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994) 1:315-316

bahagian keuntungannya mengikut yang telah mereka berdua sepakati. Pendapat kedua, pemodal wajib menjelaskan zakatnya dari harta modal dan keuntungannya sahaja, manakala bahagian keuntungan pekerja tidak wajib dikenakan zakat sehingga ianya memenuhi syarat zakat.¹⁰⁰

Perbezaan pandangan ini berlaku kerana perbezaan pendapat tentang bila seseorang *mudārib* dikira telah memiliki keuntungan sebenar. Apakah keuntungan sebenar telah dimiliki selepas dibuat pembahagian atau dikira dari masa berlaku keuntungan?. Al-Shayrāzi mengatakan dalam hal ini, apabila dikira selepas dibuat pembahagian, maka seluruh harta berkenaan dikenakan zakat ke atas pemilik harta. Apabila pekerja dikira memiliki keuntungan dari masa berlakunya keuntungan, maka pemilik harta wajib zakat ke atas modal dan keuntungan, sedangkan pekerja dikenakan zakat ke atas bahagian dari keuntungannya. Pendapat bahawa keuntungan sebenar telah diperoleh oleh pekerja selepas dibuat pembahagian telah pun dibenarkan oleh al-Nawawī dan menjadi pandangan yang paling kuat di kalangan ulama mazhab Syāfi‘ī.¹⁰¹

3. Ulama mazhab Malikiyah juga memiliki dua pendapat mengenai kewajipan zakat harta *mudārabah*. Pendapat pertama, kewajipan mengeluarkan zakat ke atas pemilik harta (pemodal) dari seluruh harta *mudārabah* (modal dan keuntungan) apabila pemodal dan pekerja disifati sebagai peniaga *mudīr* (peniaga harian) atau pekerja sahaja yang bersifat peniaga mudir. Hal ini bererti, pemilik harta hendaklah menilaikan seluruh harta daripada modal dan keuntungan yang ada disisinya setiap tahun.¹⁰² Pendapat kedua, zakat hanya dikenakan ke atas pemodal sahaja daripada harta modal dan bahagian keuntungannya. Ibn Yūnus menambahkan dalam pandangan ini bahawa dikeluarkan zakat daripada harta

¹⁰⁰ Muḥammad bin Idrīs al-Shafi‘ī, *Al-Um* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1990), 2:52.

¹⁰¹ Abū Zakariyā Yahyā bin Syaraf al-Nawawī, *Al-Majmu‘ Sharḥ al-Muhadḥab*, 6:71.

¹⁰² Al-Ḥaṭṭāb al-Ru‘yanī al-Mālikī, *Mawāhib al-Jalīl fī Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl* (Beirut: Dār al-Fikr, 1992), 2:325.

pemodal sendiri tanpa mengurangi harta *muḍārabah*.¹⁰³ Terdapat banyak *furu'* dalam mazhab Maliki berkaitan zakat harta *muḍārabah* (*qirāḍ*).

4. Mengikut para ulama mazhab Hanbali, zakat harta *muḍārabah* dikenakan ke atas pemilik harta dan pekerja mengikut bahagiannya masing-masing, namun begitu, *muḍārib* (pekerja) tidak wajib mengeluarkan zakat kecuali setelah dibuat pembahagian keuntungan.¹⁰⁴

Al-Mardāwi dalam kitabnya *al-Inṣāf* mengisyaratkan pendapat yang *ṣaḥīḥ* (muktamad) di dalam mazhab Hanbali adalah tidak wajib dikenakan zakat bagi *muḍārib*. Menurut Imam Ahmad bin Hanbal hal ini berlaku kerana *muḍārib* dikira telah memiliki keuntungan selepas pengasingan ataupun pengagihan keuntungan dan haul dikira selepas pembahagian. Sekalipun pemilikan keuntungan dikira hanya secara *zūhūr* (masa berlaku keuntungan), ini tidak juga mewajibkan zakat kepada *muḍārib* (pekerja), kerana haul tidak berlaku sebelum pengasingan. Walaupun begitu, terdapat satu pandangan dalam mazhab Hanbali yang mengatakan wajib dikeluarkan zakat pada bahagian keuntungan pekerja dan haul ke atas bahagian keuntungan bermula dari masa berlaku keuntungan (*ḍūhūr*). Pandangan ini dipilih oleh Abū al-Khaṭṭāb, dan diketengahkan di dalam kitab *al-Mustaw'ib*.¹⁰⁵

Berpandukan kepada perbezaan pendapat-pendapat ulama Mazhab di atas, pengkaji cuba memperincikan dengan cara membahagikan kewajipan zakat *muḍārabah* kepada dua kategori. Ianya seperti berikut:

Kategori pertama, zakat diwajibkan kepada pemilik harta (pemodal) ke atas modal dan keuntungannya. Manakala pekerja (*muḍārib*), menurut Abu Hanifah zakat dipungut

¹⁰³ *Ibid*.

¹⁰⁴ Manṣūr bin Yūnūs al-Bahūtī, *Kashāf al-Qinā' 'an Matan al-Iqnā'* (Beirut: Dār al-kutub 'Ilmiyyah, t.t.), 2:171.

¹⁰⁵ 'Alā' al-Dīn Abū al-Ḥasan 'Alī bin Sulaymān al-Mardāwī, *Al-Inṣāf fi Ma'rifah al-Rājiḥ min al-Khilāf* (Beirut: Dār Ihyā' al-Turādh al-'Arabī, t.t.), 3:16.

ke atas bahagian keuntungannya setelah diperolehi. Pandangan ini juga dikatakan oleh Imam Syafi'ī pada satu dari dua pendapatnya. Ulama mazhab Maliki juga bersetuju dengan pandangan ini di dalam satu pendapat. Begitu juga ulama mazhab Hanbali di dalam salah satu dari dua pandangan mereka.

Pandangan ini berasaskan pendapat yang mengatakan bahawa pekerja (*muḍārib*) dianggap memiliki keuntungan dari masa berlaku keuntungan bukan selepas pengagihan keuntungan.

Kategori kedua, zakat tidak dikutip daripada pekerja (*muḍārib*). Ertinya pemilik harta (pemodal) diwajibkan zakat ke atas harta modal dan seluruh keuntungan. Pendapat ini dikatakan oleh Abu Yūsuf dan Muḥammad bin Hasan. Pandangan ini juga disebut oleh ulama mazhab Maliki dalam satu pendapat mereka, namun begitu mereka mengatakan hal ini berlaku apabila pemodal dan pekerja ataupun pekerja sahaja disifatkan sebagai peniaga harian (*mudīr*). Pandangan seperti ini juga disokong oleh ulama mazhab Hanbali di dalam satu pendapat mereka.

Pendapat kategori kedua ini timbul berasaskan pandangan yang mengatakan pekerja sebagai *muḍārib* tidak dikira memiliki keuntungan kecuali sesudah dibuat pembahagian.

Hakikatnya, perbezaan pandangan ulama Mazhab yang telah diketengahkan di atas adalah pada kewajipan zakat ke atas bahagian keuntungan yang menjadi hak *muḍārib* sama ada dikira secara berasingan atau dikira secara bersama. Perbezaan ini berlaku disebabkan kesan daripada perbezaan pandangan terhadap bila keuntungan *muḍārib* dikira sempurna milik.

Namun begitu, berasaskan dua kategori yang telah pengkaji cuba perincikan dan bahagi di atas, tidak ada satu pandangan pun yang mengatakan bahawa zakat tidak wajib ke atas pemodal. Ertinya, zakat diwajibkan kepada *ṣāhib al-māl* (pemodal) ke atas modal dan bahagian keuntungannya sahaja atau ke atas modal dan seluruh keuntungan.

2.4 Penutup

Zakat perniagaan merupakan salah satu kewajipan zakat yang berasaskan dalil-dalil yang diperakui dalam Islam. Harta *muḍārabah* adalah bahagian harta yang diniagakan secara perkongsian, di mana *ṣāhib al-māl* (pemodal) sebagai pihak yang menyalurkan kewangan supaya dikelola dan dikembangkan oleh *muḍārib* (pengusaha). Oleh itu, harta *muḍārabah* merupakan salah satu harta yang tertakluk kepada zakat mengikut konsep zakat perniagaan khususnya dalam syarat mencapai nisab dan haul.

University of Malaysia

BAB III: PELAKSANAAN AKAD *MUDĀRABAH* DI BANK MUAMALAT INDONESIA (BMI)

3.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan berkenaan amalan pelaksanaan akad *muḍārabah* dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia (BMI) yang akan dimulakan dengan sejarah penubuhan Bank Muamalat Indonesia, amalan prinsip *muḍārabah* oleh Bank Muamalat Indonesia, dan pelaksanaan akad *muḍārabah* dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia.

3.2 Sistem Perbankan Islam di Indonesia

Perbankan di Indonesia berfungsi sebagai penghimpun dan penyalur dana masyarakat serta bertujuan untuk menyokong pelaksanaan pembangunan nasional bagi meningkatkan perataan pembangunan, pertumbuhan dan kestabilan ekonomi negara ke arah mempertingkatkan taraf hidup rakyat Indonesia.

Berasaskan undang-undang (UU), struktur perbankan Indonesia merangkumi bank umum dan BPR (Bank Perkreditan Rakyat). Struktur ini juga berlaku ke atas bank yang berasaskan Syariah.¹ Perbezaan yang ketara antara bank umum dan BPR adalah dalam hal sistem aktiviti kedua-dua institusi tersebut. Bank umum dapat melaksanakan aktiviti usaha secara konvensional dan/atau berasaskan prinsip Syariah yang mana aktivitinya menawarkan perkhidmatan dalam urusan pembayaran. Manakala prinsip

¹ Berpandukan Undang-Undang Nombor 21 Tahun 2008 yang menyatakan bahawa perkataan perkreditan tidak lagi diguna pakai pada bank yang berasaskan Syariah, di mana ia telah dirubah kepada perkataan pembiayaan. Oleh itu, nama penuh bagi BPR adalah Bank Perkreditan Rakyat, manakala BPRS pula adalah Bank Pembiayaan Rakyat Syariah.

aktiviti usaha BPR dijalankan secara konvensional atau berasaskan Syariah di mana aktiviti tidak memberikan perkhidmatan dalam urusan pembayaran.²

Sejak mulai dikembangkan sistem perbankan Islam di Indonesia dan dalam dua dekad ini, pengembangan perbankan Islam di Indonesia sudah banyak mencapai kemajuan dari aspek berperlembagaan, prasarana, sistem pengawasan, dan kesedaran masyarakat terhadap perkhidmatan perbankan Islam. Hingga September 2015, institusi perbankan Islam di Indonesia mengandungi 12 Bank Umum Syariah (BUS), 22 Unit Usaha Syariah (UUS) yang dimiliki oleh Bank Umum Konvensional (BUK) dan 162 Bank Penkreditan Rakyat Syariah (BPRS).

Tindakan atau usaha mengatur, mengawasi, dan mengawal perbankan Islam di Indonesia dari aspek tadbir urus yang baik dilaksanakan oleh Otoritas Jasa Keuangan (OJK).³ Namun begitu, kepatuhan institusi Perbankan Islam kepada prinsip Syariah merupakan hal yang sangat penting. Dalam kaitan itu, sistem dan mekanisme untuk menjamin kepatuhan perbankan Islam terhadap prinsip Syariah dikawal selia oleh Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI). Oleh itu, seluruh produk perbankan Islam hanya boleh ditawarkan kepada masyarakat setelah bank mendapatkan fatwa dari DSN-MUI dan memperoleh kebenaran dari OJK.

Selain itu, dalam tingkat operasinya, setiap perbankan Islam di Indonesia diwajibkan memiliki Dewan Pengawas Syariah (DPS) yang bertugas sebagai pengawas Syariah dan penasihat apabila bank menghadapi permasalahan dan pertanyaan mengenai apakah suatu aktiviti sesuai Syariah ataupun tidak, serta membantu dalam proses

² Otoritas Jasa Keuangan (OJK), "Institusi Perbankan Indonesia", Laman Sesawang resmi OJK, dicapai 3 Mac 2016, <http://www.ojk.go.id/id/kanal/perbankan/ikhtisar-perbankan/Pages/Lembaga-Perbankan.aspx>.

³ Otoritas Jasa Keuangan (OJK) adalah perbadanan negara yang bersifat bebas yang ditubuhkan berasaskan Undang-undang Nomor 21 Tahun 2011 yang berfungsi menyelenggarakan sistem pengaturan dan pengawasan yang bersepadu terhadap keseluruhan aktiviti di dalam sektor perkhidmatan kewangan sama ada di sektor perbankan, pasar modal, dan sektor perkhidmatan kewangan lainnya, laman sesawang resmi OJK, dicapai 3 Mac 2016, <http://www.ojk.go.id/id/FAQ.aspx>

pengembangan produk yang akan disampaikan kepada DSN-MUI untuk memperoleh fatwa.

Dari aspek hukum, penubuhan bank Islam di Indonesia mestilah berasaskan kepada aturan dan ketentuan yang diaplikasikan di Indonesia. Hal ini disebabkan Indonesia sebagai negara hukum, maka segala sesuatu harus mempunyai asas. Undang-undang Dasar (UUD) 1945 menjadi piawaian asas hukum Indonesia. Dengan terlaksananya Undang-undang Nombor 21 tahun 2008, perbankan Islam di Indonesia telah mempunyai landasan hukum operasional yang mengatur segala aktiviti, sehingga peranan bank Islam memberi kesan positif secara maksimum ke atas ekonomi Indonesia.

3.3 Bank Muamalat Indonesia

3.3.1 Profil Bank Muamalat Indonesia

Bank Muamalat Indonesia (BMI) ialah suatu institusi perbankan yang tidak menggunakan sistem kadar faedah, melainkan menggunakan sistem perkongsian untung. Amalan sistem ini berasaskan keyakinan bahawa tata cara pengenaan bunga seperti yang diamalkan oleh bank umum lainnya mengandung unsur riba. Oleh itu, BMI sebagai bank perintis bagi perbankan Islam di Indonesia komited terhadap kehadiran perkhidmatan perbankan yang mempunyai daya saing dan mudah dicapai oleh masyarakat.

Sebagai bukti komitmen tersebut, BMI terus menambah pejabat cawangan dan cawangan pembantu yang tersebar di hampir seluruh Indonesia. Hingga akhir 2015, BMI telah memiliki 363 pejabat perkhidmatan. Operasinya disokong juga oleh jaringan perkhidmatan yang luas berupa 1.337 unit ATM Muamalat, 120.000 ATM Bersama dan

ATM Prima, 103 kereta kas keliling (*mobile branch*) serta lebih dari 11.000 jaringan ATM di Malaysia melalui Malaysia Electronic Payment (MEPS).⁴

BMI juga adalah satu-satunya bank Islam Indonesia yang berkembang ke luar negara dengan membuka sebuah pejabat cawangan di Kuala Lumpur. Cawangan Kuala Lumpur ini telah menunjukkan pertumbuhan yang agresif sejak ia ditubuhkan pada tahun 2009.⁵ Setakat akhir tahun 2016, cawangan Kuala Lumpur mencatatkan jumlah penghimpunan dana daripada pendeposit sebanyak 1.25 trilion Rupiah, Manakala portfolio penyaluran pembiayaan berjumlah 425.97 bilion Rupiah.⁶

3.3.2 Sejarah Penubuhan BMI

Sistem perbankan konvensional yang berlandaskan kepada riba sudah terlalu lama berkuasa atas perbankan di Indonesia. Permasalahan ini menjadi perbincangan serius di kalangan ulama dan pakar ekonomi Syariah di Indonesia yang menginginkan agar umat Islam terbebas daripada amalan riba yang haram melalui penubuhan perbankan yang berprinsip Syariah.

Usaha penubuhan perbankan Islam di Indonesia telah pun bermula pada tahun 1980an melalui perbincangan yang bertajuk bank Syariah sebagai pilar ekonomi Islam.⁷ Di antara tokoh yang terlibat dalam perbincangan tersebut adalah Karnaen A. Perwataatmadja, M. Dawam Rahardjo, A.M. Saefuddin, M. Amien Azis, dan lain-lain. Sebagai percubaan yang telah diwujudkan pada batas yang kecil di antaranya Baitut Tamwil – Salman di Bandung yang sempat tumbuh mengesankan dan di Jakarta berupa Koperasi Ridho Gusti.⁸

⁴ Bank Muamalat, "Laporan Tahunan 2016" (Jakarta: Bank Muamalat Indonesia, 2016), 55

⁵ *Ibid.*, 3.

⁶ *Ibid.*, 102.

⁷ Zainulbahar Noor, *Bank Muamalat: Sebuah Mimpi, Harapan dan Kenyataan* (Jakarta: Bening Publishing, 2006), 300.

⁸ Muhammad Syafi'i Antonio, *Bank Syariah dari Teori ke Praktik* (Jakarta: Gema Insani Press, 2001), 25

Namun demikian, suatu hakikat yang tidak boleh dikesampingkan adalah daya usaha yang lebih khusus untuk menubuhkan bank Islam di Indonesia baru berlaku pada tahun 1990. Sebagai langkah awalnya Majelis Ulama Indonesia (MUI) mula mengadakan bengkel dengan tajuk : “Bank Tanpa Bunga” di Cisarua, Bogor –Jawa Barat pada 18-20 Ogos 1990. Hal ini memperlihatkan pandangan sebahagian peserta yang bersetuju dengan bunga bank dan sebahagian lain menganggap bunga bank adalah riba.⁹ Akhirnya, bengkel memberikan mandat kepada KH Hasan Basri sebagai Ketua MUI pada ketika itu untuk meneruskan usaha penubuhan bank Islam di Indonesia.¹⁰

Selanjutnya hasil daripada bengkel tersebut kembali dibincangkan secara terperinci pada Mesyuarat Nasional ke-4 MUI yang terselenggara di Hotel Sahid Jaya Jakarta pada 22-25 Ogos 1990. Berdasarkan amanat Mesyuarat Nasional IV Majelis Ulama Indonesia (MUI) telah dibentuk satu Jawatankuasa Perbankan Majelis Ulama Indonesia yang diterajui oleh Dr. Ir. H. M. Amin Aziz.¹¹ Jawatankuasa tersebut bertugas mengupayakan penubuhan bank Islam di Indonesia dengan melakukan pendekatan dan konsultasi dengan semua pihak terbabit.¹²

Penubuhan Bank Muamalat Indonesia (BMI) yang merupakan bank Islam pertama di Indonesia adalah hasil kerja Jawatankuasa Perbankan Majelis Ulama Indonesia serta penglibatan tokoh Muslim di Indonesia yang tergabung dalam Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI) dan dukungan oleh Presiden Soeharto selaku Presiden kala itu.¹³ Selanjutnya, Sijil penubuhan Bank Muamalat Indonesia ditandatangani pada tanggal 1 November 1991.¹⁴ Penubuhannya mendapat dukungan masyarakat berupa komitmen pembelian saham senilai 84 milyar Rupiah pada saat penandatanganan sijil

⁹ Zainulbahar Noor, *Bank Muamalat*, 303

¹⁰ *Ibid.*, 299

¹¹ *Ibid.*, 321

¹² *Ibid.*, 278-279

¹³ *Ibid.*, 36

¹⁴ Muhammad Syafi'i Antonio, *Bank Syariah*, 25.

syarikat tersebut. Akhirnya, BMI mulai beroperasi pada 27 Syawal 1412 H atau 1 Mei 1992.¹⁵

3.3.3 Visi dan Misi BMI

Visi adalah impian yang hendak dicapai. Misi adalah penjabaran cara pelaksanaan untuk pencapaian visi. Visi dan misi BMI terus berkembang mengikuti pertumbuhannya. Di akhir tahun 2014, BMI mulai mentakrifkan semula visi dan misi yang dikaji selari dengan cabaran globalisasi masa hadapan seperti penerapan Masyarakat Ekonomi ASEAN di sektor kewangan. Pentakrifan semula tersebut untuk mendapatkan gambaran yang lebih baik berkaitan dengan arah dan langkah syarikat ke hadapannya.

Adapun pentakrifan semula terhadap visi dan misi tersebut telah menghasilkan visi dan misi BMI yang baharu iaitu:¹⁶

1. Visi BMI

Visi BMI adalah menjadi bank Syariah terbaik dan 10 bank terbesar di Indonesia dengan kehadiran regional yang kuat, dengan slogan M10Y25 yang merupakan singkatan dari Bank Muamalat Top 10 Bank di Tahun 2025.

2. Misi BMI

Misi BMI adalah membangun lembaga kewangan Syariah yang unggul dan berkesinambungan dengan penekanan pada semangat keusahawanan berdasarkan prinsip yang cermat, keunggulan sumber daya manusia yang bersifat keislaman dan profesional serta orientasi pelaburan yang inovatif, untuk memaksimumkan nilai kepada seluruh pemangku kepentingan.

¹⁵ Bank Muamalat, "Laporan Tahunan 2008" (Jakarta: Bank Muamalat Indonesia, 2008), 4.

¹⁶ Bank Muamalat Indonesia, "Laporan tahunan pelaksanaan tata kelola perusahaan (Good Corporate Governance) Tahun 2015," 6.

3.3.4 Komposisi Pemilikan Saham BMI

Komposisi pemilikan saham BMI seperti berikut:

Jadual III.1: Komposisi Pemilikan Saham BMI

No	Pemegang Saham Bank Muamalat Indonesia	Jumlah Dana Dalam Bilion Rupiah	Peratus	Keterangan
1	Islamic Development Bank	3.341.894.294	32.74	Institusi asing
2	Bank Boubyan	2.245.694.513	22.00	Institusi asing
3	Atwill Holdings Limited	1.828.090.034	17.91	Institusi asing
4	National Bank of Kuwait	862.755.656	8.45	Institusi asing
5	IDF Investment Foundation	355.461.941	3.48	Institusi asing
6	BMF Holdings Limited	289.985.977	2.84	Institusi asing
7	M. Rizal Ismael	238.500.000	2.34	Individu tempatan
8	Kopkapindo	142.012.245	1.39	Institusi tempatan
9	Andre Mirza Hartawan, MBA, Ir.	120.000.000	1.18	Individu tempatan
10	Bpdonhi	105.613.830	1.03	Institusi tempatan
11	Masyarakat Lain	677.693.845	6.64	Tempatan
	Jumlah Keseluruhan	10.207.702.335	100.00	

Sumber: Bank Muamalat Indonesia¹⁷

3.3.5 Entiti Anak Syarikat

Sejak mula beroperasi pada tahun 1992, BMI sentiasa berusaha menjadi peneraju dalam perkhidmatan berkaitan industri perbankan dan perniagaan kewangan Islam di Indonesia.

Oleh itu BMI aktif mempromosikan pendirian dan penubuhan entiti anak syarikat yang lain seperti berikut:¹⁸

1. Al-Ijarah Indonesia Finance

Al-Ijarah Indonesia Finance (ALIF) sendirian berhad ditubuhkan pada bulan November 2006 di Jakarta dan memulainya pada tanggal 27 Ogos 2007. ALIF pada

¹⁷ Bank Muamalat, "Laporan Tahunan 2016", 10.

¹⁸ *Ibid.*, 76-79.

mula ditubuhkan merupakan perusahaan kewangan Islam untuk memberikan pembiayaan bagi komuniti perniagaan di Indonesia dan Asia Tenggara dengan menawarkan pembiayaan minimum 2 bilion Rupiah setiap transaksi. Namun begitu, krisis global pada tahun 2010 telah mendorong ALIF untuk mengubah fokus perniagaan dan usahanya pada pembiayaan runcit di Indonesia.

Setakat tahun 2016, ALIF memiliki jumlah aset sebanyak 786 bilion Rupiah dan menawarkan pelbagai jenis produk pembiayaan. Semua produk pembiayaan tersebut berasaskan pada prinsip kewangan Islam dengan menggunakan skim pembiayaan *ijarah muntahia bi al-tamlik* (sewa dan beli) dan murabahah.

2. Baitulmaal Muamalat (BMM)

Pada tahun 1994, BMI telah menubuhkan unit pengelola dana zakat, infak, sadakah (ZIS) dan dana sosial kebajikan yang kemudian disebut Baitulmal. Unit ini, pada awal ditubuhkan berasaskan tanggungjawab BMI terhadap pemerikasaan ekonomi mikro. Maka pada tanggal 16 Jun tahun 2000 dirasmikannya sebagai Yayasan Baitulmaal Muamalat.

Selanjutnya, berdasarkan permintaan masyarakat terhadap lembaga amil zakat yang bebas dan profesional dan mengikut undang-undang No. 38 tahun 1999, maka pada tanggal 22 Disember tahun 2000 Yayasan Baitulmal Muamalat dikuatkuasakan sebagai institusi amil zakat oleh Menteri Agama Republik Indonesia.

BMM menumpukan kegiatannya dalam tiga aspek berikut:

- a. Mengelola dana-dana sosial sesuai prinsip Syariah
- b. Mengembangkan komuniti yang bermandiri, teguh dan berkarakter.
- c. Menjadi pengantara dalam pengembangan usaha dan lembaga kewangan mikro Syariah.

3. DPLK Muamalat

Dana Persaraan Lembaga Kewangan (DPLK) Muamalat merupakan suatu lembaga hukum yang ditubuhkan BMI pada tanggal 12 September 1997. DPLK Muamalat berfungsi untuk menawarkan perencanaan kewangan apabila bersara bagi kaki tangan BMI dan pekerja institusi lainnya. Dana pelanggan DPLK ini dikelola secara profesional sebagai pelaburan jangka panjang dalam akaun pelanggan berkenaan, sehingga pelanggan boleh memperoleh penghasilan yang bersinambungan apabila bersara pada masa yang akan datang.

4. Muamalat Institut

Muamalat Institut (MI) ditubuhkan pada tahun 1999, walaupun telah wujud sejak tahun 1992 dengan nama Lembaga Pendidikan dan Pengembangan Perbankan Syariah (LPPBS). Penubuhan MI ini berfungsi untuk:

- a. Meningkatkan ekonomi masyarakat Indonesia, khususnya yang beragama Islam.
- b. Mengembangkan dan mensosialisasikan lembaga kewangan Islam di Indonesia sehingga menjadi salah satu asas perekonomian bangsa.
- c. Melahirkan tenaga-tenaga profesional yang menguasai prinsip ekonomi Islam sehingga boleh berperan dalam mengembangkan ekonomi Indonesia.
- d. Memberikan pendidikan berkaitan sistem ekonomi Islam kepada masyarakat Indonesia, khususnya umat Islam. Hal ini dijalankan dengan cara memberikan perkhidmatan di bidang penelitian, pelatihan, konsultasi dan penyiaran.

5. Syarikat Takaful Indonesia Sdn Bhd

Syarikat ini ditubuhkan pada tanggal 24 Februari tahun 1994 atas daya usaha Tim Pembentukan Insurans Takaful Indonesia (TEPATI) yang disokong oleh Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI) melalui Yayasan Abdi Negara, Bank Muamalat Indonesia, Syarikat Takaful Malaysia Bhd, dan Jabatan Kewangan Republik Indonesia.

Syarikat ini melayani keperluan masyarakat Indonesia terhadap insurans dan perencanaan kewangan yang berasaskan prinsip Syariah.

3.3.6 Produk-produk Perbankan Islam di BMI

Sebagai perintis dalam perbankan Islam di Indonesia, BMI beroperasi pada semua peringkat dengan tujuan menjadi pelaksana perkhidmatan pelanggan terbaik. BMI sentiasa memberi tumpuan pada membangunkan dan menyempurnakan penawaran produk patuh Syariah untuk memenuhi semua jenis keperluan pengguna dengan cara yang lebih mudah dan berkesan. Oleh itu, BMI dalam menjalankan usahanya mempunyai tiga prinsip operasional yang merangkumi sistem bahagi hasil, sistem jual beli (margin) dan sistem yuran atau perkhidmatan.

Adapun bentuk produk yang ditawarkan oleh BMI yang berasaskan kepada prinsip operasional tersebut dibahagi menjadi tiga bahagian iaitu produk penghimpunan dana (*funding*), produk pembiayaan (*financing*) dan produk perkhidmatan (*services*).

1. Produk penghimpunan dana

Di sisi penghimpunan dana masyarakat yang merupakan sumber dana bank untuk pengagihan pembiayaan, BMI telah menawarkan jenis-jenis akaun deposit yang berbentuk Giro, deposito, dan akaun simpanan (tabungan).

a. Giro

Secara umumnya, Giro adalah simpanan yang penarikannya dapat dilakukan setiap saat dengan menggunakan cek, bilyet giro, sarana perintah pembayaran lainnya, atau dengan pemindahan (*transfer*).¹⁹ Adapun giro Syariah iaitu giro yang diamalkan berasaskan prinsip-prinsip Syariah. Mengenai hal ini, giro yang dipraktikkan didasarkan pada prinsip wadiah dan *muḍārabah*.²⁰

¹⁹ Undang-undang Republik Indonesia Nomor 10 Tahun 1998 tentang Perubahan Atas Undang-Undang Nomor 7 Tahun 1992 Tentang Perbankan.

²⁰ Fatwa Dewan Syariah Nasional Nomor 01/DSN-MUI/IV/2000 Tentang Giro.

Pihak BMI telah menawarkan dua jenis produk giro. Pertama, Giro ultima iaitu produk giro berbasis akad *muḍārabah* dalam mata wang rupiah dan US Dolar. Giro ini diperuntukkan bagi pelanggan perseorangan dan institusi yang memiliki keabsahan badan usaha. Kedua, Giro Attijary iaitu Giro syariah dengan akad wadiah dalam mata wang rupiah dan US Dolar. Giro ini juga ditentukan bagi perseorangan dan institusi yang memiliki kesahan badan usaha.²¹

b. Deposito

Maksud deposito adalah simpanan yang penarikannya hanya dapat dilakukan pada masa tertentu mengikut perjanjian antara pelanggan dengan pihak bank.²² Adapun deposito Syariah iaitu deposito yang dijalankan berdasarkan prinsip syariah berupa prinsip *muḍārabah*.²³

Terdapat dua jenis deposito yang boleh diperoleh pelanggan di BMI. Pertama, Deposito *Muḍārabah* iaitu deposito Syariah dalam mata uang rupiah dan US Dolar yang anjal dan memberikan hasil pelaburan yang optimum bagi pelanggan. Deposito ini diperuntukkan bagi pelanggan perseorangan dan institusi yang memiliki keabsahan kumpulan. Kedua, Dana Pecen Muamalat. Produk ini boleh diikuti oleh mereka yang masih belia yakni dari umur 18 tahun, dan bagi mereka yang sudah berkahwin. Yuran yang dikenakan sebanyak 20.000 Rupiah pada tiap-tiap bulan dan pembayarannya boleh didebitkan secara automatik dari akaun Bank Muamalat atau boleh memindahkan dari akaun bank lain.²⁴

c. Tabungan (Akaun simpanan)

Selain giro dan deposito, produk penghimpunan dana yang diketengahkan oleh BMI adalah tabungan (akaun simpanan). Dalam undang-undang nomor 21 tahun 2008 tentang

²¹ Bank Muamalat, "Laporan Tahunan 2016", 63.

²² Adiwarmanto A. Karim, *Bank Islam: Analisis Fiqih dan Keuangan* (Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, 2007), 63

²³ Fatwa Dewan Syariah Nasional Nomor 03/DSN-MUI/IV/2000.

²⁴ Bank Muamalat, "Laporan Tahunan 2016," 65.

Perbankan Syariah, telah dijelaskan maksud daripada tabungan. Tabungan adalah simpanan berasaskan akad *wadi'ah* atau pelaburan dana berasaskan akad *mudārabah* atau akad lain yang selari dengan Syariah yang mana pengeluarannya hanya dapat dilakukan menurut syarat dan ketentuan tertentu yang disepakati tetapi tidak dapat dikeluarkan dengan menggunakan cek, bilyet giro, dan/atau alat lain yang seumpama dengannya.²⁵

Produk tabungan di BMI terdiri dari Tabungan iB Muamalat, Tabungan iB Muamalat Dolar, Tabungan iB Muamalat Haji dan Umrah, Tabungan iB Muamalat Rencana, Tabunganku iB, dan Tabungan iB Muamalat Prima.²⁶

2. Produk pembiayaan

Pembiayaan di BMI merupakan penyediaan dana berasaskan persetujuan dan persepakatan antara pihak bank dan pihak lain yang dibiayai. Dalam menyalurkan dana, BMI telah mengeluarkan dan memperkenalkan produk pembiayaan inovatifnya yang berpatuhkan Syariah. Oleh itu, produk pembiayaan dirangka berdasarkan prinsip Syariah dengan akad *murābahah*, *ijarah*, *mushārahah*, dan *muḍārabah*.

Maka produk pembiayaan BMI terbahagi kepada tiga jenis yang dibezakan mengikut matlamat penggunaannya, iaitu pembiayaan pengguna, pembiayaan modal kerja, dan pembiayaan investasi (pelaburan).

a. Pembiayaan konsumer (pengguna)

Pembiayaan konsumer adalah jenis pembiayaan yang diberikan untuk tujuan keperluan perseorangan sama ada keperluan kepada barangan ataupun perkhidmatan yang tidak digunakan untuk tujuan sesebuah kerjaya. BMI telah pun menyediakan produk pembiayaan jenis ini yang terdiri daripada KPR (kredit pemilikan rumah) Muamalat, Muamalat Umrah, Muamalat Koperasi Karyawan, Muamalat Mutiguna (pelbagai guna), Muamalat Pensiun (pencen), dan Pembiayaan Autoloan (Via Multifinance).²⁷

²⁵ Adiwarmarman A. Karim, *Bank Islam*, 297.

²⁶ Bank Muamalat, "Laporan Tahunan 2016," 63-64

²⁷ *Ibid.*, 65.

b. Pembiayaan modal kerja.

Pembiayaan modal kerja merupakan produk pembiayaan kepada perseorangan yang memiliki usaha dan badan usaha yang sah bagi menyelesaikan keperluan modal kerja. Pada asasnya, ia berbentuk pembiayaan berdasarkan reka bentuk kontrak Syariah yang boleh diterima bagi kelajuan dan rancangan pengembangan entiti perniagaan. Dalam hal ini, BMI telah menyediakan produk seperti Modal Kerja SME (small medium enterprise), Rekening Koran Muamalat, dan Muamalat Usaha Mikro.

c. Pembiayaan pelaburan

Pembiayaan pelaburan adalah pembiayaan berjangka masa menengah atau masa panjang untuk menyediakan keperluan barangan-barang modal (*capital goods*) serta fasiliti-fasiliti yang berhubung kait dengan penggunaannya.²⁸ Pembiayaan ini diberikan kepada pelanggan yang menggunakan barangan modal untuk mengadakan penumbuhan projek baru atau kilang baru, program pemuliharaan semula mesin/peralatan yang rosak, dan perluasan usaha. Oleh itu, BMI telah menyediakan produk pembiayaan pelaburan seperti Investasi (pelaburan) SME (Small Medium enterprise), dan Properti Bisnis Muamalat.²⁹

3. Produk Perkhidmatan (jasa).

Selain menjalankan fungsinya sebagai penghubung antara pihak yang kekurangan dana dengan pihak yang kelebihan dana, BMI juga mengadakan pelbagai perkhidmatan perbankan kepada pelanggan untuk menyelenggarakan perkara-perkara sama ada dalam negeri atau luar negeri dengan mendapat pulangan berbentuk fi dan caj.

Dalam hal ini, bentuk produk perkhidmatan BMI dalam membantu dan memudahkan pelanggan berkaitan dengan Remittance (kiriman wang), Eksport, Import, Jaminan Bank, Automatic Teller Machine (ATM), Perbankan Internet, Mobile Banking, dan Sala Muamalat (perkhidmatan phone banking).³⁰

²⁸ Adiwarman A. Karim, *Bank Islam*, 237.

²⁹ Bank Muamalat, "Laporan Tahunan 2016," 67.

³⁰ *Ibid.*, 67-71.

Berdasarkan penerangan di atas berkaitan produk-produk yang ditawarkan oleh pihak BMI, akad *muḍārabah* diaplikasikan dengan menawarkan akaun simpanan (tabungan) dan deposito. Oleh itu, bagi memudahkan pemahaman dalam pengklasifikasian jenis produk yang dijalankan berasaskan *muḍārabah* di BMI, penulis akan mensekjenaraikan melalui jadual berikut:

Jadual III.2: Produk-produk Berasaskan Akad *Muḍārabah*

No	Jenama Produk	Jenis Produk
1	Giro Ultima	Penghimpunan Dana
2	Deposito Mudharabah	
3	Tabungan iB Muamalat	
4	Tabungan iB Muamalat Rencana	
5	Tabungan iB Muamalat Prima	
6	Modal Kerja SME (small medium enterprise)	Pembiayaan
7	Rekening Koran Muamalat	
8	Muamalat Usaha Mikro	

3.4 Pelaksanaan Akad *Muḍārabah* dalam Akaun Simpanan *Muḍārabah* di BMI

3.4.1 Akad *Muḍārabah* dalam Fiqh Muamalat

1. Pengertian *Muḍārabah*

Dalam kitab fiqh, perkataan *muḍārabah* dari segi bahasa berasal dari kata dasar *al-ḍarb*.³¹

Perkataan ini mempunyai banyak erti, di antaranya memukul, bergerak, berdetak, mengalir, berenang, bergabung, menghindar, berubah, mencampur, berjalan,³² dan

³¹ Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, *Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah* (Kuwait: Dār al-Salāsīl, 1427H), 38:35

³² Ahmad Warson Munawwir, *Kamus al-Munawwir* (Surabaya: Pustaka Progressif, 1997), 815.

digunakan hampir di seluruh makna aktiviti.³³ Makna kata tersebut akan berubah mengikut pada kata sebelumnya dan sesudahnya.³⁴

Istilah *muḍārabah* ini biasa dipakai oleh penduduk Iraq. Perkataan yang memberi makna sama dengan *al-muḍārabah* iaitu *al-qirād* dalam bahasa penduduk Hijaz, yang memberi erti sepotong atau sebahagian.³⁵ Ini kerana pemilik harta memberikan sepotong atau sebahagian dari hartanya untuk diniagakan dan memperoleh sebahagian keuntungan.³⁶ Ia juga disamakan dengan perkataan *mu‘āmalah*, maksud dari *mu‘āmalah* di sini iaitu kontrak antara dua pihak di mana salah satu dari keduanya memberikan modal kepada pihak lain untuk diniagakan dan mencapai keuntungan yang akan dibahagikan di antara keduanya mengikut kesepakatan.³⁷ *Muḍārabah* juga dikatakan dengan *al-muqāraḍah* yang bererti persamaan, di mana pengusaha dan pemodal akan turut sama mendapat keuntungan.³⁸ Penggunaan lafaz-lafaz tersebut termasuk dalam bab *iṭlāq al-kull wa iradah al-juz’* yang bermaksud menggunakan lafaz yang mempunyai pengertian yang luas sedangkan yang dikehendaki darinya ialah pengertian sebahagian daripada lafaz tersebut.³⁹

Dari segi syarak, fuqaha menggunakan ungkapan yang pelbagai dalam mentakrifkannya. Namun kepelbagaian itu tidak sampai melibatkan perbezaan konsep dan makna *muḍārabah*.⁴⁰ Oleh itu, secara umumnya takrifan yang dikemukakan oleh fuqaha merangkumi beberapa unsur utama, iaitu:

³³ Jamāl al-Dīn Muhammad Ibn Mukarram Ibn Manẓur, *Lisān al-‘Arab*, ed. Ke-3 (Beirut: Dār Ṣādir, 1414 H), 1:544.

³⁴ Iskandar, “Tahap Kefahaman Pelanggan Bank Muamalat Indonesia Cawangan Banda Aceh Terhadap Akad Mudharabah” (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, 2013), 47

³⁵ Jamāl al-Dīn Muhammad Ibn Mukarram Ibn Manẓur, *Lisān al-‘Arab*, 7:217

³⁶ Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* (Beirut: Dār al-Fikr, 1977), 3:202

³⁷ *Ibid.*

³⁸ Mustafā al-Khin *et al.*, *al-Fiqh al-Manhajī ‘ala madhhab al-Imām al-shāfi‘ī* (Damsyik: Dār al-Qalam, 1992), 71.

³⁹ Mohd Faiz Mat Idris, Ishak Sulaiman, Kamaruzzaman Noordin, *Muḍārabah: perkongsian modal dan untung* (Malaysia: Book Pro Publishing services, 2008), 19.

⁴⁰ Yusof bin Ramli, “Muḍārabah: Konsep dan Pemakaiannya dalam Institusi Kewangan di Malaysia” (Tesis Doktor Falsafah Syariah, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, 2003), 2.

- a. Akad perkongsian dalam keuntungan antara pemodal dan pekerja.
- b. Penyerahan harta oleh pemodal kepada pekerja.
- c. Memberi kuasa kepada pekerja untuk menjadi wakil bagi menjalankan perniagaan.
- d. Pembahagian keuntungan antara pemodal dan pekerja.

2. Hukum *muḍārabah* dalam Islam

Akad *muḍārabah* menurut syarak hukumnya harus. Para fuqaha telah mengiktiraf keabsahan pensyariatan akad *muḍārabah* dalam perniagaan, walaupun ianya merupakan suatu bentuk akad transaksi dalam bermuamalah yang sedia ada sebelum datangnya Islam. Namun begitu, praktik ini selanjutnya diperakui oleh Islam⁴¹ dan telah diamalkan dalam kegiatan transaksi Muamalah Islam oleh para sahabat seperti ‘Umar bin Khaṭṭab RA, ‘Uthmān bin ‘Affān RA, ‘Ali bin Abī Ṭālib RA, Jabīr bin ‘Abd Allāh RA dan Ḥakim bin Jazam RA.⁴²

3. Rukun *muḍārabah*

Kontrak *muḍārabah* akan terbentuk apabila terdapat rukun-rukun yang ditetapkan, namun sebaliknya sesebuah akad akan rosak apabila tidak terkumpul rukun-rukunya.⁴³ Menurut mazhab Hanafi rukun akad *muḍārabah* hanyalah *ījāb* dan *qabūl*. *Ījāb* adalah lafaz *muḍārabah* atau lafaz lainnya yang mengandungi makna ini yang dikatakan oleh pemodal. Manakala *qabūl* adalah lafaz penerimaan dari *muḍārib* (pekerja) setelah menerima modal dari pemodal.⁴⁴

⁴¹ ‘Abd al-Rahman bin Muḥammad ‘Awaḍ al-Jazīrī, *Al-Fiqh ‘alā al-Mazāhib al-Arba‘ah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 3:46.

⁴² Muḥammad bin ‘Alī Muḥammad al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār Sharḥ Muntaqā al-Akḥbār Min al-Aḥādīth Sayyīd al-Akhyār* (Beirut: Dar al-Ma‘rifah, 1998), 5:347

⁴³ taufik

⁴⁴ Al-Kāsanī, *Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘ Fī Tartīb al-Sharā’i‘* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1986), 6:79.

Fukaha mazhab Syafi‘ī menyatakan lima rukun akad *muḍārabah* iaitu al-‘āqidān, modal, kerja (pengurusan), keuntungan dan *ṣīghah* (lafaz akad).⁴⁵ Manakala jumah fuqaha mengatakan bahawa rukun akad *muḍārabah* ada tiga sahaja iaitu:⁴⁶

- a. wujudnya dua orang yang berakad (al-‘āqidayn) yang merangkumi pemodal dan pekerja.
- b. Adanya perkara-perkara yang diakadkan (ma‘qūd ‘alayh) yang merangkumi modal, usaha, dan keuntungan.
- c. Adanya lafaz (al-ṣīghah) yang mengandungi *ījāb* dan *qabūl*.

4. Syarat *muḍārabah*

Dalam pembentukan *muḍārabah*, terdapat pelbagai syarat yang disyaratkan pada *al-‘āqidayn*, *ra’s al-māl* (modal), dan *al-riḥ* (keuntungan).

- a. Al-‘Āqidayn (*ṣāhib al-māl* dan *al-muḍārib*).

Al-‘āqidayn ialah dua pihak yang berkontrak. Dalam kontrak *muḍārabah* mereka terdiri dari *ṣāhib al-māl* (pemilik harta/pemodal) dan *al-muḍārib* (pengusaha/pekerja). Disyaratkan pada *ṣāhib al-māl* dan *al-muḍārib* memiliki kelayakan dalam mewakilkan dan mewakili,⁴⁷ kerana kontrak *muḍārabah* berasaskan kontrak amanah dan perwakilan,⁴⁸ di mana pemilik harta (modal) seolah-olah pewakil (*al-muwakkil*) dan pengusaha/pekerja pula seolah-olah penerima wakil (*al-wakīl*).⁴⁹ Oleh itu, apa yang disyaratkan kepada *al-muwakkil* dan *al-wakīl* berlaku juga kepada *ṣāhib al-māl* dan *al-muḍārib*, seperti tidak boleh salah satu dari keduanya terdiri daripada kanak-kanak, orang bodoh, orang gila, dan hamba yang tidak diberi keizinan oleh tuannya.⁵⁰

⁴⁵ Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 3:398.

⁴⁶ Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damshiq: Dār al-Fikr, 1985), 4:839.

⁴⁷ *Ibid.*, 4:843.

⁴⁸ Muwaffaq al-Dīn Abī Muḥammad ‘Abd Allāh bin Ahmād bin Muḥammad bin Qudāmah, *Al-Mughnī* (Riyad: Dār ‘Ālam al-Kutub, 1998), 5:16.

⁴⁹ Shams al-Dīn, Muḥammad bin Ahmād al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma‘rifah al-Fāz al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 3:405

⁵⁰ *Ibid.*

Selain itu, Tidak disyaratkan keduanya Muslim, maka sah transaksi *muḍārabah* antara Muslim dan kafir *zimmī* dan kafir *musta'min* selama berada dalam negara Islam. Namun begitu, mazhab Malik mengatakan makruh hukumnya bagi transaksi antara Muslim dan kafir selama tidak mengamalkan perbuatan yang diharamkan syarak seperti riba.⁵¹

b. Modal.

Dalam akad *muḍārabah* modal memiliki syarat-syarat yang harus wujud, ianya seperti berikut:

Pertama, modal hendaklah terdiri daripada wang yang telah diperakui seperti emas, perak dan lainnya.⁵² Berdasarkan syarat ini, secara umumnya barang komoditi tidak boleh dijadikan modal walaupun ia boleh dinilai dengan harga kerana ia boleh menyebabkan *gharar* (keraguan) dan ketidakpastian terhadap nilai sebenar modal dan keuntungan yang diperolehi.⁵³ Hal ini disebabkan maksud daripada akad *muḍārabah* adalah penyerahan modal dan perkongsian keuntungan. Maka apabila pengusaha menerima modal berupa barangan, dibimbangi nilai barangan tersebut boleh berubah-ubah.⁵⁴

Kedua, modal yang dikeluarkan hendaklah diketahui kadar, sifat dan jenisnya. Kerana ketidakpastian modal akan mendatangkan ketidakpastian keuntungan, sedangkan salah satu syarat sah *muḍārabah* adalah keuntungan yang jelas.⁵⁵ Oleh itu, jika modal tidak diketahui, maka kontrak *muḍārabah* tersebut tidak sah.

⁵¹ Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 4:843.

⁵² *Ibid.*,

⁵³ Shams al-Dīn, Muḥammad bin Aḥmad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, 3:398

⁵⁴ Abū Zakariyā Yahyā bin Syaraf al-Nawawī, *Al-Majmu' Sharḥ al-Muhadhab* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 14:357

⁵⁵ Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 4:844.

Ketiga, modal hendaklah dalam bentuk tunai. Majoriti fukaha bersepakat bahawa modal *muḍārabah* hendaklah dalam bentuk wang tunai yang tersedia ada, bukannya hutang atau harta yang hilang.⁵⁶

Keempat, modal hendaklah diserahkan kepada pengusaha bagi merealisasikan usaha. Kerana modal merupakan amanah yang perlu ada di tangan pengusaha, maka tidak sah akad *muḍārabah* kecuali dengan penyerahan modal.⁵⁷ Penyerahan modal tidak semestinya ketika majlis kontrak berlangsung.⁵⁸ Berdasarkan syarat ini pula, tidak harus pemodal mensyaratkan agar pengusaha merujuk kepadanya dalam melakukan pengurusan modal tersebut. Kerana pengusaha semestinya memiliki kebebasan dalam membuat pengurusan modal yang ada di tangannya.⁵⁹

c. Keuntungan.

Terdapat beberapa syarat yang berkaitan dengan keuntungan telah dipercakapkan oleh para fukaha, ianya seperti berikut:

Pertama, majoriti fukaha bersependapat bahawa kadar bahagian keuntungan dalam kontrak *muḍārabah* mestilah diketahui.⁶⁰ Ini kerana perolehan keuntungan merupakan maksud daripada akad dan *ma'qūd 'alayh*, maka akad akan terbatal jika hal tersebut tidak diketahui oleh pihak yang berkontrak.⁶¹

Kedua, kadar keuntungan adalah bahagian-bahagian yang dikongsiikan dan dimaklumi bersama seperti dalam bentuk nisbah 30:70 atau 40:60 atau 50:50 dan peratusan lainnya. Jika terdapat penentuan jumlah keuntungan yang tertentu oleh kedua pihak yang melakukan akad, maka kontrak *muḍārabah* tersebut dikira terbatal.⁶²

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 4:846.

⁵⁸ Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 3: 400.

⁵⁹ *Ibid.*

⁶⁰ *Ibid.*, 3:403

⁶¹ Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 4:848.

⁶² *Ibid.*, 4:850.

Berdasarkan syarat ini pula, tidak boleh ditetapkan bahawa keseluruhan keuntungan diagihkan kepada *muḍārib* sahaja.⁶³

5. Pembahagian *Muḍārabah*

Akad *muḍārabah* dilihat dari segi transaksi yang dilakukan antara pemilik modal dan pengusaha/pekerja terbagi kepada dua bahagian iaitu *al-muḍārabah al-muṭlaqah* dan *al-muḍārabah al-muqayyadah*.

a. *Al-Muḍārabah al-Muṭlaqah*

Al-Muḍārabah al-muṭlaqah adalah jenis akad di mana penyerahan modal oleh pemiliknya kepada pengusaha tanpa mengenakan apa-apa sekatan atau syarat. Di dalam pelaksanaan akad ini tidak dinyatakan tempoh, tempat perniagaan, jenis-jenis perniagaan, industri atau perkhidmatan dan pembekal atau pelanggan yang patut dilanggan.⁶⁴

b. *Al-Muḍārabah al-Muqayyadah*

Al-muḍārabah al-muqayyadah iaitu jenis akad di mana pemilik modal menyerahkan hartanya kepada pengusaha dengan jenis-jenis perniagaan, tempat dan masa tertentu serta terikat dengan orang-orang tertentu yang akan bertransaksi dengan *muḍārib*. Apabila berlaku sebarang peristiwa yang tidak diingini akibat pelanggaran syarat ini, ia akan ditanggung oleh pengusaha sendirian.⁶⁵

3.4.2 **Praktik Akad *Muḍārabah* dalam Akaun Simpanan di BMI**

Bank Muamalat Indonesia merupakan institusi kewangan Islam yang pertama di Indonesia yang menawarkan produk-produk berteraskan prinsip-prinsip Syariah. Prinsip-prinsip syariah ini didasarkan kepada kontrak-kontrak (akad) muamalat tertentu. Salah satu akad yang diamalkan iaitu akad *muḍārabah* yang berasaskan sistem perkongsian

⁶³ *Ibid.*

⁶⁴ *Ibid.*, 4:840

⁶⁵ *Ibid.*

untung. BMI telah pun mengaplikasikan akad *muḍārabah* dalam produk penghimpunan dana seperti akaun simpanan (tabungan), giro, deposito. Adapun hasil analisis pengkaji berdasarkan temu bual dengan kaki tangan BMI, produk-produk akaun simpanan yang ditawarkan oleh BMI melalui akad *muḍārabah* iaitu Tabungan IB Muamalat Mudharabah, Tabungan IB Muamalat Prima, Tabungan IB Muamalat Rencana, Tabungan IB Muamalat Sahabat, Tabungan IB Muamalat Simpel.⁶⁶

1. Konsep *muḍārabah* dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia (BMI)

Aplikasi akad dalam akaun simpanan *muḍārabah* di BMI dikelola berdasarkan prinsip *muḍārabah muṭlaqah*. Ertinya pelanggan berperanan sebagai *ṣāhib al-māl* (pemilik dana) yang menyumbang modal kepada pihak BMI yang bertindak sebagai *muḍārib* (pengusaha).⁶⁷

Dalam kaitan dengan *muḍārabah muṭlaqah*, Bank bersedia untuk melakukan pengelolaan wang pelanggan yang dicatatkan dalam bentuk buku akaun atas nama pelanggan berkenaan. Manakala pelanggan juga memberi persetujuan kepada Bank untuk mengelola wang yang telah dilaburkan pada Bank dan digunakan serta diambil manfaatnya oleh Bank sesuai dengan prinsip *muḍārabah muṭlaqah* tanpa apa-apa sekatan dan digunakan sesuai prinsip Syariah.⁶⁸

Selanjutnya, dalam hal risiko yang berlaku dalam pengelolaan wang berkenaan yang bukan merupakan kesalahan Bank, pelanggan menanggung risiko bersifat kewangan yang timbul dari pengelolaan wang tersebut sedangkan pihak Bank memikul risiko yang tidak bersifat kewangan.⁶⁹

⁶⁶ Raifky Bayu Aji (Domestic Operation Division dalam Operation Policy Development Department), dalam temu bual dengan Pengkaji 24 Mac 2016.

⁶⁷ *Ibid.*,

⁶⁸ Lihat Borang Akad Tabungan *Muḍārabah*.

⁶⁹ *Ibid*

2. Mekanisme Kongsi keuntungan dalam akaun simpanan *mudārabah*.

Dengan prinsip *mudārabah muṭlaqah*, pihak pelanggan akaun simpanan sebagai pihak pemodal akan mendapat perkongsian keuntungan. Adapun perkongsian keuntungan dalam BMI dikenali dengan bagi hasil.⁷⁰ Pada kebiasaannya, nisbah bagi hasil ditetapkan berasaskan persetujuan kedua-dua pihak yang berkontrak iaitu antara pelanggan dan pihak BMI. Namun begitu pada BMI, nisbah bagi hasil telah ditentukan oleh pihak bank pada awal pembukaan akaun simpanan *mudārabah*. Pihak pelanggan hanya perlu menyetujui akan nisbah bagi hasil yang telah disebutkan dalam akad perjanjian.⁷¹ Oleh itu, dalam hal penentuan nisab keuntungan oleh pihak *mudārib* (bank) tidak terdapat perselisihan, kerana yang terpenting adalah sebagaimana syarat keuntungan iaitu kadar keuntungan adalah bahagian-bahagian yang dikongsikan dan dimaklumi bersama.

Terdapat beberapa ketentuan dan persyaratan dalam pengagihan keuntungan (bagi hasil) yang dijalankan oleh pihak BMI pada akaun simpanan *mudārabah*. Di antaranya seperti berikut:⁷²

- a. Bagi hasil (keuntungan) dihitung pada akhir setiap bulan dan akan dicatatkan dalam buku akaun berkenaan pada hari pertama bulan berikutnya sesuai prosedur yang berlaku di bank.
- b. Perhitungan bagi hasil dilakukan berdasarkan baki purata harian dalam satu bulan takwim
- c. Kadar nisbah akaun simpanan *mudārabah* ditentukan berdasarkan kesepakatan pelanggan dan Bank. Kadar nisbah dan atau keuntungan yang hanya untuk satu pihak tidak dibenarkan.
- d. Dalam hal berlakunya pengurangan nisbah keuntungan pelanggan, Bank akan mengumumkan melalui jaringannya dan atau media cetak edaran nasional.

⁷⁰ Raifky Bayu Aji (Domestic Operation Division dalam Operation Policy Development Department), dalam temu bual dengan Pengkaji 24 Mac 2016.

⁷¹ Muhammad Aqsha (Pelanggan Tabungan *Mudārabah*), dalam temu bual dengan pengkaji, 10 Mei 2016.

⁷² Borang Ketentuan Dan Persyaratan Tabungan.

Apabila dalam waktu 14 hari kalendar pelanggan tidak menyampaikan ketidaksetujuannya, maka pelanggan dianggap menyetujui pengurangan nisbah keuntungan berkenaan.

- e. Dalam hal Bank membayarkan bagi hasil, cukai penghasilan atau bagi hasil akaun simpanan *mudārabah* menjadi tanggungan pelanggan sesuai ketentuan cukai yang berlaku.

Kaedah pengiraan keuntungan pelanggan atau pemberian bagi hasil di BMI dijalankan dengan sebuah formula, sehingga keuntungan yang diterima oleh pelanggan akan berbeza setiap bulannya mengikut pendapatan hasil pengelolaan modal yang dijalankan oleh pihak BMI. Formula pengiraan keuntungan pelanggan seperti diterangkan seperti berikut:⁷³

$$\text{Bagi hasil pelanggan} = \frac{\text{baki purata harian}}{1000} \times HI - 1000 \times \text{nisbah pelanggan}$$

HI-1000 adalah angka yang menunjukkan hasil pelaburan atau pengelolaan dana yang diperoleh dari setiap penyaluran seribu Rupiah dana oleh pihak BMI. Manakala baki purata harian adalah jumlah baki pada setiap hari pengebilan dibahagikan dengan bilangan hari kitaran pengebilan atau jumlah hari bulan berkenaan.

Adapun contoh pengiraan keuntungan pelanggan akaun simpanan *mudārabah* daripada formula yang digunakan oleh BMI seperti berikut:

Jadual III.3: Contoh Akaun Simpanan

Tarikh	Keluar (Rp)	Masuk (Rp)	Baki (Rp)
01.02.XXXX			59,561,295.15
02.02.XXXX			59,561,295.15
03.02.XXXX			59,561,295.15
04.02.XXXX			59,561,295.15
05.02.XXXX			59,561,295.15
06.02.XXXX			59,561,295.15
07.02.XXXX			59,561,295.15
08.02.XXXX			59,561,295.15
09.02.XXXX		1,500,000.00	61,061,295.15

⁷³ Raifky Bayu Aji (Domestic Operation Division dalam Operation Policy Development Department), dalam temu bual dengan Pengkaji 24 Mac 2016.

10.02.XXXX			61,061,295.15
11.02.XXXX			61,061,295.15
12.02.XXXX			61,061,295.15
13.02.XXXX			61,061,295.15
14.02.XXXX			61,061,295.15
15.02.XXXX		1,500,000.00	62,561,295.15
16.02.XXXX			62,561,295.15
17.02.XXXX			62,561,295.15
18.02.XXXX		3,000,000.00	65,561,295.15
19.02.XXXX			65,561,295.15
20.02.XXXX			65,561,295.15
21.02.XXXX			65,561,295.15
22.02.XXXX			65,561,295.15
23.02.XXXX			65,561,295.15
24.02.XXXX		3,000,000.00	68,561,295.15
25.02.XXXX			68,561,295.15
26.02.XXXX			68,561,295.15
27.02.XXXX			68,561,295.15
28.02.XXXX			68,561,295.15
29.02.XXXX			68,561,295.15

Jadual III.3 menunjukkan contoh simpanan harian seorang pelanggan dalam tempoh satu bulan di Bank muamalat Indonesia (BMI). Pengagihan keutungan bagi pelanggan akaun simpanan akan dihitung pada akhir setiap bulan. Bagi menghitung keutungan pelanggan, penahapan pertama adalah menghitung baki purata harian.

Adapun cara perhitungannya seperti berikut:

$$1\text{hb}-8\text{hb} : 8 \times 59,561,295.15 = 476,490,361.2$$

$$9\text{hb}-14\text{hb} : 6 \times 61,061,295.15 = 366,367,770.9$$

$$15\text{hb}-17\text{hb} : 3 \times 62,561,295.15 = 187,683,885.45$$

$$18\text{hb}-23\text{hb} : 6 \times 65,561,295.15 = 393,367,770.9$$

$$24\text{hb}-29\text{hb} : 6 \times 68,561,295.15 = 411,367,770.9$$

$$\text{Jumlah} = 1,835,277,559.35$$

$$\text{Baki Purata Harian} = 1,835,277,559.35 / 29 = 63,285,433.08$$

Penahapan selanjutnya iaitu menghitung bahagian keutungan yang akan dicapai oleh pelanggan berkenaan, dengan andaian nisbah keutungan pelanggan adalah 5

peratus dan HI-1000 pada bulan berkenaan adalah 6.82. Oleh itu, cara perhitungannya menggunakan formula bagi hasil keuntungan yang telah disebut di atas:

$$\text{Keuntungan Pelanggan} = \frac{63,285,433.08}{1000} \times 6.82 \times \frac{5}{100} = 21,580.33$$

3. Manfaat penyimpanan dana pada akaun simpanan *muḍārabah*.

Dalam pengeluaran produk akaun simpanan *muḍārabah*, BMI telahpun mengenalkannya dengan menunjukkan beberapa keistimewaan yang terdapat pada setiap produk berkenaan. Hal ini dilakukan untuk lebih menarik minat penyimpanannya, maka pihak bank telah menawarkan pelbagai keistimewaan serta manfaat tertentu kepada mereka. Selain mendapatkan pembahagian keuntungan, di antara manfaat dan keistimewaan yang boleh diperoleh oleh pelanggan berkenaan adalah:

- a. Kepastian transaksi berdasarkan konsep Syariah. Ini kerana berlakunya pengawasan dari Dewan Pengawas Syariah (DPS) dalam setiap pengeluaran sesebuah produk.
- b. Dana yang disimpan pelanggan akan dikelola dan dilaburkan oleh pihak BMI dalam aktiviti-aktiviti halal dan menguntungkan.
- c. Pelanggan dapat memelihara kewangannya dengan baik dan lebih terencana melalui BMI di setiap pejabat cawangan BMI yang tersebar di seluruh Indonesia dan fasiliti yang diberikan oleh BMI seperti ATM, kad debit, phone banking, dan sebagainya.
- d. Pelanggan mendapat kemudahan untuk mengeluarkan wang simpanannya setiap masa sesuai ketentuan yang berlaku dengan menggunakan kad ATM di setiap mesin ATM Muamalat, ATM BCA, dan ATM bank konvensional yang berlambang ATM Bersama.

3.5 Penutup

Pelaksanaan akad *muḍārabah* dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia (BMI) menggunakan akad *muḍārabah muṭlaqah*. Dalam kaitan dengan *muḍārabah muṭlaqah*, Bank bersedia untuk melakukan pengelolaan wang pelanggan yang dicatatkan dalam bentuk buku akaun atas nama pelanggan berkenaan. Manakala pelanggan juga memberi persetujuan kepada Bank untuk mengelola wang yang telah dilaburkan pada Bank dan digunakan serta diambil manfaatnya oleh Bank sesuai dengan prinsip *muḍārabah muṭlaqah* tanpa apa-apa sekatan dan digunakan sesuai prinsip Syariah.

University of Malaysia

**BAB IV: ANALISIS PELAKSANAAN KUTIPAN ZAKAT
PELANGGAN DALAM AKAUN SIMPANAN *MUḌĀRABAH* DI BANK
MAUAMALAT INDONESIA (BMI)**

4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan mendedahkan pelaksanaan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḏārabah* di Bank Muamalat Indonesia. Pengkaji juga akan menganalisis adakah pelaksanaan kutipan zakat yang dijalankan oleh pihak Bank Muamalat Indonesia pada akaun simpanan *muḏārabah* selari dengan prinsip fiqh zakat dalam Islam sama ada dari aspek rukun dan syarat. Pada akhir daripada bab ini, pengkaji akan memberikan kesimpulan sebagai penutup bab ini.

4.2 Pelaksanaan Kutipan Zakat Pelanggan dalam Akaun Simpanan *Muḏārabah* di Bank Muamalat Indonesia (BMI)

4.2.1 *Muḏārabah* adalah sebagai salah satu akad perniagaan

Dalam bentuk asal, *muḏārabah* merupakan satu akad perkongsian keuntungan antara pemilik modal dan *muḏārib*. Pemilik modal yang tidak mempunyai kepakaran dalam memperniagakan sendiri modal miliknya, menyerahkan modal kepada pihak yang mempunyai kemahiran dalam sesuatu bidang pelaburan bagi mengelola harta berkenaan untuk menyuburkan melalui keuntungan yang diperolehi. Modal itu disalurkan ke dalam aktiviti perniagaan, perusahaan pembuatan atau pertanian yang berorientasikan perniagaan. Akad ini pula merupakan suatu alternatif yang disyariatkan bagi

menggantikan pembekalan modal secara bentuk hutang dan faedah yang diharamkan oleh Islam kerana ia adalah sejenis riba.¹

Tidak terdapat dalam al-Quran *naṣ* yang menyebutkan secara langsung tentang *muḍārabah*, kecuali ayat yang membawa makna umum. Makna umum di sini bermaksud galakan untuk berusaha mencari rezeki. Pendapat ini dipegang oleh kebanyakan *fuqahā'*, sebagaimana al-Mawardī² pula berpendapat bahawa asal pada keharusan *muḍārabah* ialah pada keumuman firman Allah SWT:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ

Al-Baqarah 2:198

Terjemahan: Tidak ada dosa bagimu untuk mencari karunia (rezeki hasil perniagaan) dari Tuhanmu.

Ayat ini menjelaskan bahawa kewujudan perintah supaya mendapatkan rezeki dalam memenuhi hidup seharian, antara caranya ialah melalui perniagaan. Sedangkan *muḍārabah* juga adalah satu kaedah melaksanakan aktiviti perniagaan secara perkongsian yang dibuat dengan persetujuan kedua belah pihak yang berkontrak.

Di samping itu, terdapat satu hadith yang dikeluarkan oleh Ibn Majah daripada Suhayb bahawa Rasulullah SAW bersabda:

ثلاث فيهن البركة: البيع إلى أجل والمقارضة وإخلاق البر بالشعير للبيت لا للبيع

Terjemahan: Terdapat tiga perkara yang mendapat keberkatan daripada Allah SWT iaitu jual beli dengan satu tempoh masa yang tertentu, *muqāradah* (*muḍārabah*), dan mencampurkan gandum dengan tepung untuk kegunaan di rumah dan bukannya untuk jualan.³

Oleh demikian, nyatalah bahawa *muḍārabah* telah wujud dalil keharusannya secara tersirat dalam al-Quran dan secara langsung dalam hadith Rasulullah. Ertinya, berurusan dalam aktiviti berkaitan ekonomi secara *muḍārabah* adalah satu daripada cara

¹ Yusof bin Ramli, "Muḍārabah: Konsep dan Pemakaiannya dalam Institusi Kewangan di Malaysia" (Tesis Doktor Falsafah Syariah, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, 2003), 304.

² Abū al-Hasan Alī ibn Muhammad ibn Muhammad ibn Ḥabīb al-Māwardī, *Al-Ḥāwī al-Kabīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 7:305.

³ Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār* (Mesir: Dār al-Hadith, 1993), 5:319

yang boleh dilakukan untuk mempraktikkan perintah mencari rezeki secara langsung melalui aktiviti perniagaan.

Memandangkan dalam Islam sebarang pinjaman yang diberikan dengan mengenakan syarat pembayaran mesti disertakan tambahan kepada jumlah hutang yang diberi adalah amalan riba, institusi kewangan Islam khususnya bank telah menukar seluruh hubungan pinjam meminjam menurut bank konvensional yang sedia ada kepada pelbagai konsep yang diiktiraf Islam seperti hubungan perkongsian.⁴ Salah satu etika perkongsian dalam mu‘āmalat termasuklah *muḍārabah*.⁵

Bank Muamalat Indonesia (BMI) atas sifatnya sebagai institusi ekonomi dan kemasyarakatan yang menjalankan aktiviti perniagaan, telahpun menggunakan akad *muḍārabah* untuk tujuan menghimpun dana daripada orang ramai. Dalam hubungan antara BMI dan pelanggan yang menyerahkan wangnya untuk diuruskan dan dilaburkan oleh bank, BMI berperanan sebagai *muḍārib* (pengusaha) dan pelanggan berperanan sebagai *ṣāhib al-māl* (pemodal).

Dengan demikian nyatalah bahawa hubungan BMI dan pelanggan merupakan hubungan perniagaan Islam yang diamalkan secara perkongsian dengan menggunakan akad *muḍārabah*.

4.2.2 Akaun simpanan *muḍārabah* merupakan harta zakat perniagaan

Dalam penghimpunan dana, Bank Muamalat Indonesia (BMI) memperkenalkan perkhidmatan dan produk kewangan berasaskan kepada konsep perkongsian dengan pelanggan, bukan sebagai penghutang dengan pemiutang. Ini termasuklah melalui penawaran produk akaun simpanan yang menggunakan akad *muḍārabah*. Mengenai

⁴ Zaharuddin Abd Rahman, *Wang, Anda dan Islam: halal dan haram kewangan dalam perbankan*, ed. ke-2 (Malaysia: True Wealth Sdn Bhd, 2009), 68.

⁵ Mohd Faiz Hakimi Mat Idris, Ishak Sulaiman, dan Kamaruzzaman Noordin, *Muḍārabah Perkongsian Modal dan Untung* (Pahang: Book Pro Publishing Services, 2008), 33.

bentuk hubungan penyimpan wang dengan bank dalam akaun simpanan, penyimpan atau pelanggan dianggap sebagai pemilik modal, manakala bank pula berkedudukan sebagai *muḍārib* dalam *muḍārabah muṭlaqah*.

Muḍārabah muṭlaqah adalah akad kerjasama antara dua orang atau lebih, di mana *muḍārib* sebagai pengusaha atau pengelola mendapatkan hak kebebasan dalam pengurusan dana, jenis perniagaan, tempat perniagaan, waktu perniagaan, mahupun yang lain.⁶ Dalam dunia perbankan, *muḍārabah muṭlaqah* dikenal dengan istilah pelaburan awam (*general investment*). Kontrak yang terjadi pada akad ini adalah pemilik modal menyerahkan modal secara mutlak tanpa ada syarat dan sekatan apapun yang terikat.⁷ Perniagaan ini dibenarkan oleh Abu Hanīfah, Imam Syafi‘ī, dan Imam Aḥmad Ibn Ḥanbal ketika akad masih dijalankan oleh kedua pihak. Namun, jika salah satu pihak membatalkannya maka pembatalan akan membawa kesulitan kepada pihak lain.⁸

Dalam akaun simpanan *muḍārabah*, pihak BMI telah menggunakan akad *muḍārabah muṭlaqah*.⁹ Pihak pelanggan dalam akaun berkenaan memberikan kebebasan kepada BMI untuk menguruskan wang simpanan mereka. Selanjutnya, pihak BMI melakukan perniagaan dengan cara pembiayaan dan pelaburan untuk memperolehi keuntungan yang akan dibahagikan sesuai dengan ketentuan yang telah disepakati bersama pada awal pembukaan akaun simpanan *muḍārabah*.

Mengamanahkan wang di BMI melalui akaun simpanan *muḍārabah* bukan sekadar menyimpan atau menyerahkan sahaja. Wang tersebut akan dilaburkan secara bebas untuk membiayai pelbagai usaha yang halal dan memberi manfaat kepada umat dan perolehan keuntungan dari usaha pembiayaan akan dikongsikan antara pelanggan sebagai pemodal dan pihak bank mengikut nisbah yang telah disepakati ketika berakad.

⁶ Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damshiq: Dār al-Fikr, 1985), 4:840.

⁷ Fauzi kado, “Analisis Skim Pelaburan Al-Muḍārabah Di Islamic Bank Of Thailand” (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, 2009), 45

⁸ Nasrun Haroen, *Fiqh Muamalah* (Jakarta: Gaya Media Pratama, 2000), 179

⁹ Raifky Bayu Aji (Domestic Operation Division dalam Operation Policy Development Department), dalam temu bual dengan Pengkaji 24 Mac 2016.

Adapun tatacara pengalihan keuntungan yang diperolehi BMI melalui pengelolaan wang pelanggan pada akaun simpanan *muḍārabah* menggunakan formula yang telah di buat oleh pihak BMI.¹⁰ Maka keuntungan yang diterima oleh pelanggan akan berbeza setiap bulannya bergantung atau mengikut kepada keuntungan yang dijana oleh bank pada bulan berkenaan.

Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa harta pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* dikenakan zakat atas dasar ianya juga merupakan satu bentuk perniagaan dan menjadi modal kepada sesebuah perniagaan dan pelaburan Bank Muamalat Indonesia (BMI).

4.2.3 Pembayaran Zakat Pelanggan dalam Akaun Simpanan *Muḍārabah*

Konsep perbankan Islam mengharuskan bank Islam melaksanakan perkhidmatan sosial seperti zakat.¹¹ Ini bererti bank Islam dikehendaki menjadi pengelola zakat dalam erti wajib membayar zakat, menghimpun, mentadbirkan, dan mengagihkannya.

Oleh itu, BMI sebagai bank Islam pertama di Indonesia telah memberikan perkhidmatan kepada pelanggan akaun simpanan *muḍārabah* yang berbentuk pemotongan atau pembayaran zakat secara automatik bagi pelanggan.

Pengkaji mendapati bahawa zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* yang dibayarkan oleh BMI, hanya bagi pihak pelanggan yang mengizinkan sahaja semasa pembukaan akaun berkenaan, dan hanya dibayarkan zakat atas keuntungan sahaja sebanyak 2.5 peratus. Hal ini sebagaimana diterangkan oleh Rudy Rinaldi Pratama, tata cara pembayaran zakat pada akaun simpanan *muḍārabah* iaitu:

“Pemotongan zakat sebanyak 2.5 persen [peratus]. Nasabah [pelanggan] ketika diberikan form [borang] pembukaan rekening [akaun] ditanya apakah mahu dibayarkan untuk zakat bagi hasil

¹⁰ Lihat Bab III pada point 3.4.2

¹¹ Muhammad Syafi'i Antonio, *Bank Syariah dari Teori Ke Praktik*, (Jakarta: Gema Insani, 2001), 200.

[keuntungan] tiap bulannya atau tidak. Itu Cuma ada pilihan “iya” atau “tidak”¹²

Pengkaji juga mendapati bahawa amalan kutipan zakat pada akaun simpanan ini telah pun diubah suai kepada konsep ZIS (zakat, infak dan sadaqah) hal ini sebagaimana diperkatakan oleh Rudy Rinaldi Pratama :

“Baru-baru ini, mungkin sudah dua tahun, kita [pihak BMI] tidak hanya memotong zakat tapi merubah konsep menjadi ZIS. Pada form pembukaan akaun juga dirubah. Jadi apakah dana bagi hasil *muḍārabah* ini akan dipotong [dibayarkan] untuk dana ZIS sebesar 2.5 persen [peratus].”¹³

Pengubahsuaian konsep ini bermula setelah mendapatkan pertanyaan daripada salah seorang pihak pelanggan, apakah BMI boleh menghitung pemotongan zakat. Setelah dikaji oleh pihak BMI, sistem yang sedia ada hanya mengeluarkan 2.5 peratus setiap akhir bulan ke atas hasil keuntungan yang akan diagihkan tanpa melihat adakah keuntungan pelanggan mencapai nisab ataupun tidak. Sesudah itu, pihak BMI menghadapi dua pilihan. Pertama adakah pihak BMI akan merubah sistem yang sedia ada kepada sistem yang boleh menghitung zakat pelanggan?. Kedua, adakah pihak BMI meluaskan lagi objek kutipan wang pelanggan berkenaan kepada ZIS?. Pada akhirnya pihak BMI memutuskan untuk meluaskan lagi objek kutipan wang pelanggan kepada zakat infak dan sadaqah .¹⁴

Selanjutnya, pengkaji mendapati satu perspektif pihak BMI berkaitan pengubahsuaian konsep kutipan zakat kepada konsep ZIS. Perspektif tersebut adalah andaian daripada pihak BMI jikalau keuntungan pelanggan pada akhir bulan tidak mencukupi paras nisab, pihak BMI tetap akan menjalankan pemotongan bagi keuntungan pelanggan yang mengizinkan pemotongan zakat sebesar 2.5 peratus sebagai infaq. Infaq ini akan diagihkan juga kepada asnaf-asnaf zakat melalui entiti anak syarikat BMI yang dikenali dengan BMM (Baitul Mal Muamalat).¹⁵

¹² Rudy Rinaldi Pratama (Jawatan Kepatuhan Syariah) dalam temu bual dengan pengkaji 28 Mac 2016.

¹³ *Ibid.*

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ *Ibid.*

Namun begitu, pengkaji tidak mendapati keterangan secara jelas berkaitan amalan pemotongan 2.5 peratus sebagai infaq dalam borang pembukaan akaun simpanan.¹⁶ Walaupun, pihak BMI telah pun merekod dan mencatat hasil pemotongan wang pelanggan berkenaan dalam buku akaun simpanan *muḍārabah* pada tarikh setiap akhir bulan takwim sebagai zakat.¹⁷

4.2.4 Kefahaman Pelanggan Terhadap Kutipan Zakat akaun simpanan

Muḍārabah di Bank Muamalat Indonesia

Jadual IV.1: Kefahaman Pelanggan Terhadap Kutipan Zakat Akaun Simpanan *Muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia

Perkara	Responden A	Responden B	Responden C	Responden D	Responden E
Adakah Permintaan persetujuan dari pihak BMI	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya
Alasan mengizinkan	Kewajipan zakat	Kemudahan pembayaran zakat	Kepercayaan kepada institusi	Melaksanakan kewajipan	Menabung di BMI
Pengetahuan berkaitan pembayaran infak	Tidak tahu	Tidak tahu	Tidak tahu	Tidak tahu	Tahu
Pengetahuan mekanisme kutipan zakat	Tidak tahu	Tidak tahu	Tidak tahu	Tidak tahu	Tidak tahu
Pengetahuan jenis zakat yang dikenakan	Tidak tahu	Zakat pendapatan seperti gaji	Tidak tahu	Tidak tahu	Tidak tahu

Sumber: Temu bual bersama Puan Liza Noviani, Tuan Muhammad Aqsha, Puan Fitria Humaira, Tuan Adam Muhammad Umar, Tuan Muhammad Rizal..

¹⁶ Lihat lampiran 4 bahagian G point 1 yang menyatakan adakah 2.5 peratus dari keuntungan yang diterima akan dipotong sebagai zakat. Adapun pada point 2 menyatakan kesediaan pelanggan dalam membayar infaq setiap bulan, tetapi bukan dari hasil keuntungan *muḍārabah*.

¹⁷ Lihat lampiran 7.

Berdasarkan temu bual bersama dengan lima orang pelanggan akaun simpanan *muḍārabah* yang mengizinkan pembayaran zakat di Bank Muamalat Indonesia (BMI), semuanya menguatkan bahawa terdapat permintaan persetujuan dari pihak BMI. Alasan membenarkan pembayaran zakat berkenaan, dua orang responden disebabkan kewajipan zakat kepada setiap Muslim. Tiga orang responden lainnya menambahkan alasan membenarkan pembayaran zakat iaitu kerana kemudahan pembayaran zakat, kepercayaan terhadap institusi dalam menjalankan konsep Syariah, dan pelanggan berkenaan menyimpan wang di BMI.

Empat orang responden mengakui bahawa tidak tahu berkaitan pembayaran infak oleh pihak BMI sekiranya keuntungan *muḍārabah* mereka tidak mencapai paras nisab dan hanya satu orang responden yang tahu berkaitan pengubahsuaian daripada zakat kepada pembayaran infak.

Adapun mekanisme yang dijalankan BMI dalam kutipan zakat akaun simpanan *muḍārabah* seperti tatacara pengiraan zakat sebelum pengagihan keuntungan, kesemua responden mengakui tanpa pengetahuan mereka.

Selanjutnya, satu orang responden menyatakan bahawa jenis pembayaran zakat yang diamalkan oleh pihak BMI berasaskan zakat wang simpanan. Manakala tiga orang responden lainnya tidak mengetahui berkaitan jenis pembayaran zakat mereka.

4.3 Analisis Pelaksanaan Kutipan Zakat Pelanggan Dalam Akaun Simpanan *Muḍārabah* Di Bank Muamalat Indonesia (BMI)

Kutipan zakat adalah suatu proses mengumpul atau membayar harta-harta zakat daripada pembayar yang dilakukan oleh pengutip zakat.¹⁸ Pengutipan zakat tersebut mengikut

¹⁸ Humam bin Daud, "Kutipan Zakat dan Agihannya: suatu kajian di awal Islam" (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, 2004), 84.

panduan dan kaedah-kaedah yang telah ditentukan oleh ulama menerusi al-Quran dan al-Hadith. Dalam menganalisis kutipan zakat bagi pelanggan akaun simpanan *muḍārabah* di BMI, pengkaji merujuk kepada kaedah pengutipan zakat perniagaan yang merangkumi asas pengiraan zakat perniagaan. Selanjutnya, pengkaji akan menganalisis kesesuaian pengutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* yang dijalankan BMI dengan kaedah yang telah ditetapkan ulama berkaitan dengan kaedah zakat perniagaan.

4.3.1 Asas Pengiraan Zakat Perniagaan

1. Niat untuk berniaga


Sesuatu harta yang diniatkan untuk diniagakan dikenakan zakat perniagaan. Menurut Al-Qaraḍāwī, niat dan tindakan (usaha) merupakan dua unsur penting bagi menentukan harta tersebut dikenakan zakat perniagaan atau tidak. Kedua unsur tersebut hendaklah wujud bersama.¹⁹ Ertinya, hanya keinginan atau niat untuk memperoleh keuntungan sahaja tidak cukup untuk sesebuah aset dikira sebagai harta perniagaan, namun perlu wujudnya tindakan atau usaha dan begitu juga sebaliknya.

Wang yang dibelanjakan untuk perniagaan dikenali sebagai modal. Sebaliknya dipanggil sebagai wang simpanan sekiranya ia hanya disimpan sahaja. Perubahan wang kepada wang modal dan simpanan dapat ditunjukkan seperti berikut.²⁰

¹⁹ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah Liaḥkāmihā wa Falsafatihā Fī Daw'i al-Qurān wa al-Sunnah* (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1973), 1:327.

²⁰ Mat Sa'ad bin Hassan, "Pengiraan Zakat Harta Perniagaan atau Perusahaan," dalam *Zakat Ditinjau Dari Perspektif Sosial, Undang-undang dan Taksiran*, ed. Mohd Ali Baharum (Kuala Lumpur, Dewan Pustaka Alam, 1989), 88.

Rajah IV.I : Bagaimana wang boleh disebut sebagai modal dan menjadi perniagaan



Sumber: Mat Saad bin Hassan (1989).

Kedua proses menjelaskan bagaimana wang boleh disebut sebagai modal dan menjadi perniagaan yang dinilai zakat. Pada Proses (A), wang diniatkan untuk disimpan maka ianya menjadi aset atau harta yang disimpan dan tidak tertakluk kepada zakat perniagaan. Namun begitu, wang berkenaan juga dikenakan zakat berasaskan zakat wang simpanan.²¹

Manakala pada proses (B), wang diniatkan untuk diniagakan dan diusahakan melalui aktiviti perniagaan atau pelaburan, maka wang disebut sebagai modal yang dinilai sebagai aset perniagaan yang wajib dizakatkan berdasarkan hukum zakat perniagaan.

Berpandukan kepada proses (B), zakat wang pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* boleh disamakan dengan zakat perniagaan. Hal ini disebabkan penggunaan akad *muḍārabah*, di mana pelanggan sebagai pemilik modal atau para pelabur telah bersetuju untuk mewakilkan kepada pihak bank sebagai pengusaha untuk meniagakan dan melabur modal berkenaan. Perwakilan ini, ditandai apabila pelanggan mengisi borang peribadi bersetuju menyimpan dan menjadi ahli dalam akaun simpanan *muḍārabah*. Oleh itu, wang pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* menepati dua unsur penting dalam pengiraan harta perniagaan iaitu niat dan usaha.

²¹ JAWHAR, *Manual Pengiraan Zakat Perbankan* (Putra Jaya: JAWHAR, 2010), 32.

2. Cukup nisab

Nilai harta perniagaan itu hendaklah cukup nisab emas atau nisab perak dan nilai itu adalah mengikut nilai dalam negeri di mana harta itu berada.²² Namun begitu, kestabilan harga emas dipasaran menyebabkan kebanyakan *fuqahā'* menjadikannya sebagai ukuran zakat mata wang.²³ Zakat mata wang ialah sama dengan harga emas seberat 85 gram.²⁴ Oleh sebab zakat perniagaan itu sifatnya zakat harta, maka tentu sekali nisabnya sama dengan nisab mata wang.

Penentuan kadar nisab mestilah ditentukan ke atas akaun simpanan *muḍārabah* sebelum pengeluaran zakat dibuat. Oleh itu, kadar nisab yang akan dikenakan mestilah berdasarkan kepada nisab wang rupiah. Ini kerana wang pelanggan pada akaun simpanan *muḍārabah* dilaburkan melalui pembiayaan dalam bentuk wang rupiah.

Apabila harta perniagaan dilaksanakan secara *muḍārabah*, ulama bersepakat bahawa pemilik modal hendaklah mengeluarkan zakat ke atas modal dan juga ke atas bahagian keuntungannya.²⁵ Oleh itu, bagi pelanggan akaun simpanan *muḍārabah* dikenakan zakat ke atas modal dan bahagian keuntungannya. Adapun cara pengiraan zakatnya ialah mengikut nisab zakat perniagaan iaitu wang modal itu akan di campur dengan keuntungan. Selanjutnya, jumlah dari keduanya apabila melebihi nisab 85 gram emas akan dikenakan zakat dengan kadar 2.5 peratus.

3. Cukup haul

Haul adalah pusingan setahun. Dalam perniagaan yang dijalankan mestilah tempoh perniagaan telah cukup setahun mengikut perkiraan tahun Qamariah atau Shamsiyyah. Maka wang yang dijadikan modal perniagaan hendaklah menjalani proses pengembangan dalam tempoh haul yang boleh dinilai zakat perniagaan ke atas modal berkenaan. Syarat

²² Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damshiq: Dār al-Fikr, 1985), 2:787.

²³ Muhammad Kamal 'Atiyah, *Perakaunan Zakat Teori dan Praktis*, terj. Mohd. Nor bin Ngah (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 15.

²⁴ *Ibid.*

²⁵ Lihat Bab II pada pandangan ulama mazhab tentang zakat harta *muḍārabah*.

cukup haul dikhususkan kepada zakat ke atas harta yang bersifat modal seperti haiwan ternakan, emas dan perak atau duit, dan juga barang perniagaan. Dalil bagi syarat ini ialah hadith yang diriwayatkan daripada Aisyah RA, sabda Rasulullah SAW:

لا زكاة في مال حتى يحول عليه الحول

Terjemahan : Tidak wajib zakat pada harta sehingga sempurna haul padanya.²⁶

Haul bermula pada umumnya, setelah harta zakat mencukupi paras nisab. Khusus bagi zakat harta perniagaan, ulama berselisih pandang kepada penetapan haulnya. Persoalan yang muncul berkaitan dengan bilakah syarat haul bermula. Menurut Al-Qaraḍāwī, pandangan yang lebih tepat adalah mengikut pendapat Imam Malik dan Imam Syāfi‘ī bahawa haul bermula bersama dengan bermulanya perniagaan walaupun pada waktu itu harta perniagaan belum mencukupi paras nisab, dengan perkataan lain, nisab harta perniagaan dihitung di akhir tahun.²⁷

Mengikut pandangan yang dibenarkan Al-Qaraḍāwī berkaitan kiraan haul bermula, asas cukup haul hendaklah dikenakan juga ke atas wang pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah*. Ertinya, haul wang pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* sebagai modal, bermula apabila pelanggan berkenaan membuka akaun simpanan di bank sama ada wang berkenaan mencapai paras nisab atau tidak. Hal ini disebabkan wujudnya niat daripada pelanggan untuk meniagakan hartanya. Adapun keuntungan yang diperoleh oleh pelanggan daripada pemberian modal, haul keuntungan dikira mengikut haul modal. Disebabkan keuntungan merupakan perolehan harta daripada harta asal iaitu modal pusingan (diperniagakan).

²⁶ Abū Zakariyā Yahyā bin Syaraf al-Nawawī, *Al-Majmu‘ Sharḥ al-Muhadhab* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 5:361.

²⁷ Yūsuf Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 1:331.

4.3.2 Analisis Kutipan Zakat Pelanggan Akaun Simpanan *Muḍārabah* di BMI

Selaras dengan tuntutan Islam, BMI telah membayarkan zakat ke atas wang pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah*. Adapun mekanisme kutipan zakat hanya dijalankan ke atas bahagian keuntungan pelanggan setelah tolakan cukai pendapatan sebesar 20 peratus. Ini bermakna keuntungan bersih yang diagihkan oleh pihak BMI setiap akhir bulan kepada pelanggan akaun simpanan *muḍārabah* setelah tolakan cukai pendapatan sebesar 20 peratus dan pembayaran zakat ke atas bahagian keuntungan pelanggan sebesar 2.5 peratus. Pembayaran zakat oleh pihak BMI ke atas bagian keuntungan pelanggan tidak memperhatikan adakah keuntungan pelanggan mencukupi kadar nisab dan memenuhi tempoh haul ataupun tidak.

Perbincangan pengkaji dengan pihak BMI menghasilkan satu perspektif BMI mengenai pembayaran zakat ke atas keuntungan pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* di BMI. Adapun hujah utama pihak BMI terhadap pelaksanaan mekanisme pemotongan zakat keuntungan pelanggan adalah keizinan atau kebenaran pihak pelanggan untuk menjalankan pembayaran zakat.²⁸ Walaupun tidak dinafikan bahawa pengkaji mendapati dari hasil temu bual dengan 5 orang pelanggan wujudnya permintaan keizinan pembayaran zakat ke atas wang pelanggan dari pihak BMI kepada pelanggan semasa pembukaan akaun simpanan *muḍārabah*. Namun begitu, 5 orang pelanggan berkenaan juga memperakui bahawa tidak tahu dan tidak mengerti mekanisme yang dijalankan oleh pihak BMI dalam melaksanakan pembayaran zakat ke atas wang pelanggan. Di antara temu bual dengan pihak pelanggan berkata:

“Saya tidak tahu apakah Bank Muamalat Indonesia memotong [membayarkan] zakat dari saldo [modal] ataupun bagi hasil [keuntungan], yang penting saya telah mengizinkan pemotongan [pembayaran] zakat”.²⁹

²⁸ Rudy Rinaldi Pratama (Jawatan Syariah Compliance) dalam temu bual dengan pengkaji 28 Mac 2016.

²⁹ Muhammad Aqsha (Pelanggan Tabungan *Muḍārabah*), dalam temu bual dengan pengkaji, 10 Mei 2016.

Tidak fahaman pelanggan terhadap mekanisme yang dijalankan oleh pihak BMI dalam kutipan zakat pelanggan disebabkan kurangnya penjelasan secara terperinci daripada pihak BMI. Lantaran itu, pihak BMI perlu menjelaskan lebih tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah*, seperti jenis zakat yang diaplikasikan, asas pengenaan zakat harta pelanggan berkenaan dan lain-lain yang merangkumi konsep zakat yang dijalankan.

Mengikut tiga asas pengiraan zakat perniagaan yang dipersetujui oleh ulama Islam iaitu niat berniaga, cukup nisab dan cukup haul, amalan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* yang dilakukan oleh pihak BMI belum mematuhi landasan utama yang telah digariskan Islam dan disepakati oleh ulama dulu dan kini. Hal ini disebabkan pihak BMI dalam menjalankan pembayaran zakat pelanggan tidak memperhatikan kepada dua syarat iaitu cukup nisab dan cukup haul yang menjadi pengukuran wang pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* dikenakan zakat perniagaan. Selain itu, zakat yang dikeluarkan oleh pihak BMI hanya ke atas bahagian keuntungan pelanggan sahaja. Sementara itu, berdasarkan perbincangan zakat harta *muḍārabah* dalam bab 2 pula, ulama telah bersepakat bahawa *ṣāhib al-māl* dalam konteks ini iaitu pelanggan akaun simpanan *muḍārabah* wajib dikenakan zakat ke atas modal dan bahagian keuntungan.

Andaikan satu perbincangan bahawa amalan kutipan zakat ke atas keuntungan pelanggan yang dilakukan oleh pihak BMI pada setiap akhir bulan boleh diselaraskan dengan konsep zakat penghasilan dari sudut fiqh. Penyelarasan terhadap konsep zakat pendapatan perlu dilihat oleh pengkaji disebabkan terdapat pandangan seorang responden yang mengagak bahawa zakat yang dikeluarkan oleh pihak BMI ke atas pihak pelanggan merupakan jenis zakat pendapatan.

Zakat pendapatan yang dimaksudkan adalah zakat yang dikenakan ke atas hasil atau gaji yang diperoleh daripada kerja atau khidmat yang dilakukan. Ia adalah satu

konsep yang luas yang disebut dengan pelbagai istilah pada hari ini seperti gaji, upah, elaun, dan sebagainya.³⁰ Pendapatan seperti ini dinamakan oleh Al-Qaradāwī sebagai *al-māl al-mustafād* (harta perolehan). Walaupun dilihat secara imbas lalu bahawa ia adalah penyelarasan yang agak tepat, tetapi sebenarnya penyelarasan ini tidak serasi dan dengan sendirinya tertolak, apabila dilihat dari sudut kewujudan nisab ke atas segala harta yang dizakatkan. Oleh itu, mempraktikkan kutipan zakat tanpa memperhatikan syarat cukup nisab sebagaimana yang dijalankan BMI ke atas keuntungan pelanggan tidaklah sesuai dengan konsep zakat *al-māl al-mustafād*.

Oleh itu, pengkaji berkesimpulan bahawa pelaksanaan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia (BMI) dari sudut pengukuran kepatuhan kepada zakat perniagaan didapati lari dari konsep sebenar yang telah digariskan oleh ulama fiqh klasik dan kontemporari.

Namun begitu, berdasarkan hasil temu bual pengkaji dengan pihak BMI, pihak BMI telah menjalankan polisi pengubahsuaian konsep kutipan zakat kepada kutipan yang dipanggil ZIS (zakat infak dan sadaqah). Walaupun pihak BMI tidak menyebutkan secara pasti bila pengubahsuaian konsep tersebut bermula.³¹

Menurut Al-Jurjānī dalam kitab al-Taʿrifāt, infak bermakna pemberian harta atau penggunaan harta untuk kepentingan sesuatu.³² Manakala menurut pengertian syarak, infak bererti mengeluarkan sebahagian dari harta atau penghasilan untuk sesuatu kepentingan yang diperintahkan Islam. Infak berbeza dengan zakat dari sudut kewujudan nisab dan *mustahiq*. Pembayaran zakat tertakluk kepada paras nisab dan wajib diberikan kepada *mustahiq* tertentu. Manakala infak tidak tertakluk kepada paras nisab tertentu dan

³⁰ Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2003), 333.

³¹ Rudy Rinaldi Pratama (Jawatan Patuh Syariah) dalam temu bual dengan pengkaji 28 Mac 2016.

³² الإنفاق: هو صرف المال إلى الحاجة

infak boleh diberikan kepada sesiapaapun jua seperti kepada orang tua, anak yatim dan sebagainya.³³

Adapun sadaqah menurut definisi syariat memiliki pengertian yang sama dengan pengertian infak. Persamaan juga berlaku dalam hukum sadaqah dan ketentuan-ketentuannya. Namun begitu, infak berkaitan dengan pemberian yang bersifat fizikal, manakala sadaqah memiliki erti lebih luas berkaitan dengan hal yang bersifat non fizikal.³⁴

Berasaskan pengertian infak dan sadaqah, konsep pengubahsuaian yang dijalankan oleh pihak BMI menjurus kepada makna infak. Hal ini disebabkan pembayaran yang diamalkan oleh BMI berupa fizikal iaitu wang pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* daripada bahagian keuntungan pelanggan sebesar 2.5 peratus. Adapun pembayaran infak ini dibayarkan oleh pihak BMI apabila bahagian keuntungan pelanggan berkenaan tidak mencukupi paras nisab.

Selanjutnya, timbul isu dalam amalan pembayaran infaq bagi keuntungan pelanggan sebesar 2.5 peratus yang tidak mencapai paras nisab oleh pihak BMI iaitu penyekutuan niat antara ibadat wajib dan sunat. Di mana zakat sebagai ibadat wajib dan infak sebagai ibadat sunat. Isu ini timbul ikutan dari pernyataan pada borang pembukaan akaun simpanan *muḍārabah* iaitu pembayaran zakat dan infaq secara automatik³⁵ dan pengubahsuaian konsep yang dinamai pembayaran ZIS (Zakat Infaq dan Sadaqah).

Persoalan ini telah dijelaskan di dalam perbahasan *al-qawa'id al-fiqhiyyah* di bawah perbahasan *al-umūr bi maqāsidihā* dalam sub “apa-apa yang membezakan keikhlasan”. Perbahasan yang berkaitan dengan sub tersebut iaitu menyekutukan ibadat fardu dengan sunat. Di antara hukum *furū'* yang terbentuk ialah seseorang yang

³³ Didin Hafidhuddin, *Panduan Praktis tentang Zakat, Infaq, dan Shadaqah* (Jakarta: Gema Insani 1998), 14-15

³⁴ *Ibid.*, 15

³⁵ Lihat lampiran 4

menghulurkan sedikit wang dengan niat berzakat dan sadaqah biasa, yang diperolehinya ialah sadaqah sunat, sebagaimana yang disepakati oleh ulama.³⁶

Oleh itu, pengkaji berkesimpulan bahawa amalan pembayaran infak yang dijalankan oleh pihak BMI bagi keuntungan pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* yang tidak mencapai paras nisab dapat diterima. Hal ini disebabkan terdapat keizinan dari pihak pelanggan untuk pemotongan zakat dan infak sebagaimana yang telah dipersetujui oleh pelanggan pada masa pengisian borang pembukaan akaun simpanan *muḍārabah*.³⁷ Namun begitu, perlu penambahbaikan yang lebih terperinci dalam borang pembukaan akaun simpanan *muḍārabah* yang berbentuk keterangan sekiranya keuntungan yang dijana oleh pelanggan tidak mencapai paras nisab, pembayaran tersebut akan menjadi infaq. Tambahan pula, BMI hendaklah merakam amalan pembayaran wang pelanggan akaun simpanan *muḍārabah* sama ada dibayarkan sebagai zakat atau sebagai infak ataupun sadaqah dalam buku akaun simpanan pelanggan berkenaan.

4.4 Penutup

Berasaskan perbincangan dalam bab ini dapat disimpulkan bahawa amalan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia (BMI) bagi pelanggan yang membenarkan semasa mengisi borang pembukaan akaun berkenaan dari sudut pengukuran kepatuhan kepada zakat perniagaan terbukti terkeluar dari landasan syarak. Manakala dari sudut polisi pengubahsuaian konsep kepada bentuk pemotongan infak sekiranya keuntungan pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* tidak mencapai paras nisab, boleh diterima secara konsep Islam, walaupun perlu kepada penambahan keterangan dalam borang pembukaan akaun berkaitan hal tersebut secara terperinci.

³⁶ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *al-Ashbāh wa al-naẓāir* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1990), 22.

³⁷ Lihat lampiran 4

BAB V: PENUTUP

5.1 Pengenalan

Bab penutup ini, pengkaji akan membentangkan perkara yang mengandungi kesimpulan keseluruhan hasil kajian dan cadangan berdasarkan kajian pelaksanaan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia yang telah dilakukan.

5.2 Rumusan

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti keabsahan, ketepatan, serta kesesuaian mekanisme yang dijalankan oleh pihak Bank Muamalat Indonesia (BMI) dalam menawarkan perkhidmatan dan kemudahan pembayaran zakat pelanggan ke atas akaun simpanan *muḍārabah* menurut konsep zakat dan fiqh dalam Syariat Islam. Hal ini susulan daripada pelbagai persoalan yang timbul dalam amalan kutipan zakat pelanggan yang membolehkan pemotongan zakat secara automatik semasa pembukaan akaun simpanan *muḍārabah*. Di antara persoalan yang sangat penting adalah konsep pengiraan nisab dan haul.

Secara khususnya, kajian ini telah membahaskan empat objektif utama, iaitu pertama, memahami konsep dan kutipan zakat harta *muḍārabah* dalam Syariat Islam. Kedua, mengenalpasti pelaksanaan akad *muḍārabah* dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia. Ketiga, mengkaji pelaksanaan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia. Keempat, menganalisis adakah terdapat kesesuaian antara pelaksanaan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia dengan konsep zakat dalam Islam.

Perbincangan mengenai zakat harta *muḍārabah* dimulakan dengan konsep zakat secara umum. Zakat adalah satu dari rukun Islam yang lima, yang wajib dikeluarkan dan dibayar oleh orang Islam yang mempunyai harta yang tertentu dan syarat-syarat yang tertentu dan dikeluarkan serta diberikan kepada orang-orang daripada lapan *aṣnāf* yang telah ditentukan oleh al-Quran. Zakat telah diwajibkan dengan *naṣ* al-Quran dalam banyak ayat-ayat al-Quran. Dalam hal zakat, hadis wujud untuk memperkuat ketentuan bahawa zakat itu wajib. Kewajipan zakat juga diperoleh melalui ijmak para ulama Islam. Tidak ada seorang pun di kalangan mereka yang membantah atau tidak bersetuju dengan hukum kewajipan zakat. Para fuqahā' berbeza pendapat pada *al-amwāl al-zakawiyah*, namun mereka bersependapat dalam pengkategorian harta-harta yang dikenakan zakat sebagai berikut: Emas dan perak, termasuk mata wang, hasil tanaman dan pertanian, hasil galian dan harta karun, hasil ternakan, barang-barang perniagaan dan perusahaan. Harta *muḍārabah* ialah harta yang diberi oleh seseorang kepada seorang yang lain, supaya ia menjalankan perniagaan daripada modal yang diberikan itu dan untungnya dibahagikan antara mereka berdasarkan persetujuan yang dinyatakan dalam akad *muḍārabah*, maka harta ini dikira sebagai harta perniagaan. Para fuqaha telah memberikan pandangan yang berbeza mengenai kewajipan zakat yang dikenakan ke atas harta *muḍārabah*. Namun begitu, tidak ada satu pandangan pun yang mengatakan bahawa zakat tidak wajib ke atas pemodal. Ertinya, zakat diwajibkan kepada pemodal ke atas modal dan bahagian keuntungannya sahaja atau ke atas modal dan seluruh keuntungan. Perbincangan ini diperbincangkan oleh pengkaji secara terperinci di dalam bab II untuk menjawab objektif pertama bagi kajian ini.

Selanjutnya, perbincangan untuk mengenalpasti pelaksanaan akad *muḍārabah* dalam akaun simpanan *muḍārabah* di BMI di utarakan oleh pengkaji di dalam bab III bagi menjawab objektif kajian kedua. Perbincangan tersebut dimulakan dengan memperkenalkan Bank Muamalat Indonesia sebagai lokasi kajian yang merangkumi

profil BMI, sejarah penubuhan BMI, visi dan misi BMI, komposisi pemilikan saham BMI, entiti anak syarikat BMI, dan produk-produk BMI. Sesudah itu, pengkaji mendedahkan praktik akad *muḍārabah* dalam akaun simpanan *muḍārabah* di BMI. .

Perbincangan dalam bab III mendapati bahawa Bank Muamalat Indonesia merupakan institusi kewangan Islam yang pertama di Indonesia yang menawarkan produk-produk berteraskan prinsip-prinsip Syariah. Prinsip-prinsip syariah ini didasarkan kepada kontrak-kontrak (akad) muamalat tertentu. Aplikasi akad dalam akaun simpanan *muḍārabah* di BMI dikelola berdasarkan prinsip *muḍārabah muṭlaqah*. Ertinya pelanggan berperanan sebagai *ṣāhib al-māl* (pemilik dana) yang menyumbang modal kepada pihak BMI yang bertindak sebagai *muḍārib* (pengusaha). Dengan prinsip *muḍārabah muṭlaqah*, pihak pelanggan akaun simpanan sebagai pihak pemodal akan mendapat perkongsian keuntungan. Dalam kaitan dengan *muḍārabah muṭlaqah*, Bank bersedia untuk melakukan pengelolaan wang pelanggan yang dicatatkan dalam bentuk buku akaun atas nama pelanggan berkenaan. Manakala pelanggan juga memberi persetujuan kepada Bank untuk mengelola wang yang telah dilaburkan pada Bank dan digunakan serta diambil manfaatnya oleh Bank sesuai dengan prinsip *muḍārabah muṭlaqah* tanpa apa-apa sekatan dan digunakan sesuai prinsip Syariah.. Formula pengiraan keuntungan pelanggan seperti diterangkan seperti berikut:

$$\text{Bagi hasil pelanggan} = \frac{\text{baki purata harian}}{1000} \times HI - 1000 \times \text{nisbah pelanggan}$$

HI-1000 adalah angka yang menunjukkan hasil pelaburan atau pengelolaan dana yang diperolehi dari setiap penyaluran seribu Rupiah dana oleh pihak BMI. Manakala baki purata harian adalah jumlah baki pada setiap hari pengebilan dibahagikan dengan bilangan hari kitaran pengebilan atau jumlah hari bulan berkenaan.

Dalam hal risiko yang berlaku, pelanggan menanggung risiko bersifat kewangan yang timbul dari pengelolaan wang tersebut sedangkan pihak Bank memikul risiko yang tidak bersifat kewangan. Dalam pengeluaran produk akaun simpanan *muḍārabah*, BMI

telah pun mengenalkannya dengan menunjukkan beberapa keistimewaan yang terdapat pada setiap produk berkenaan. Hal ini dilakukan untuk lebih menarik minat penyimpannya, maka pihak bank telah menawarkan pelbagai keistimewaan serta manfaat tertentu kepada mereka. Selain mendapatkan pembahagian keuntungan, di antara manfaat dan keistimewaan yang boleh diperoleh oleh pelanggan berkenaan adalah:

1. Kepastian transaksi berdasarkan konsep Syariah. Ini dikeranakan berlakunya pengawasan dari Dewan Pengawas Syariah (DPS) dalam setiap pengeluaran sesebuah produk.
2. Dana yang disimpan pelanggan akan dikelola dan dilaburkan oleh pihak BMI dalam aktiviti-aktiviti halal dan menguntungkan.
3. Pelanggan dapat memelihara kewangannya dengan baik dan lebih terencana melalui BMI di setiap pejabat cawangan BMI yang tersebar di seluruh Indonesia dan fasiliti yang diberikan oleh BMI seperti ATM, kad debit, phone banking, dan sebagainya.
4. Pelanggan mendapat kemudahan untuk mengeluarkan wang simpanannya setiap masa sesuai ketentuan yang berlaku dengan menggunakan kad ATM di setiap mesin ATM Muamalat, ATM BCA, dan ATM bank konvensional yang berlambang ATM Bersama.

Adapun perbincangan bagi menjawab objektif kajian ketiga dan keempat didedahkan di dalam bab IV. Pengkaji mendapati mekanisme kutipan zakat hanya dijalankan ke atas bahagian keuntungan pelanggan setelah tolakan cukai pendapatan sebesar 20 peratus. Ini bermakna keuntungan bersih yang diagihkan oleh pihak BMI setiap akhir bulan kepada pelanggan akaun simpanan *muḍārabah* setelah tolakan cukai pendapatan sebesar 20 peratus dan pembayaran zakat ke atas bahagian keuntungan pelanggan sebesar 2.5 peratus. Pembayaran zakat oleh pihak BMI ke atas bagian keuntungan pelanggan tidak memperhatikan adakah keuntungan pelanggan mencukupi

kadar nisab dan memenuhi tempoh haul ataupun tidak. Hujjah utama pihak BMI terhadap pelaksanaan mekanisme pemotongan zakat keuntungan pelanggan adalah keizinan atau kebenaran pihak pelanggan untuk menjalankan pembayaran zakat. Walaupun tidak dinafikan bahawa pengkaji mendapati dari hasil temu bual dengan 5 orang pelanggan wujudnya permintaan keizinan pembayaran zakat ke atas wang pelanggan dari pihak BMI kepada pelanggan semasa pembukaan akaun simpanan *muḍārabah*, akan tetapi ketidakfahaman pelanggan terhadap mekanisme yang dijalankan oleh pihak BMI dalam kutipan zakat pelanggan disebabkan kurangnya penjelasan secara terperinci daripada pihak BMI.

Pada akhirnya, dalam menganalisa kutipan zakat bagi pelanggan akaun simpanan *muḍārabah* di BMI, pengkaji merujuk kepada kaedah pengutipan zakat perniagaan yang merangkumi asas pengiraan zakat perniagaan. Selanjutnya, pengkaji akan menganalisa kesesuaian pengutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* yang dijalankan BMI dengan kaedah yang telah ditetapkan ulama berkaitan dengan kaedah zakat perniagaan. Mengikut tiga asas pengiraan zakat perniagaan yang dipersetujui oleh ulama Islam iaitu niat berniaga, cukup nisab dan cukup haul, amalan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* yang dilakukan oleh pihak BMI tidak sah. Hal ini disebabkan pihak BMI dalam menjalankan pembayaran zakat pelanggan tidak memperhatikan kepada dua syarat iaitu cukup nisab dan cukup haul yang menjadi pengukuran wang pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* dikenakan zakat perniagaan. Selain itu, zakat yang dikeluarkan oleh pihak BMI hanya ke atas bahagian keuntungan pelanggan sahaja. Sementara itu, berdasarkan perbincangan zakat harta *muḍārabah* dalam bab II pula, ulama telah bersepakat bahawa *ṣāhib al-māl* dalam konteks ini iaitu pelanggan akaun simpanan *muḍārabah* wajib dikenakan zakat ke atas modal dan bahagian keuntungan. Oleh itu, pengkaji berkesimpulan bahawa amalan kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* yang dijalankan oleh Bank Muamalat Indonesia belum bersesuaian dengan konsep zakat dalam Islam.

Namun begitu, pihak BMI telah membuat satu polisi dalam bentuk pengubahsuaian kutipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* kepada kutipan yang dipanggil infaq dan sadaqah daripada bahagian keuntungan pelanggan sebesar 2.5 peratus. Pembayaran infak ini dibayarkan oleh pihak BMI apabila bahagian keuntungan pelanggan berkenaan tidak mencukupi paras nisab.

Amalan pembayaran infak yang dijalankan oleh pihak BMI bagi keuntungan pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* yang tidak mencapai paras nisab dapat diterima. Hal ini disebabkan dua hal:

Pertama: terdapat keizinan dari pihak pelanggan untuk pemotongan zakat dan infak sebagaimana yang telah dipersetujui oleh pelanggan semasa pengisian borang pembukaan akaun simpanan *muḍārabah*. Kedua: Hal ini juga disokong oleh hukum *furū'* yang terbentuk di dalam perbincangan *al-qawa'id al-fiqhiyyah* berkaitan dengan sub dalam "apa-apa yang membezakan keikhlasan" iaitu seseorang yang menghulurkan sedikit wang dengan niat berzakat dan sadaqah biasa, yang diperolehinya ialah sadaqah sunat, sebagaimana yang disepakati oleh ulama.

5.3 Cadangan

Hasil daripada rumusan dan dapatan kajian yang telah dibuat, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan seperti berikut:

1. BMI hendaklah menilai semula amalan pembayaran zakat pelanggan yang membenarkan dalam akaun simpanan *muḍārabah*. Kajian ini mencadangkan agar BMI perlu memastikan asas pengiran zakat perniagaan dari sudut mencapai paras nisab dan haul.
2. BMI hendaklah membuat penambahbaikan pada borang pembukaan akaun simpanan *muḍārabah*, khususnya pada bahagian yang menjelaskan pemotongan zakat automatic bagi pelanggan yang membenarkan. Seperti menyatakan

sekiranya keuntungan pelanggan yang tidak mencapai paras nisab, maka wang pelanggan akan dibayarkan sebagai infak ataupun sadaqah.

3. BMI hendaklah merakam amalan pembayaran wang pelanggan akaun simpanan *muḍārabah* sama ada dibayarkan sebagai zakat atau sebagai infak ataupun sadaqah dalam buku akaun simpanan pelanggan berkenaan.
4. BMI perlu mewujudkan satu perisian komputer yang mampu mengira wang pelanggan sama ada telah mencapai paras nisab ataupun tidak.
5. Pegawai bank yang menjawat jawatan *customer service*, hendaklah diberikan perhatian yang khusus kerana mereka merupakan wakil bank dalam melakukan kontrak dengan para pelanggan. Oleh itu, pegawai yang ditempatkan pada jawatan berkenaan perlu latihan lebih dalam untuk memahami rukun-rukun dan syarat-syarat dalam sesebuah akad, khususnya akad *muḍārabah*. Supaya rukun-rukun yang dilakukan, khususnya rukun *al-ṣīghah* di antara pelanggan yang ingin membuka akaun simpanan dan Bank dapat dijalankan selaras dengan kehendak syarak.
6. Selain itu, pegawai bank yang menjawat jawatan *customer service* perlu memahami rukun-rukun dan syarat zakat, supaya boleh memberikan pendedahan secara jelas kepada pelanggan Muslim berkenaan jenis zakat yang sewajarnya dikeluarkan atas wang mereka.
7. Para pelanggan yang membenarkan pembayaran wang mereka hendaklah berusaha untuk mengetahui secara terperinci tentang mekanisma yang dijalankan oleh BMI.
8. Penyelidik atau ahli akademik perlu sentiasa menjalankan kajian lanjutan berhubung kait dengan kewajipan zakat pelanggan dalam akaun simpanan *muḍārabah* sama ada dikira secara berasingan atau dikira sebagai satu harta syarikat BMI.

BIBLIOGRAFI

Rujukan Kepada Buku

- Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor, "Struktur Sistem Kewangan Islam (SKI) di Malaysia," dalam *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*, ed. Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2006.
- Abī 'Ubayd al-Qāsim bin Salām, *Kitāb al-Amwāl*, Beirut: Dār al-Shurūq, 1989.
- Abū al-Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth, al-'Arabī, t.t..
- Adiwarman A. Karim, *Bank Islam: Analisis Fiqih dan Keuangan*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, 2007.
- Al-Alūsī, Shihāb al-Dīn Maḥmūd bin 'Abd Allāh al-Husaynī, *Ruḥ al-Ma'ānī fī Tafsīr al-Qurān al-'Aẓīm wa al-Sab' al-Mathānī*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1415H.
- Al-aṣfahānī, Abu al-Qāsim Al-Husayn bin Muḥammad, *Al-Mufradāt fī Gharīb al-Qurān*, Beirut: Dār al-Qalam, 1412H.
- Al-'Asqalānī, Abū al-Faḍl Aḥmad bin 'Alī bin Muḥammad bin Aḥmad bin Ḥajar, *Ithāf al-Mahārah bi al-Fawā'id al-Mubtakarah min Aṭrāf al-'Asharah*, Madinah: Majma' al-Mulk, 1994.
- Al-Bahūtī, Manṣūr bin Yūnūs, *Kashāf al-Qinā' 'an Matan al-Iqnā'*, Beirut: Dār al-kutub 'Ilmiyyah, t.t..
- Al-Bukhārī Muḥammad bin Ismā'īl Abū 'Abd Allāh, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Dār Ṭūq al-Najāh, 1422 H.
- Al-Dāruquṭnī, Abū al-Hasan 'Alī bin 'Umar bin Aḥmad bin Maḥdī bin Mas'ūd bin al-Nu'mān bin Dīnār al-Baghdadi, *Sunan al-Dāruquṭnī*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2004.
- Al-Ḥaṭṭāb al-Ru'yanī al-Mālikī, *Mawāhib al-Jalīl fī Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*, Beirut: Dār al-Fikr, 1992.
- Al-Jazīrī, 'Abd al-Rahman bin Muḥammad 'Awaḍ, *Al-Fiqh 'alā al-Mazāhib al-Arba'ah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003.
- Al-Jurjānī, 'Alī bin Muḥammad, *Al-Ta'rīfāt*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983.
- Al-Kāsānī, *Badā'i' al-Ṣanā'i' Fī Tartīb al-Sharā'i'*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1986.

- Al-Khayyāt, Abd al-‘Aziz ‘Azat, *Al-Sharikāt fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah wa al-Qanūn al-Waḍ‘ī*, Beirut: Muassah al-Risālah, 1983.
- Al-Mardāwī, ‘Alā’ al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Sulaymān, *Al-Inṣāf fī Ma‘rifah al-Rājih min al-Khilāf*, Beirut: Dār Ihyā’ al-Turādh al-‘Arabī, t.t..
- Al-Māwardī, Abū al-Hasan Alī ibn Muḥammad ibn Muḥammad ibn Ḥabīb, *Al-Ḥawī al-Kabīr*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyā Yahyā bin Syaraf, *Al-Majmu‘ Sharḥ al-Muhadhab*, Beirut: Dār al-Fikr, t.t..
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah Liaḥkāmihā wa Falsafatihā Fī Daw‘i al-Qurān wa al-Sunnah*, Beirut: Mu’assasah al-Risalah, 1973.
- Al-Qurṭubī, Shams Al-Dīn, *al-Jāmi‘ Li Ahkam al-Qur‘ān*, Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, t.t..
- Al-Rahībānī, Muṣṭafā bin Sa‘ad bin ‘Abdah, *Maṭālib Ūlī al-Nuhā fī Sharḥ Ghayat al-Muntahā*, Damaskus: Al-Maktab al-Islāmī, 1994.
- Al-Samarqandī, ‘Alā’ al-Dīn, *Tuḥfah al-Fuqahā’*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994.
- Al-Sarakhsī, Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Sahl, *Al-Mabsuṭ*, Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1993.
- Al-Shafī‘ī, Muḥammad bin Idrīs, *Al-Um*, Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1990.
- Al-Shanqīṭī, Muḥammad al-Amīn bin Muḥammad al-Mukhtār bin ‘Abd al-Qādir al-Jaknī, *Aḍwā’ al-Bayān fī Ḍāḥ al-Qur‘ān bi al-Qur‘ān*, Beirut: Dār al-Fikr, 1995.
- Al-Sharbīnī, Shams al-Dīn, Muḥammad bin Aḥmad al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma‘rifah alfāz al-Minhāj*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994.
- Al-Shawkānī, Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Abd Allāh, *Nayl al-Awṭār*, Mesir: Dār al-Hadith, 1993.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn, *al-Ashbāh wa al-nazāir*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1990.
- Al-Ṭanṭāwī, Muḥammad Sayyid, *Al-Tafsīr al-Wasīṭ Li al-Qur‘ān al-Karīm*, Kaherah: Dār Nahḍah Miṣr Li al-Ṭabā‘ah Wa al-Nashr Wa al-Tawzī‘, 1997.
- Ascarya, *Akad dan Produk Bank Syariah*, ed. ke-1, Jakarta: Rajawali Pers, 2011.
- Bank Muamalat Indonesia, “Laporan tahunan pelaksanaan tata kelola perusahaan (Good Corporate Governance) Tahun 2015,”
- _____. “Laporan Tahunan 2008”, Jakarta: Bank Muamalat Indonesia, 2008.

- _____. "Laporan Tahunan 2016", Jakarta: Bank Muamalat Indonesia, 2016.
- Didin Hafidhuddin, *Panduan Praktis tentang Zakat, Infaq, dan Shadaqah*, Jakarta: Gema Insani 1998.
- _____. *Zakat Dalam Perekonomian Modern*, Jakarta:Gema Insani, 2002.
- Hadenan Towpek dan Joni Tamkin Borhan, *Untung dalam Sistem Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.
- Ibn 'Ābidīn, *Radd al-Mukhtār 'alā al-Dūr al-Mukhtār*, Beirut: Dār al-Fikr, 1992.
- Ibn Hazm, Abu Muḥammad 'Alī bin Ahmad bin Sa'īd, *Al-Muhalla bi al-Āthār*, Beirut: Dār al-Fikr, t.t..
- Ibn Khaldūn, *Al-Muqaddimah*, Kaherah: Dār Ibn Khaldun Iskandariyyah, t.t..
- Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī Li Ibn Qudāmah*, Kaherah: Maktabah al-Qāhirah, 1968.
- Ibn Qudāmah, Muwaffaq al-Dīn Abī Muḥammad 'Abd Allāh bin Ahmād bin Muḥammad, *Al-Mughnī*, Riyad: Dār 'Ālam al-Kutub, 1998.
- Ismail Yusuf dan Wan Nasyarudin Wan Abdullah, "Zakat Perniagaan yang Diikhtilafkan oleh Fuqaha dan Kesannya Apabila Dilaksanakan," dalam *Zakat Pensiariatan, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006).
- JAWHAR, *Manual Pengiraan Zakat Perbankan*, Putra Jaya: JAWHAR, 2010.
- _____. *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat*, Putrajaya: JAWHAR, 2009.
- Khallāf, 'Abd al-Wahhāb, *Ilm Uṣūl al-Fiqh*, Kaherah: Maktabah al-Da'wah al-Islāmiyyah Shabāb al-Azhar, 1968.
- M. Quraish Shihab, *Tafsir al-Misbah*, Jakarta: Lentera Hati, 2005.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2003.
- Mat Sa'ad bin Hassan, "Pengiraan Zakat Harta Perniagaan atau Perusahaan," dalam *Zakat Ditinjau Dari Perspektif Sosial, Undang-undang dan Taksiran*, ed. Mohd Ali Baharum (Kuala Lumpur, Dewan Pustaka Alam, 1989).
- Mohd Faiz Hakimi Mat Idris, Ishak Sulaiman, dan Kamaruzzaman Noordin, *Muḍārabah Perkongsian Modal dan Untung*, Pahang: Book Pro Publishing Services, 2008.
- Mohd. Saleh Ahmad, "Penentuan Hukum Syarak dalam Taksiran Zakat Perniagaan," dalam *Zakat: Pensiariatan, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir, Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.

- Muhammad Hafiz, Alias Azhar, dan Che Thalbi Md Ismail, “Sorotan Teori dan Amalan Zakat Perbankan di Bank Simpanan Nasional Berhad,” dalam *Isu Kontemporari Pengurusan dan Pembayaran Zakat di Malaysia*, ed. Nor Aini Ali, Azizi Che Seman dan Mohammad Taquiuddin Mohamad, Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, t.t..
- Muhammad Hasan Abū Yahyā, *Iqtisādunā fi Daw’ al-Qurān wa al-Sunnah*, Urdun: Dār ‘Ammār li al-Nashr, 1989.
- Muhammad Kamal ‘Atiyah, *Perakaunan Zakat Teori dan Praktis*, terj. Mohd. Nor bin Ngah, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- Muhammad Syafi’i Antonio, *Bank Syariah dari Teori ke Praktik*, Jakarta: Gema Insani Press, 2001.
- Mustafā al-Khin *et al*, *al-Fiqh al-Manhajī ‘alā madhhab al-Imām al-shāfi’ī*, Damsyik: Dār al-Qalam, 1992.
- Nasrun Haroen, *Fiqh Muamalah*, Jakarta: Gaya Media Pratama, 2000.
- Nor ‘Azzah Kamri, Nor Aini Ali, dan Azizi Che Seman, “Kaedah Pengiraan dan Agihan Zakat Perniagaan Institusi Perbankan Islam Terpilih,” dalam *Isu Kontemporari Pengurusan dan Pembayaran Zakat di Malaysia*, ed. Nor Aini Ali, Azizi Che Seman dan Mohammad Taquiuddin Mohamad, Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, t.t..
- Sanep Ahmad, “Zakat Perkongsian: Ke atas Entiti Syarikat atau Individu,” dalam *Zakat Pensiariatan, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Sayed Sikandar Shah Haneef dan Mek Wok Mahmud, *Issues In Contemporary Zakah: A juristic Analytical Evaluation*, Malaysia: IIUM pres, 2011.
- Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, Beirut: Dār al-Fikr, 1977.
- Shofian Ahmad dan Amir Husin Mohd. Nor, *Zakat: Membangun Ummah*, Kuala Lumpur, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2002.
- Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, Damshiq: Dār al-Fikr, t.t..
- Wizārah al-Awqāf Wa al-Shu’ūn al-Islamiyyah, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*, ed. ke-2. Kuwait: Dār al-Salāsīl, 1427 H.
- Zaharuddin Abd Rahman, *Wang, Anda dan Islam: halal dan haram kewangan dalam perbankan*, ed. ke-2, Malaysia: True Wealth Sdn Bhd, 2009.
- Zahri Hamat, *Perakaunan Zakat Perniagaan di Malaysia*, Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.
- Zainulbahar Noor, *Bank Muamalat: Sebuah Mimpi, Harapan dan Kenyataan*, Jakarta: Bening Publishing, 2006.

Zamzuri zakaria, "Zakat Galian: Sumber Yang Diittifaq dan Diikhtilaf," dalam *Zakat Pensiaryiatan Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.

Rujukan Kepada Jurnal dan Kertas Kerja

Adilah Mahmud, "Konsep At-Tijarah dalam Tafsir Al-Misbah Karya M.Quraish Shihab," *Jurnal al-Asas*, Vol.III, no. 2 (Oktober 2015).

Ahmad Hidayat Buang, "Harta-harta Yang Dikenakan Zakat: Satu Analisis Hukum," *Jurnal Syariah* 6, (1998).

Arif Pujiyono, "Posisi dan Prospek Bank Syariah dalam Dunia Usaha Perbankan," *Jurnal Dinamika Pembangunan* vol. 1, no. 1 (Juli 2004).

Mahmood Zuhdi Abd Majid, "Sumber-sumber Zakat : Huraian Berasaskan Realiti Semasa di Malaysia," *Jurnal Syariah*, Jld. 3, Januari 1995, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Munawar Badruddin dan Norhafizah binti Abdul Razak, "Reorientasi Tentang Zakat Perniagaan: Pengalaman di Malaysia," *Media Syariah*, Vol. XIII, no. 2 (Juli - Desember 2011).

Sanep Ahmad dan Ahmad Othman, "Penilaian Semula Taksiran Zakat Perniagaan Korporat Bagi Menghasilkan Satu Nilai Taksiran yang Seragam di Malaysia ," *Jurnal Syariah*, Vol. 18, no. 3 (2010).

Zulkifli Hasan, "Does Islamic Financial Institutions Need to Pay Zakat?," *The Malaysian Reserve*, 29 Julai 2013.

Rujukan Disertasi dan Tesis

Fauzi kado, "Analisis Skim Pelaburan Al-Mudārabah Di Islamic Bank Of Thailand" (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, 2009).

Humam bin Daud, "Kutipan Zakat dan Agihannya: suatu kajian di awal Islam" (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, 2004).

Iskandar, "Tahap Kefahaman Pelanggan Bank Muamalat Indonesia Cawangan Banda Aceh Terhadap Akad Mudharabah" (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, 2013).

Mamat bin Said, "Zakat Perniagaan: Satu Kajian di Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH)" (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, 2001).

- Mazlia Aini Binti Mat Taib, “Keberkesanan Pelaksanaan Kutipan Zakat Korporat Perniagaan Di Selangor” (Disertasi Sarjana Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008).
- Iskandar, “Tahap Kefahaman Pelanggan Bank Muamalat Indonesia Cawangan Banda Aceh Terhadap Akad Mudharabah” (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, 2013).
- Mamat bin Said, “Zakat Perniagaan: Satu Kajian di Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH)” (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, 2001).
- Mazlia Aini Binti Mat Taib, “Keberkesanan Pelaksanaan Kutipan Zakat Korporat Perniagaan Di Selangor” (Disertasi Sarjana Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008).
- Muhammad Ikhlas bin Rosele, “*Isu Pembayaran Zakat Institusi Kewangan Islam di Malaysia*” (Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016).
- Norazah Binti Kosim, “*Zakat Petroleum Di Malaysia: Kajian Kes Di Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)*” (Disertasi Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).
- Suryani binti Masnan, “Kaedah Pembayaran Zakat Pendapatan Melalui Skim Potongan Gaji Oleh Lembaga Zakat Selangor” (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, 2012).
- Taufiq Kurniawan, “Aplikasi Akad Muḍārabah dalam Produk Tabungan Haji dan Umrah (TAHAROH) di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah (BPRS HIK) Bekasi, Indonesia” (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, 2014).
- Yusof bin Ramli, “Muḍārabah: Konsep dan Pemakaiannya dalam Institusi Kewangan di Malaysia” (Tesis Doktor Falsafah Syariah, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, 2003).

Rujukan Kepada Laman Sesawang

- Otoritas Jasa Keuangan (OJK), “Institusi Perbankan Indonesia”, Laman Sesawang resmi OJK, dicapai 3 Mac 2016, <http://www.ojk.go.id/id/kanal/perbankan/ikhtisar-perbankan/Pages/Lembaga-Perbankan.aspx>.
- OJK, dicapai 3 Mac 2016, <http://www.ojk.go.id/id/FAQ.aspx>

Rujukan Kepada Temu Bual

Adam Muhammad Umar (Pelanggan Akaun Simpanan *Muḍārabah*) dalam temu bual dengan pengkaji, 30 Mei 2016

Fitria Humaira (Pelanggan Akaun Simpanan *Muḍārabah*) dalam temu bual dengan pengkaji, 10 Mei 2016.

Liza Noviani (Pelanggan Akaun Simpanan *Muḍārabah*), dalam temu bual dengan pengkaji, 10 Mei 2016.

Muhammad Aqsha (Pelanggan Akaun Simpanan *Muḍārabah*), dalam temu bual dengan pengkaji, 10 Mei 2016.

Muhammad Rizal (Pelanggan Akaun Simpanan *Muḍārabah*), dalam temu bual dengan pengkaji 30 Mei 2016.

Raifky Bayu Aji (Domestic Operation Division dalam Operation Policy Development Department), dalam temu bual dengan Pengkaji 24 Mac 2016.

Rudy Rinaldi Pratama (Jawatan Kepatuhan Syariah) dalam temu bual dengan pengkaji 28 Mac 2016.

University of Malaya